

Universiti APEX:
Satu Iuntutan,
Satu Pengorbanan



Laporan Tahunan
Universiti Sains Malaysia
Annual Report

2009





Kandungan

4	Misi
4	Objektif
5	Sejarah
6	Canselor
7	Pro Canselor
8	Lembaga Pengarah Universiti
9	Organogram Pengurusan
10	Senarai Pusat Pengajian
11	Pengurusan Universiti
12	Ketua Pusat Tanggungjawab
15	Laporan Naib Canselor
18	Kampus Kesihatan
20	Kampus Kejuruteraan
22	Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa
26	Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar
34	Bahagian Penyelidikan dan Inovasi
40	Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat
46	Jabatan Pendaftar
54	Jabatan Bendahari
58	Perpustakaan
64	Jabatan Pembangunan
68	Penerbit USM
72	Bahagian Pembangunan Lestari dan Korporat
76	Laporan Kewangan
78	Statistik Kewangan
85	Penyata Kewangan
134	Perangkaan USM



Misi

Misi utama Universiti ialah memimpin dan menginovasi untuk mencapai kecemerlangan pada peringkat antarabangsa melalui pemajuan dan penyebaran ilmu dan kebenaran, pemupukan kualiti yang menekankan kepada kecemerlangan akademik dan profesional, perkembangan individu yang menyeluruh dan komitmen yang kukuh terhadap aspirasi masyarakat, aspirasi negara dan aspirasi universal.

Objektif

- Memenuhi keperluan tenaga selaras dengan dasar negara.
- Meningkatkan mutu pendidikan melalui pengukuhan dan penambahan program akademik supaya sesuai dengan kehendak dan keperluan semasa dan masa hadapan.
- Menjadi Pusat Kecemerlangan Penyelidikan melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan.
- Mewujudkan perkongsian pintar dengan industri dan agensi luar negara.
- Melahirkan siswazah yang cemerlang dari segi keilmuan, sahsiah dan amalan.
- Membangunkan prasarana yang kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran.
- Mengantarabangsakan Universiti.
- Memantapkan pengurusan semua fungsi utama Universiti.

Sejarah USM

Cadangan penubuhan Universiti Sains Malaysia (USM) bermula pada tahun 1962 apabila kelulusan resolusi yang mencadangkan agar sebuah kolej universiti ditubuhkan di negeri Pulau Pinang diluluskan. Sehubungan itu, sebidang tanah yang terletak di Sungai Ara telah diperuntukkan untuk merealisasikan cadangan ini. Pada 7 Ogos 1967, Perdana Menteri Malaysia Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah merasmikan Peletakan Batu Asas untuk penubuhan kolej universiti ini. Pada tahun 1969 pula, Universiti Pulau Pinang ditubuhkan untuk memenuhi keperluan kampus yang lebih luas dan kondusif, sesuai dengan keperluan guna tenaga negara pada masa depan. Penubuhan USM selanjutnya telah diaktakan sebagai satu Perintah Perbadanan yang ditandatangani oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 menerusi Warta Kerajaan P.U. (A) 383/71.

Jentera pentadbiran USM dijalankan secara eksekutif oleh sebuah Lembaga Pengarah yang dianggotai oleh ahli-ahli yang dipilih daripada kalangan warga Universiti, wakil jabatan kerajaan dan pelantikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Sebagai badan eksekutif, Lembaga Pengarah berhak melaksanakan kuasa-kuasa yang diberikan melalui Perlembagaan Universiti, Statut, Akta dan Peraturan-Peraturan yang ditetapkan.

Bermula dengan pengambilan seramai 57 orang pelajar sains pada tahun 1969, USM terus membangundengan pesatnya. Kini USM menawarkan pelbagai kursus pada peringkat ijazah sarjana muda dan pascasiswazah kepada 28,788 orang pelajar. USM diiktiraf sebagai salah satu daripada tujuh buah Pusat Pendidikan Serantau untuk Pendidikan bagi Pembangunan Lestari (EfSD) terawal dunia oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 29 Jun 2005. Pelbagai kejayaan dicapai oleh USM dalam pelbagai bidang, terutamanya penyelidikan termasuklah penerimaan status 'Universiti Berintensifkan Penyelidikan' oleh Kerajaan Malaysia pada 11 Oktober 2006. Pada 3 September 2008 pula, USM telah diamanahkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk menjayakan Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (APEX) yang bertemakan 'Transformasi Pengajian Tinggi'. Seterusnya pada 13 Mei 2009 kejayaan ini diiktiraf dalam *The Malaysian Book of Records* dan pada 18 Julai 2009 proses penjenamaan semula USM bermula.



Canselor



D.Y.M.M. TUANKU SYED SIRAJUDDIN IBNI AL-MARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL

D.K.P.,D.K.,S.S.P.J.,D.K.M.,D.M.N.,D.K. (PERAK), D.K. (NEGERI SEMBILAN),
D.K. (KEDAH), D.K. (KELANTAN), D.K.M.B. (BRUNEI), D.K. (SELANGOR),
D.K. (PAHANG), D.K. (TERENGGANU), S.P.M.J.,S.P.C.M.,S.S.M.T.,
GRAND ORDER OF KING TOMISLAV (CROATIA), GRAND COLLIER DE
L'INDEPENDENCE (GRAND MEDAL OF THE INDEPENDENCE) - CAMBODIA,
GRAND CROIX DE CORDINE (ITALY), DECORATION OF Omayad - THE FINEST
DECORATION (SYRIA), KNIGHT OF THE ROYAL ORDER OF
THE SERAPHIM (SWEDEN), GRAND CORDON OF THE ORDER OF
THE SACRED TREASURE (JAPAN)

Pro Canselor



TAN SRI DATO' DR. LIN SEE-YAN

P.S.M., D.P.M.P., D.S.A.P., J.M.N., J.S.M., A.M.N., B.A., B.A.(HONS.),
M.P.A. (FINANCE), M.A. (ECONS), PH.D. (ECONS), C.STAT. (LONDON),
F.R.S.S. (LONDON), F.I.B.M., F.M.I.I.(HON), F.M.I.M., F.M.E.A.,
HON.PH.D (ECONS), EISENHOWER FELLOW.



TAN SRI RAZALI ISMAIL

P.S.M., D.S.D.K., J.S.M., B.A.(HONS), HON. LL.D. (U.K.M.),
HON. LL.D. (U.S.M.)

Lembaga Pengarah Universiti



Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
TAN SRI DATO' HAJI ANI AROPE

P.S.M., S.I.M.P., D.P.M.J., D.M.P.N., J.M.N., K.M.N.,
B.Agri.Sc. (N.Z.), M.Sc. (Vermont), Hon. D.Sc. (Ghent),
Hon. D.Sc. (U.S.M.), Hon. LL.D. (Ohio), Hon. D.Com. (Lincoln),
Hon. LL.D. (Indiana), Hon. D.Sc. (U.P.M.)




Naib Canselor

2. PROFESOR TAN SRI DATO' DZULKIFLI ABDUL RAZAK

Dua Orang Yang Mewakili Kerajaan

3. PROFESOR DR. RUJHAN MUSTAFA

4. ENCIK MOHD. ESA ABD. MANAF



Mewakili Masyarakat Tempatan



5. DATO' JAMALUDIN HASAN

Lantikan Menteri Pengajian Tinggi

6. DATO' DR. LIM YU HOE


7. DATUK MUSTAFA MANSUR

8. DATUK ABDULLAH ABDUL WAHAB



ORGANOGRAM PENGURUSAN UNIVERSITI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



SENARAI PUSAT PENGAJIAN

- Pusat Pengajian Bahasa Literasi dan Terjemahan
- Pusat Pengajian Komunikasi
- Pusat Pengajian Sains Fizik
 - Unit Ilmu Falak dan Sains Atmosfera
 - Pusat Pendidikan, Latihan dan Penyelidikan Tenaga Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga
- Pusat Pengajian Sains Kimia
- Pusat Pengajian Sains Farmasi
- Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
 - Unit Penyelidikan Pendidikan Asas
- Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
- Pusat Pengajian Sains Komputer
 - Unit Terjemahan Melalui Komputer
- Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
- Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan
- Pusat Pengajian Seni
- Pusat Pengajian Pengurusan
 - Pusat Pengurusan Termaju
- Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
 - Unit Penyelidikan dan Pendidikan Untuk Perdamaian
 - Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam
- Pusat Pengajian Sains Matematik
- Pusat Pengajian Sains Kajihayat
 - Unit Penyelidikan Kawalan Vektor
 - Pusat Kajian Samudera dan Pantai
- Pusat Pengajian Teknologi Industri
- Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral
- Pusat Pengajian Sains Kesihatan
- Pusat Pengajian Sains Perubatan
- Pusat Pengajian Sains Pergigian

SENARAI PUSAT PENYELIDIKAN / KECERMELANAGAN

- Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia
- Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa
- Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara
- Pusat Kawalan Doping
- Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar
- Pusat Racun Negara
- Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-Ubatan
- Unit Inovasi dan Pembangunan Teknologi Kejuruteraan
- Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita
- Institut Penyelidikan Perubatan Molekul
- Unit Inovasi dan Pembangunan Teknologi Perubatan
- Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT)
- Pusat Genom Manusia (Pusat Virtual)
- Pusat Rekabentuk Mikroelektronik Negara
- Pusat IPv6 Termaju Negara
- Institut Farmaseutikal dan Nutrasedutikal Malaysia

SENARAI PELANTAR PENYELIDIKAN

- Pelantar Penyelidikan Transformasi Sosial
- Pelantar Penyelidikan Sains Hayat
- Pelantar Penyelidikan Sains Fundamental
- Pelantar Penyelidikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Pelantar Penyelidikan Sains Kesihatan dan Bio-Perubatan
- Pelantar Penyelidikan Sains Klinikal
- Pelantar Penyelidikan Kejuruteraan dan Teknologi

SENARAI PERKHIDMATAN AKADEMIK

- Pusat Bahasa dan Terjemahan
- Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia

Pengurusan Universiti



- 1 Naib Canselor
PROFESOR TAN SRI DATO' DZULKIFLI ABD RAZAK
- 2 Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
PROFESOR AHMAD SHUKRI MUSTAPA KAMAL
- 3 Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
PROFESOR ASMA ISMAIL
- 4 Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar)
PROFESOR OMAR OSMAN
- 5 Timbalan Naib Canselor
(Jaringan Industri dan Masyarakat)
PROFESOR LIM KOON ONG

- 6 Pengarah, Kampus Kesihatan
PROFESOR DATO' MAFAUZY MOHAMED
- 7 Pengarah, Kampus Kejuruteraan
PROFESOR KHAIRUN AZIZI
- 8 Pendaftar
ENCIK AZMAN ABDULLAH

- 9 Bendahari
PUAN SALMIAH CHE PUTEH
- 10 Ketua Pustakawan
ENCIK MOHD PISOL GHADZALI
- 11 Pengarah, Jabatan Pembangunan
IR. MOHAMAD SOFIAN AHMAD

Ketua Pusat Tanggungjawab

KAMPUS INDUK

KETUA JABATAN PERKHIDMATAN PENTADBIRAN

Jabatan Pendaftar

Jabatan Bendahari

Perpustakaan

Penerbit USM

Jabatan Pembangunan

Jabatan Keselamatan

Bahagian Pembangunan Lestari dan Korporat

Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi

Pusat Kesihatan

Pusat Islam

Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah

Encik Azman Abdullah

Puan Salmiah Che Puteh

Encik Mohd Pisol Ghadzali

Profesor Dato' Md. Salleh Yaapar

Ir. Mohamad Sofian Ahmad

Encik Noor Rizan Khalid

Profesor Muhamad Jantan

Encik Zulham Hamdan

Dr. Nurulain Abdullah Bayanuddin

Profesor Madya Nasirun Hj. Mohd. Salleh

Encik Hasnul Jamal Saidon



DEKAN

PUSAT PENGAJIAN / PELANTAR

- o Pusat Pengajian Sains Farmasi
Profesor Madya Syed Azhar Syed Sulaiman
- o Pusat Pengajian Sains Fizik
Profesor Madya Haslan Abu Hassan
- o Pusat Pengajian Sains Kajihayat
Profesor Abu Hassan Ahmad
- o Pusat Pengajian Teknologi Industri
Profesor Rozman Hj. Din
- o Pusat Pengajian Sains Kimia
Profesor Wan Ahmad Kamil Mahmood
- o Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Dato' Profesor Abu Talib Ahmad
- o Pusat Pengajian Komunikasi
Profesor Madya Adnan Hussein
- o Pusat Pengajian Sains Matematik
Profesor Madya Ahmad Izani Md Ismail
- o Pusat Pengajian Sains Komputer
Profesor Rosni Abdullah
- o Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Profesor Madya Ismail Baba
- o Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan
Profesor Ir. Mahyuddin Ramli
- o Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Profesor Abdul Rashid Mohamed
- o Pusat Pengajian Pengurusan
Profesor Madya Dato' Ishak Hj. Ismail
- o Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Profesor Madya Omar Majid
- o Pusat Pengajian Seni
Profesor Madya A. Rahman bin Haji Mohamed
- o Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan
Profesor Ambigapathy a/l Pandian
- o Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan
Profesor Datin Hasnah Haron
- o Pelantar Penyelidikan Transformasi Sosial
Profesor Morshidi Sirat

- o Pelantar Penyelidikan Sains Hayat
Profesor Mohd. Nazalan Mohd. Najimuddin
- o Pelantar Penyelidikan Sains Fundamental
Profesor Abd. Aziz Tajuddin
- o Pelantar Penyelidikan Sains Klinikal
Profesor Nor Hayati Othman
- o Pelantar Penyelidikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Profesor Madya Bahari Belaton (Memangku)
- o Pelantar Penyelidikan Bioperubatan dan Kesihatan
Profesor Syed Mohsin Syed Sahil Jamalullail
- o Pelantar Penyelidikan Kejuruteraan dan Teknologi
Profesor Zainal Ariffin Mohd. Ishak
- o Institut Pengajian Siswazah
Profesor Roshada Hashim

PENYELARAS UNIT

- o Unit Penyelidikan Kawalan Vektor
Profesor Madya Zairi Jaal
- o Unit Penyelidikan dan Pendidikan untuk Perdamaian
Profesor Madya Kamarulzaman Askandar
- o Unit Penasihat dan Pembangunan Pelajar
Profesor Madya Muhammad Kamarul Kabilan Abdullah
- o Unit Penyelidikan Ilmu Falak dan Sains Atmosfera
Profesor Madya Nasirun Mohd. Salleh
- o Unit Penyelidikan Pendidikan Asas
Profesor Madya Sharifah Norhaidah Syed Idros
- o Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti
Encik Mohammad Zaip Ahmad
- o Kampus Sejahtera
Profesor Madya Lee Lik Meng
- o Pusat Kepakaran Serantau
Dr. Zainal Abidin Sanusi
- o Sekretariat Falsafah dan Sains Islam
Dr. Muhammad Azizan Sabjan

PENGARAH

PUSAT PERKHIDMATAN AKADEMIK

- o Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia
Profesor Madya Wan Mohd. Fauzy Wan Ismail

PENGARAH

PUSAT PENYELIDIKAN / KECEMERLANGAN

- o Pusat Kecemerlangan Nav6
Profesor Sharif Mahsufi Mansor
- o Pusat Racun Negara
Profesor Madya Razak Lajis
- o Pusat Kawalan Doping
Profesor Aishah Abdul Latif
- o Pusat Kajian Samudera dan Pantai
Dr. Khairun Yahya
- o Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia
Profesor Madya Mohd. Mokhtar Saidin
- o Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-Ubatan
Profesor Sharif Mahsufi Mansor
- o Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa
Profesor Madya Mohd Azhari Abdul Karim
- o Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita
Datin Profesor Rashidah Shuib
- o Pusat Pendidikan, Latihan dan Penyelidikan Tenaga Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga
Profesor Madya Dr. Faridah Ibrahim
- o Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara
Profesor Morshidi Sirat
- o Institut Farmaseutikal dan Nutrasetikal Malaysia
Dato' Profesor Mohamad Isa Abd. Majid
- o Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) (Pusat Virtual)
Profesor Mohd. Sakri@Syukri Salleh

Ketua Pusat Tanggungjawab KAMPUS KEJURUTERAAN

DEKAN PUSAT PENGAJIAN

- Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
Profesor Mohd. Zaid Abdullah
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral
Profesor Madya Khairun Azizi Mohd. Azizli
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanikal
Profesor Madya Zaidi Mohd. Ripin
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam
Profesor Hamidi Abdul Aziz
- Pusat Pengajian Sains Kimia
Profesor Abdul Latif Ahmad
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa
Profesor Madya Zaidi Mohd. Ripin

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN / KECEMERLANGAN

- Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar
Profesor Nor Azazi Zakaria
- Pusat Usaha sama Reka Bentuk Mikroelektronik
Profesor Madya Othman Sidek

PENYELARAS UNIT

- Unit Inovasi dan Pembangunan Teknologi Kejuruteraan
Professor Zainal Ariffin Mohd. Ishak
- Unit Pembangunan Industri
Tuan Besar Tuan Shariff

Ketua Pusat Tanggungjawab KAMPUS KESIHATAN

PENGARAH KAMPUS

**Profesor Dato' Paduka
Mafauzy Mohamed**

PENGARAH HOSPITAL USM

Dr. Zaidun Kamari

DEKAN PUSAT PENGAJIAN

- Pusat Pengajian Sains Perubatan
Profesor Dr. Abdul Aziz Baba
- Pusat Pengajian Sains Pergigian
Profesor Madya Dr. Ab. Rashid Hj. Ismail
- Pusat Pengajian Sains Kesihatan
Profesor Ahmad Hj. Zakaria

PENGARAH INSTITUT / PUSAT PENYELIDIKAN

- Institut Perubatan dan Pergigian Termaju
Dr. Ramli Saad
- Institut Penyelidikan dan Perubatan Molekul
Profesor Rusli Ismail
- Pusat Genom Manusia (Pusat Virtual)
Dr. Gan Siew Hwa

PENYELARAS UNIT

- Unit Kemudahan Akademik dan Sokongan Teknikal
Dr. Md. Salzihan Md. Salleh
- Unit Penyelidikan Haiwan Makmal
Dr. Rumaizi Shaari



Laporan Naib Canselor



Laporan Naib Canselor UNIVERSITI APEX: SATU TUNTUTAN SATU PENGORBANAN

S elaras dengan pemilihan Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai perintis dalam Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (APEX) seperti yang diumumkan Menteri Pengajian Tinggi, Dato Seri Mohamed Khaled Nordin pada 3 September 2008, kerangka masa depan Universiti tertumpu kepada fokus utama untuk mencorak hala tuju pengajian tinggi negara, selaras dengan misi kerajaan di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang dilancarkan pada tahun 2007. Tahun 2009 merupakan satu fasa penting dalam mengenal pasti corak masa depan pengajian tinggi negara yang Universiti ingin dan perlu pelopori. Pada tahun ini juga genap usia USM yang ke-40. Justeru, banyak perkara yang perlu dilihat dalam usaha Universiti merekayasa hari muka bagi sebuah gedung ilmu yang bertaraf unggul.

Tema yang digunakan dalam tahun 2009 ialah 'Universiti APEX: Satu Tuntutan, Satu Pengorbanan'. Ia berkisar kepada keperluan Universiti menginjak paradigma lama bagi menjamin matlamat APEX dapat dicapai dalam jangkamasa yang ditetapkan. Sewajarnya sebagai sebuah institusi keilmuan yang disanjung, sudah tiba masanya USM melihat potensi sebenar yang ada di sebalik kemegahan namanya, dan tidak lagi mengikut corak dan rentak orang lain dalam mewarnakan dan mengembangkan sayap keilmuannya.

Laporan Naib Canselor

Lakaran visi USM berkisar kepada Sebuah Universiti berstatus APEX, yang mana Universiti ini ingin memacu masa hadapannya ke arah kecemerlangan yang bukan sekadar menumpu kepada isu penarafan Universiti yang sering diperdebatkan di merata-rata, sebaliknya melihat dengan terperinci isu-isu penting yang lebih mendesak yang boleh memberikan manfaat kepada masyarakat sejagat, khususnya golongan terkebawah (*the bottom billion*). Satu transformasi perlu dilaksanakan dalam usaha kita menginjak paradigma lama. Hasrat melakukan transformasi inilah yang giat disuburkan dalam cadangan APEX USM, yakni '*Transforming Higher Education for a Sustainable Tomorrow*' (Mentransformasikan Pengajian Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok).

Susulan itu, USM terpaksa melihat transformasi itu sebagai satu proses yang menyeluruh, menyentuh semua aspek Universiti ini: pentadbirannya, akademianya, pelajarannya, staf sokongannya, persekitarannya, pembangunannya, falsafahnya

dan segala yang berkaitan dengannya. Tuntutan APEX mencirikan yang terbaik dari semua segi dan pada dimensi lain, ia boleh diibaratkan seperti tranformasi seekor kupu-kupu yang pada fitrah kejadiannya perlu menjalani sekurang-kurangnya empat fasa. Mungkin ini boleh disimpulkan kepada empat peringkat USM sejak penubuhannya pada 1969. Selepas 40 tahun, USM kini telah cukup mekar dan boleh menghasilkan satu lagi spesies kupu-kupu yang mengungkap makna yang sesuai dengan agenda utama Sebuah Universiti berstatus APEX.

Inilah kelangsungan yang perlu dibawa dan berbalik kepada isu transformasi, tujuh prinsip atau teras utama APEX diperkenalkan kepada warganya yang meliputi **masa hadapan, kelainan, kelestarian, kemanusiaan, kesejagatan, perubahan dan pengorbanan**. Ketujuh-tujuh teras APEX ini perlu dihayati sedalam-dalamnya bagi merealisasikan kerangka yang telah disusun bagi mencapai kejayaan dalam tempoh lima tahun, iaitu 2013. Gambaran masa hadapan perlu jelas untuk USM menentukan hala tujunya, sekaligus memfokuskan usahanya ke arah kejayaan yang dinanti-nanti semua pihak. **Masa hadapan** USM adalah untuk melihat mutu pengajian tinggi negara setanding dengan mana-mana negara yang mendahului kita dengan pelbagai kejayaan dan kemegahan. Namun yang penting, kejayaan tersebut tidak akan sesekali mengikut acuan mereka kerana berpegang kepada pendekatan dalam '*The Blue Ocean Strategy*' oleh W. Chan Kim. Beliau menggunakan contoh *Cirque du Soleil* (sirkus mata, yang amat berbeza dengan sirkus biasa) sebagai satu cara unik dalam mencari kejayaan. Satu ketika dalam satu temu bual bersama akhbar *Jakarta Post* (Oktober 25, 2005) menyebut:

Never try to imitate anybody, because as long as you benchmark with somebody, at the best you will be like them. Meanwhile, the person you benchmark is ahead of you. You will never close the gap.

Untuk tampil cemerlang, USM perlu mempunyai **kelainan dan keunikannya** tersendiri. Universiti perlu mencari keunikan bagi memastikan orang ramai dengan mudah dapat mengenal dan mengingati USM. Soal keunikan adalah satu teras yang cukup penting yang perlu difikirkan baik buruknya. USM perlu mempunyai keluarbiasaan upaya dan pemikiran menonjol untuk memacu Universiti ke arah masa depan yang unggul. Kunci kepada keunikan adalah berusaha dengan gigih dengan pemikiran penuh hikmah dan berpaksikan pada ilmu. Contoh boleh diambil dari aktiviti yang dikelolakan sepenuhnya oleh siswa-siswi USM. *White Coffin* misalnya, yang pada mulanya mendapat sindiran sinis untuk dilaksanakan, kini menjadi buah mulut dan diikuti oleh segenap lapisan masyarakat baik pada peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi, sektor pekerjaan malah pertubuhan-pertubuhan seantero dunia. *White Coffin* ialah contoh kepada keunikan yang baik dan membuktikan para pelajar USM berupaya memikirkan cara untuk memajukan agenda kelestarian dengan cemerlang.

Kelestarian dan Kemanusiaan yang turut mewarnai teras APEX menjadi agenda yang tidak kurang penting untuk mencorak masa depan. Program Kampus Sejahtera, Universiti dalam Taman, Pejabat Hijau dan sebagainya adalah antara contoh terdekat bagi menggambarkan usaha USM dalam merencanakan kefahaman tentang kelestarian. Ekoran usahaberterusan ke arah melestarikan alam dan masa depan pengajian tinggi, USM telah diiktiraf oleh United Nations University (UNU) yang berpusat di Tokyo dengan status sebagai Pusat Kepakaran Serantau Pendidikan untuk Pembangunan Lestari. Begitu juga dengan aspek kemanusiaan. Kemanusiaan mempunyai kaitan cukup rapat dengan kelestarian dan sudah tiba masanya ia turut diketengahkan untuk dihayati semua pihak. Dalam usaha mengangkat isu kemanusiaan, timbul pula perkaitan dengan **kesejagatan**. USM tidak boleh memandang enteng isu-isu seperti kemiskinan, ketidakadilan, penindasan, pencemaran, keruntuhan etika, jurang kesihatan dan sebagainya.

Maka dalam dimensi lebih besar, kita menumpukan perhatian kepada golongan terkebawah atau lebih sinonim dengan istilah *the bottom billion*, iaitu merujuk kepada lapisan masyarakat yang jumlahnya mencecah berbilion-bilion, tercicir serba-serbi.

Bibit akhir dalam teras APEX menyentuh kepada isu berkaitan **perubahan dan pengorbanan**. Perubahan adalah perkara mutlak bagi USM pada tahun 2009 ini. Perubahan yang perlu dibuat perlu bersifat universal dan bukan tempelan sahaja. Dalam konteks semasa, keperluan perubahan ini didesak dengan segala macam kegawatan termasuk dari aspek ekonomi, alam sekitar, moral dan sebagainya. Memetik kata Mahatma Gandhi, *“Be the change you wish to see in the world.”*

Universiti yang dibangunkan ratusan tahun dahulu tidak akan relevan pada masa kini jika tidak disusuli dengan perubahan dan revolusi. Dalam persidangan antarabangsa anjuran UNU dan UNESCO pada akhir Ogos di UNU, Tokyo, kiasannya adalah bagaikan *the Copernican Change*, bermaksud perubahan yang cukup mendadak, yang cukup luar biasa, dan yang cukup menyeluruh, sepertimana Copernicus menukar kefahaman tentang sistem solar ini. Pilihan yang ada dalam menjadikan USM terkenal dan diiktiraf adalah untuk membuka ruang kelestarian tersebut lebih luas dan tidak hanya terbatas kepada soal-soal alam sekitar tanpa mengambil kira teras-teras lain yang diangkat sebagai teras APEX tersebut. USM ingin membawa satu transformasi bukan sahaja kepada Universiti tetapi kepada landskap pendidikan tinggi untuk hari esok. Kini sebagai perintis APEX, USM amat berharap ia benar-benar dapat membawa perubahan besar dan memacu pengajian tinggi masa depan.

Kesudahannya, usaha untuk membuat lonjakan yang begitu besar, perubahan amat luar biasa dan wawasan yang sangat berani, ia semestinya menuntut satu pengorbanan yang tidak kurang besarnya. Walaupun lazimnya perubahan dapat diukur dengan cara tertentu

memberi pelbagai ukuran atau penunjuk utama (*Key Performance Index, KPI*), tetapi tidak semestinya yang penting dapat diukur, misalnya dalam soal pengorbanan. Di samping KPI, USM memperkenalkan pula konsep *Key Intangible Performance*, bertujuan mengisi kekosongan nilai yang amat diperlukan untuk memantapkan lagi percaturan KIP. Di sinilah USM harus memainkan peranannya dengan lebih jelas dalam memperkaya aspek nilai-nilai murni seperti kesanggupan bekerjasama, komitmen, kejujuran, kebolehpercayaan dan sebagainya yang tidak boleh ditentukan nilainya melalui KIP. Selain itu, dalam menongkah segala cabaran ini, satu lagi nilai yang tidak boleh ditinggalkan ialah rasa penuh rendah diri yang mengingatkan semua betapa kejayaan tidak terletak atas bahu mana-mana individu tertentu. Merendah diri adalah menjadi satu tonggak kekuatan, bukannya dilihat sebagai kelemahan. Jika tidak, manakan wujud kata-kata yang berbunyi, *“Humility is a strange thing, the minute you think you have got it you lost it.”* Atas dasar tersebut juga, pastinya *‘kegagalan itu bukannya satu pilihan’* dalam usaha kita merealisasikan harapan semua untuk melihat sebuah Universiti berstatus APEX dapat dijayakan menjelang 2013.



Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak
Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia

PENGENALAN

Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia ditubuhkan pada bulan Ogos 1983 dengan keluasan 72.84 hektar bagi menempatkan sebuah hospital pengajar, iaitu Hospital Universiti Sains Malaysia dan tiga buah pusat pengajian, iaitu Pusat Pengajian Sains Perubatan, Pusat Pengajian Sains Pergigian dan Pusat Pengajian Sains Kesihatan.

KAMPUS KESIHATAN

PENTADBIRAN

Pentadbiran Kampus Kesihatan USM diterajui oleh Pengarah Kampus di Pejabat Pengarah Kampus yang bertanggungjawab menyelaraskan aktiviti peringkat Universiti dengan dibantu oleh lapan unit/pusat seperti berikut:

1. Unit Keselamatan Kesihatan Pekerjaan
2. Unit Latihan
3. Unit kemudahan Akademik dan Sokongan Teknikal
4. Unit Penyelidikan Haiwan Makmal
5. Pusat Islam
6. Sekretariat Kualiti Kampus Kesihatan
7. 12 Kompeni Medan Perubatan Askar Wataniah
8. Pusat Rancangan Kokurikulum

Bagi melicinkan proses pengurusan dan pentadbiran pada peringkat Kampus Cawangan, semua jabatan sokongan yang terdapat di Kampus Induk mewujudkan cawangan jabatannya. Dalam hal operasi harian cawangan jabatan, jabatan cawangan ini bertanggungjawab kepada Pengarah Kampus, manakala dari segi dasar mereka merujuk jabatan induk. Antara cawangan jabatan pentadbiran di Kampus Kesihatan USM adalah seperti berikut:

1. Pejabat Pengarah Kampus
2. Jabatan Pendaftaran
3. Jabatan Bendahari
4. Jabatan Pembangunan
5. Jabatan Keselamatan
6. Perpustakaan Hamdan Tahir
7. Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi

8. Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar
9. Desasiswa Murni dan Desasiswa Nurani
10. Institut Pengajian Siswazah

PENCAPAIAN

Sepanjang tahun 2009, kesemua pusat tanggungjawab (PTJ) Kampus Kesihatan USM telah melaksanakan pelbagai aktiviti rutin dan aktiviti berdasarkan perancangan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Key Performance Indicator (KPI) masing-masing. Sebahagian daripada aktiviti yang dilaksanakan di Kampus Kesihatan USM telah menghasilkan pencapaian seperti berikut:

1. Anugerah Pingat Emas: 20th International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) 2009. Tajuk: Nano Hybrid Endodontik Sealer (NanoSeal Plus)
2. Anugerah Pingat Perak: Pameran Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia (PECIPTA). Tajuk: MyBib
3. Anugerah Pingat Gangsa: Pameran Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia (PECIPTA) 2009. Tajuk: KeLFIL – Nanoanterior Composite
4. Outstanding Poster Presentation: Malaysian Society for Biochemistry and Molecular Biology, 3rd ASEAN Biochemistry Conference
5. Young Investigator Award: Method Optimization and Reproducibility of Laser Doppler Fluximetry and the Process of Iontophoresis in Assessing Microvascular Endothelial Function, 7th Asean-Pacific Congress of Hypertension



International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) 2009

6. Anugerah Sanggar Sanjung Penerbitan: Malam Anugerah Sanggar Sanjung 2009
7. Anugerah Sanggar Sanjung Kualiti: Malam Anugerah Sanggar Sanjung 2009
8. Anugerah Sanggar Sanjung Product Consilk Biscuit: Malam Anugerah Sanggar Sanjung 2009

Konvensyen Kumpulan Inovatif Kualiti (KIK) IPTA

Sebanyak dua kumpulan telah memenangi Konvensyen KIK IPTA di Kota Kinabalu, Sabah pada 6–8 Februari 2009 seperti berikut:

1. Kumpulan Permata, Pusat Pengajian Sains Pergigian (Tempat Ketiga, Kategori Teknikal)
2. Kumpulan Triple B-Piramid, Hospital USM (Tempat Ketiga, Kategori Pengurusan)

Pertandingan Inovasi/Reka Cipta Sains & Teknologi Peringkat Negeri Kelantan

Kampus Kesihatan USM telah memenangi semua anugerah dalam tiga kategori Pertandingan Inovasi/Reka Cipta Sains & Teknologi Peringkat Negeri Kelantan yang dianjurkan oleh Sekretariat Kerajaan Negeri Kelantan dengan kerjasama Karnival Program Sains & Teknologi 2009 seperti berikut :



1. Kategori Inovasi
 - i. Abduction Splint bagi Rawatan Pemulihan Pesakit Clubfoot (Hospital USM) – Tempat Pertama
 - ii. Katil Q Care – bagi Mencegah Insiden Pesakit Jatuh Katil (Hospital USM) – Tempat Ke-2
 - iii. Sistem Masa Pemeriksaan Amali (Pusat Pengajian Sains Kesihatan) – Tempat Ke-3
2. Kategori Implikasi
 - i. Multimedia Repository System (Pusat Pengajian Sains Kesihatan) – Tempat Pertama
 - ii. USM Growth Monitor (Pusat Pengajian Sains Perubatan/Pusat Pengajian Sains Kesihatan) – Tempat Ke-2
 - iii. ICC Project (Tualang) (Pusat Pengajian Sains Kesihatan) – Tempat Ke-3
3. Kategori: Laman Web
 - i. Website (Pusat Pengajian Sains Kesihatan) – Tempat Ke-3

Anugerah Inovasi Menteri Pengajian Tinggi

Sebanyak lapan projek inovasi dari Kampus Kesihatan USM telah menyertai pertandingan Anugerah Inovasi Menteri Pengajian Tinggi 2009 seperti berikut:

1. Pemanfaatan Sistem Maklumat dan Peningkatan Prosedur Kerja untuk Mengatasi Pembaziran Makanan Pesakit – Hospital USM

2. Beg Resusitasi – Hospital USM
3. User Friendly Abduction Splints (UFAS) – Hospital USM
4. Katil Q-Care – Hospital USM
5. Setitik Penyelesaian – Pusat Pengajian Sains Pergajian
6. Pusat Sehenti Sisa Kimia dan Troli Pengangkutan Sisa Kimia Mesra Pengguna V-Kip – Pusat Pengajian Sains Kesihatan
7. Sistem Pengurusan Masa Amali – Pusat Pengajian Sains Kesihatan
8. Sistem Pengurusan Penggunaan Bahan Kimia – Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM).

Inovasi User Friendly Abduction Splint dari Hospital USM dan Sistem Pengurusan Masa Amali dari Pusat Pengajian Sains Kesihatan telah memenangi Anugerah Inovasi Menteri Pengajian Tinggi 2009.

RUMUSAN

Sepanjang tahun 2009, kesemua PTJ Kampus Kesihatan USM telah berjaya melaksanakan pelbagai aktiviti sebagaimana dirancang dengan memaksimum kemahiran serta penggunaan sumber manusia, peralatan, kewangan dan prasarana sedia ada sebagai sebuah Universiti berstatus APEX. Pelbagai pencapaian yang diraih oleh Kampus Kesihatan USM adalah hasil komitmen dan kerjasama semua pihak, iaitu pihak pengurusan dan semua kategori staf.



PECIPTA 2009, KLCC

PENGENALAN

Seperti juga Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan turut memikul amanah Universiti berstatus APEX. Pejabat Pengarah yang kembali beroperasi pada 1 April 2009 bersama-sama dengan semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Kampus Kejuruteraan menyusun semula struktur organisasi pentadbirannya. Pendekatan bekerja sebagai satu pasukan, saling hormat-menghormati antara semua PTJ meliputi staf dan pelajar amat diterapkan dalam setiap aktiviti kampus dan rutin kerja.

KAMPUS KEJURUTERAAN

Antara langkah awal yang digarapkan bersama ialah

1. memberi sokongan berterusan kepada Pusat Pengajian dan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan untuk mencapai KPI/KIP Universiti Penyelidikan,
2. menyampaikan mesej Pengurusan Tertinggi Universiti yang berterusan kepada warga kampus agar lebih memahami tuntutan dan harapan Universiti terhadap mereka, dan
3. merancang aktiviti pada peringkat Kampus tanpa menjejaskan perancangan asal PTJ.

Tahun 2009 merupakan peringkat perancangan pembangunan aktiviti dan prasarana keseluruhan Kampus Kejuruteraan dengan penekanan kepada KPI dan KIP. Semua PTJ memberi perhatian serius terhadap perancangan aktiviti dan tugas rutin dengan menggarap elemen-elemen yang diletakkan oleh Universiti seperti kelestarian, kesejahteraan, keserakanan, keharmonian, kualiti, kecemerlangan, penyelidikan multidisiplin, inovasi, kreativiti dan keunikan; memperluas jaringan dengan industri, agensi dan universiti luar negara; membangun modal insan; mengadakan latihan berterusan untuk staf dan elemen-elemen lain. Perancangan aktiviti juga mengambil kira perkembangan semasa negara seperti konsep 1 Malaysia, golongan terkecuali dan Dasar Pendidikan Negara yang berfokuskan kepada agenda Koridor Raya Multimedia (MSC).

Dari semasa ke semasa, aktiviti yang disusun mengajak warga Kampus untuk memahami bahawa KPI/KIP Universiti bukan hanya memberi tumpuan kepada kerja-kerja

penyelidikan tetapi juga memberi perhatian kepada aspek yang lain seperti akademik dan modal insan.

Tahun 2009 juga menyaksikan kemasukan kumpulan pertama pelajar APEX seramai 472 orang. Jumlah keseluruhan pelajar ijazah pertama dan ijazah tinggi pada Sidang Akademik 2009/2010 adalah 3,491 orang. Jumlah staf pula ialah 800 orang.

PENCAPAIAN

Sepanjang tahun 2009, Pusat Pengajian dan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan memberi tumpuan kepada KPI yang ditetapkan oleh Bahagian Penyelidikan dan Inovasi. PTJ lain pula menjalankan aktiviti rutin dan aktiviti yang dirancang; di samping sedaya mungkin mengaitkannya dengan tema Universiti berstatus APEX, 'Memastikan Kelestarian Hari Esok'.

Pejabat Pengarah pula, dengan kerjasama semua PTJ, bergerak pantas menyusun semula struktur pentadbiran, penyelarasan aktiviti serta menangani masalah atau perkara-perkara berbangkit secara menyeluruh. Dalam proses penyusunan ini, beberapa jawatankuasa telah dibentuk bagi merancang aktiviti peringkat Kampus Kejuruteraan. Tahun 2009 juga menyaksikan pembangunan prasarana yang melibatkan pembangunan fizikal dan teknologi maklumat.

Di bawah ini diketengahkan beberapa aktiviti dan pencapaian yang memberangsangkan di Kampus Kejuruteraan sepanjang tahun 2009.

1. Akademik

- i. Pusat Pengajian dan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Kejuruteraan disenaraikan sebagai antara penyumbang KPI Universiti yang tertinggi.
- ii. Sembilan program kejuruteraan mendapat pengiktirafan Lembaga Jurutera Malaysia yang turut diiktiraf oleh Washington Accord.
- iii. Program Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia telah mendapat pengiktirafan yang setara dengan MEng daripada Institute of Chemical Engineering yang berpusat di United Kingdom. Akreditasi ini adalah bagi tempoh lima tahun, iaitu dari tahun 2009 hingga 2013.
- iv. Bahagian Kualiti dan Akreditasi ditubuhkan di Kampus Kejuruteraan.
- v. Penganjuran persidangan peringkat antarabangsa seperti 4th International Conference on Recent Advances in Materials Minerals Environment (RAMM '09), International Conference on Robotics, Vision, Signal Processing and power Applications (RoViSP '09) dan The 11th Electronics Material and Packaging Conference (EMAP 2009).

2. Jaringan dengan Industri, Universiti Luar Negara dan Agensi Lain

- i. Menandatangani Memorandum Persefahaman antara USM, Indian Institute of Technology (IIT) di Kanpur, India dan Khazanah Nasional yang membawa kepada penubuhan Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan (Centre of Engineering Excellence, CEE).
- ii. Menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Sapura Holdings melalui CEDEC.

3. Penyelidikan Pensyarah dan Penyertaan Pelajar

Tahun 2009 juga menyaksikan Kampus Kejuruteraan menjadi antara penyumbang terbanyak kepada Universiti dari segi bilangan penerbitan jurnal dan juga faktor impak kumulatif.

Para pensyarah Kejuruteraan juga adalah antara yang terbanyak menerima geran penyelidikan daripada agensi kebangsaan, agensi swasta dan antarabangsa seperti Exxonmobil dan Intel. Pencapaian-pencapaian lain adalah seperti berikut:

- i. Pingat produk penyelidikan pada peringkat antarabangsa: tujuh emas, tiga perak dan empat gangsa.
- ii. Pingat produk penyelidikan pada peringkat kebangsaan: lapan emas, sebelas perak dan enam gangsa.
- iii. Empat Anugerah Khas untuk produk penyelidikan pada peringkat kebangsaan.

Kejayaan ini adalah bagi produk-produk yang menyertai pertandingan MTE 2009, ITEX 2009, IENA 2009, Malaysian Nuclear Agency Innovation Award, PECIPTA, Bio Malaysia dan GENEVA.

Kejayaan lain yang turut membanggakan warga Kampus Kejuruteraan sepanjang tahun 2009 ialah penyertaan pelajar dalam beberapa pertandingan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antaranya ialah projek Spirit Global Design Challenge anjuran Spirit AeroSystems, Wichita Division (Spirit US); Performance Controlled Concrete Cube Competition 2009 (mendapat tempat pertama dan anugerah khas); Bridge Model Competition 2009 (tempat pertama Kategori Kreativiti dan Estetika dan Anugerah Khas Juri); ASEAN Universities Build and Break Competition 2009 (tempat ketiga); Intervarsity Concrete Frisbee Competition (tempat kelima dan keenam); National Chemical Engineering Symposium 2009 (tempat pertama); British Invention Show (dua pingat emas dan World Invention Award); Pertandingan ChemE-Car Peringkat Kebangsaan (tempat pertama bagi Pertandingan Persembahan Poster); Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi Peringkat Kebangsaan 2009 (pingat emas dan pingat perak untuk projek terbaik); Pertandingan Malaysian Gas Association (tempat pertama); dan Perodua Eco-Challenge 2009 (tempat pertama Kategori Automatik dan Kategori Persembahan Reka Bentuk Kejuruteraan).

4. Pencapaian Lain

- i. Mencatat sejarah menjadi tuan rumah Upacara Konvokesyen Komemoratif pada 9 September 2009 jam 9:09 pagi. Hal ini juga adalah kali pertama Upacara Konvokesyen USM diadakan di luar Pulau Pinang.
- ii. Lapan belas orang staf Kampus Kejuruteraan berjaya mendaki ke puncak Gunung Kinabalu pada 25–26 Februari 2009.
- iii. Kampus Kejuruteraan diberi peluang mengurus dan mengetuai Kontinjen USM ke Sukan Staf Antara Universiti Malaysia. Kontinjen USM berjaya membawa pulang lima emas, empat perak dan 12 gangsa. Pencapaian keseluruhan (tidak termasuk olahraga) ialah tempat ketiga daripada 21 kontinjen.
- iv. Penggunaan e-Management, iaitu Sistem SIPER V2, e-payment, sistem kehadiran kerja, servisdesk@PPKTEng. (versi 3) dan e-document.
- v. Penubuhan 'Disaster Research Nexus' yang melibatkan pensyarah daripada pelbagai disiplin.
- vi. Menangani penularan wabak H1N1 di dalam Kampus Kejuruteraan dengan efektif dan berkesan. SOP Pelan Tindakan turut dihasilkan.
- vii. Sambutan Ulang Tahun Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia Yang Ke-15 dan Ulang Tahun Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam Yang Ke-20.
- viii. Sambutan Maulidur Rasul 1430 H Peringkat Kampus Kejuruteraan USM bersama-sama masyarakat di Masjid Mukim Lepai, Alor Setar, Kedah. Antara aktiviti ialah khutbah Jumaat perdana, ceramah dan pameran 'Bersamamu Palestin', forum perdana, kenduri perdana bersama-sama masyarakat, rawatan kesihatan percuma, pameran dan kursus komputer.

RUMUSAN

Kampus Kejuruteraan menunjukkan pencapaian yang cemerlang sepanjang tahun 2009. Pencapaian dan kejayaan Kampus Kejuruteraan ini adalah hasil daripada semangat kerja berpasukan yang tinggi, kerjasama yang erat dan sokongan yang diberikan oleh semua ketua PTJ, staf dan pelajar di Kampus Kejuruteraan dan Pengurusan Tertinggi Universiti.



Pameran MTE 2009, PWTC

PROJEK PEMBANGUNAN

Sepanjang tahun 2009 projek-projek pembangunan yang mula dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Perolehan Projek Peruntukan Rizab Universiti untuk pembinaan Kompleks Ruang Penyelidikan Bersepadu/Berkluster. Kompleks ini dijangka siap pada tahun 2011.
- ii. Dua bangunan siap dibina di bawah projek RMK-9, iaitu *Hangar* Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa dan Desasiswa Utama (Pangsapuri Pelajar).
- iii. Pembinaan Projek Pembangunan RMK-9 yang masih dalam proses pembinaan, iaitu:
 - Kompleks Makmal Siswazah Bersepadu,
 - Dewan Akademik,
 - Pusat Mahasiswa, dan
 - Trek Sintetik dan Padang.
- iv. Naik taraf infostruktur ICT:
 - Jalur Lebar Fasa 2 – Kelajuan 16 MBps dinaikkan kepada 45 MBps. Rangkaian siap dan stabil.
 - Infrastruktur rangkaian Kampus Kejuruteraan, iaitu penggantian suis rangkaian lama dengan yang baharu.

PENGENALAN

Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa berperanan untuk menentukan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran di USM melalui penggubalan, perancangan dan pelaksanaan dasar akademik yang memastikan kualiti program, pengajaran dan pembelajaran di USM mencapai tahap dan sasaran yang ditetapkan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Penggubalan, perancangan dan pelaksanaan dasar akademik ini merangkumi pengambilan pelajar, penawaran program baharu, pemantapan dan penstrukturan semula program, kerjasama akademik dengan institusi tempatan dan antarabangsa dan hal-hal lain yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran di Universiti Sains Malaysia.

BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

OBJEKTIF

Objektif utama Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa adalah seperti berikut:

1. Memastikan program-program akademik yang ditawarkan oleh Universiti Sains Malaysia sejajar dengan Dasar Pembangunan Strategik Pengajian Tinggi Negara dan Pelan Teknologi Perindustrian Negara.
2. Menghasilkan program-program akademik yang memenuhi visi dan misi Universiti serta aspirasi negara dan masyarakat; di samping memenuhi keperluan akreditasi negara dan antarabangsa.
3. Menyelia dan memastikan kualiti program akademik, sistem pengajaran dan pembelajaran Universiti memenuhi tahap kualiti yang ditetapkan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
4. Menyedia dan menggalakkan kerjasama akademik antara USM dengan institusi tempatan dan luar negara bagi meningkatkan peluang pendedahan yang berkesan kepada pelajar dan staf Universiti.
5. Membangunkan program-program akademik dan kaedah pembelajaran yang menyedia dan menggalakkan pelajar untuk pembelajaran sepanjang hayat.

6. Memantau dan menyelaras jaringan kerjasama Universiti dengan institusi-institusi pada peringkat antarabangsa yang memberi pendedahan antarabangsa kepada staf dan pelajar Universiti, di samping meningkatkan imej dan peranan Universiti dalam pengajian tinggi pada peringkat antarabangsa.

PROGRAM KERJASAMA AKADEMIK USM DENGAN INSTITUSI LUAR

1. Skim Belajar Luar Negara

USM merupakan ahli perintis Commonwealth Universities Study Abroad Consortium (CUSAC) dan mulai tahun 1994, USM telah menghantar pelajar peringkat ijazah pertama ke universiti luar negara untuk pengajian selama satu semester di bawah Skim Belajar Luar Negara (SBLN). Skim ini melibatkan pemindahan kredit dan USM mempunyai panduan lengkap tentang tatacara pemindahan kredit ini. Skim ini terbuka kepada semua pelajar ijazah pertama di USM dan para pelajar lazimnya mengikuti pengajian di universiti luar negara pada tahun kedua pengajian di USM. Melalui Skim ini, USM juga menerima pelajar daripada universiti luar negara yang menjalin perjanjian pertukaran pelajar dengan USM.

Jumlah Pelajar USM yang telah mengikuti SBLN ialah 35 orang pada tahun 2008 dan pada tahun 2009 seramai 56 orang pelajar telah dihantar ke-11 negara. Seramai 176 orang pelajar daripada 22 negara telah mengikuti pengajian di USM di bawah Skim ini bagi tahun 2009.

Pertukaran pelajar ini telah melibatkan negara-negara seperti Australia, Austria, Belgium, Kanada, Finland, Perancis, Jerman, Hong Kong, India, Ireland, Jamaica, Jepun, Korea, Mexico, Netherlands, Pakistan, Singapura, Sweden, Switzerland, USA, Taiwan dan Thailand.

Pada tahun 2008, para pelajar telah memilih universiti di negara-negara seperti Finland, Hong Kong, Jepun, Ireland, Sweden, Australia, Taiwan, USA, Kanada, Singapura dan Jerman, manakala pada tahun 2009, negara-negara seperti Finland, Hong Kong, Jepun, Jamaica, Ireland, Sweden, Australia, Taiwan, Singapura, Netherlands dan USA menjadi pilihan para pelajar.

2. Rancangan Pertukaran Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

Rancangan Pertukaran Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Malaysia adalah satu program yang memberi peluang kepada pelajar ijazah pertama dari institusi awam dan swasta Malaysia menjalani pengajian selama satu semester di Universiti Sains Malaysia. Program ini merupakan satu daya usaha untuk memperluas lagi pengalaman pelajar dan memberi pendedahan pengajian yang berbeza kepada pelajar. Institusi swasta yang terlibat dengan rancangan ini ialah institusi yang telah menjalin perjanjian kerjasama dengan USM dan menawarkan program ijazah USM di institusi berkenaan (Jadual 1).

Jadual 1 IPTA/IPTS Yang Menawarkan Program Ijazah USM

Nama IPTA/IPTS	Bil. Pelajar	Program	Semester
Kolej Teknologi Pulau	3	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan	Sem. II, S.A. 2008/2009
Kolej Legenda	3	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer	
KDU College Penang	1	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan	Sem. I, S.A. 2009/2010
Universiti Pendidikan Sultan Idris	10	Ijazah Sarjana Muda Ilmu Pendidikan	
Kolej Legenda	3	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer	Sem. II, S.A. 2009/2010
Kolej Disted	3		
Kolej Teknologi Pulau	2		

3. Graduan Program Kerjasama Akademik

Pada tahun 2009, sebanyak tujuh buah IPTS menjalinkan kerjasama dengan USM dalam program perkongsian pintar yang dijalankan secara Kawa Selia/Luaran. Bilangan graduan ialah seramai 254 orang dalam Konvokesyen ke-39 dan ke-40 (Jadual 2).

Jadual 2 Graduan Program Kerjasama Akademik

IPTS	Program	Jumlah Pengijazahan			
		Tahun 2008		Tahun 2009	
		Konvo Ke-37	Konvo Ke-38	Konvo Ke-39	Konvo Ke-40
Kolej Disted	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer	20	28	10	4
Kolej Pengurusan ASTIN	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan	14	58	1	87
Kolej Teknologi Pulau	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan	47	124	31	89
University College Sedaya International	Ijazah Sarjana Muda Farmasi	3	93	–	1
Taylor's College Petaling Jaya	Ijazah Sarjana Muda Komunikasi	18	18	8	3
Kolej Legenda	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer	11	14	10	6
KDU College, Penang	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan	–	–	–	4
Jumlah		113	335	60	194

4. Jaringan Kerjasama Antarabangsa

Sepanjang 2009, Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa telah terlibat dengan aktif dalam program-program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Organisasi Jaringan Antarabangsa seperti Universiti Mobility in Asia and the Pacific (UMAP), The Consortium of Universities and the Cities, Asean University Network (AUN), Southeast Asia and Taiwan Universities (SATU) Forum, Asia-Europe Hub (AEH) dan International Association of Universities (IAU). Di samping itu, Bahagian ini juga telah menganjurkan beberapa kursus jangka pendek untuk para pelajar dari Kanada, Singapura, Thailand dan Jepun.

PENCAPAIAN

1. Pengambilan Pelajar

Pada tahun 2009 bilangan pelajar yang telah mendaftar telah bertambah seramai 409 orang menjadikan jumlah keseluruhan pelajar ialah 8,557 orang. Jadual 3 menunjukkan perbezaan bilangan pelajar mengikut peringkat pengajian pada tahun 2008 dan 2009.

Jadual 3 Pengambilan Pelajar Tahun 2008 dan 2009 Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat Pengajian	2008	2009
Ijazah Sarjana Muda	3,588	3,216
Sarjana	1,742	2,105
Ijazah Sarjana Muda (Pendidikan Jarak Jauh)	1,450	1,682
Ijazah Kedoktoran	539	695
Pengajian Tanpa Ijazah (termasuk Skim Pertukaran Pelajar)	678	646
Diploma	101	98
Diploma Lulusan Ijazah	50	115
Jumlah	8,148	8,557

2. Enrolmen Pelajar

Pada keseluruhannya, enrolmen pelajar pada tahun ini telah meningkat sebanyak 0.6 peratus berbanding tahun lepas, iaitu daripada 29,109 orang pelajar pada tahun 2008 kepada 29,276 orang pelajar pada tahun 2009. Pecahan enrolmen mengikut peringkat pengajian dapat dilihat dalam Jadual 4.

Jadual 4 Enrolmen Pelajar Tahun 2008 dan 2009 Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat Pengajian	2008	2009
Ijazah Sarjana Muda	15,088	13,494
Sarjana	5,245	6,221
Ijazah Sarjana Muda (Pendidikan Jarak Jauh)	5,653	5,782
Ijazah Kedoktoran	2,213	2,699
Diploma	182	277
Pengajian Tanpa Ijazah (termasuk Skim Pertukaran Pelajar)	678	646
Diploma Lepas Ijazah	50	157
Jumlah	29,109	29,276

3. Penawaran Program Akademik Baharu

Program akademik baharu yang ditawarkan adalah seperti berikut:

i. Penawaran Kursus

Bagi Sidang Akademik 2009/2010, sebanyak 2,226 kursus ijazah pertama dan 450 kursus ijazah tinggi (mod campuran dan kerja kursus) ditawarkan. Jumlah tersebut termasuklah bilangan kursus baharu yang ditawarkan pada tahun 2009 seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5.

Jadual 5 Bilangan Kursus Baharu Yang Ditawarkan

Perkara	Bilangan
Kursus Baharu Yang Ditawarkan di bawah Program Ijazah Pertama	35
Kursus Baharu Yang Ditawarkan di bawah Program Ijazah Tinggi	20
Jumlah	55



ii. Penawaran Program/Pengkhususan Baharu

Bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara, USM telah meluluskan sebanyak sembilan program/pengkhususan baharu bagi tahun 2009. Senarai program adalah seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6 Program/Pengkhususan Baharu

Pusat Pengajian	Program/Pengkhususan Baharu
Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan	i. Sarjana Muda Sastera [Kepujian] <ul style="list-style-type: none"> Bahasa Inggeris Untuk Profesional
	ii. Penawaran Pakej Minor
Pusat IPv6 Termaju Negara	iii. Sarjana Sains (Mod Penyelidikan) <ul style="list-style-type: none"> Rangkaian Komputer Termaju
	iv. Doktor Falsafah (Mod Penyelidikan) <ul style="list-style-type: none"> Rangkaian Komputer Termaju
Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan	v. Sarjana Muda Sains [Kepujian] <ul style="list-style-type: none"> Senibina Landskap
	vi. Sarjana Muda Sains <ul style="list-style-type: none"> Ukur Bangunan
Pusat Pengajian Sains Pergigian	vii. Sarjana Pergigian Pediatrik (Mod Kerja Kursus)
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan	viii. Sarjana Sains (Mod Campuran) <ul style="list-style-type: none"> Bandar & Komuniti Lestari
Pusat Pengajian Sains Pergigian	ix. Sarjana Kesihatan Awam Pergigian (Mod Kerja Kursus)

4. Penghasilan Graduan

Seramai 7,237 graduan telah dihasilkan oleh USM berbanding 7,427 pada tahun 2008, menurun sebanyak -2.6%. Pecahan bilangan graduan mengikut peringkat pengajian pada tahun 2008 dan 2009 adalah seperti dalam Jadual 7.

Jadual 7 Bilangan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat Pengajian	2008	2009
Ijazah Sarjana Muda	5,829	5,709
Sarjana	965	1,009
Ijazah Sarjana Muda (Pendidikan Jarak Jauh)	448	254
Ijazah Kedoktoran	127	159
Diploma Lepas Ijazah	58	106
Jumlah	7,427	7,237



5. Pengambilan Pelajar Luar Negara

Universiti Sains Malaysia terus berusaha untuk menarik minat lebih ramai pelajar luar negara mengikuti pengajian di Universiti ini melalui program yang ditawarkan. Jadual 8 menunjukkan peningkatan bilangan pelajar pada peringkat ijazah kedoktoran pada tahun 2009, iaitu seramai 1,239 orang berbanding 961 orang pada tahun 2008. Peringkat pengajian yang lain juga menunjukkan peningkatan bilangan kecuali peringkat pengajian tanpa ijazah.

Jadual 8 Bilangan Pelajar Luar Negara pada Tahun 2008 dan 2009

Peringkat Pengajian	2008	2009	Peratus Perubahan
Ijazah Kedoktoran	961	1,239	29
Ijazah Sarjana	828	942	14
Ijazah Pertama	318	431	36
Pengajian Tanpa Ijazah (termasuk Skim Pertukaran Pelajar)	251	158	-37
Jumlah	2,358	2,770	17

RUMUSAN

Sepanjang 2009, Bahagian Hal Akademik dan Antarabangsa telah melaksanakan program-program dan tugas-tugas yang memenuhi objektif bahagian dan selaras dengan keperluan Universiti. Pencapaian ini adalah juga dengan sokongan pelbagai pihak pada peringkat Universiti termasuk kerjasama baik yang telah diberikan oleh pusat-pusat pengajian dan pusat-pusat tanggungjawab lain.

PENGENALAN

Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP) bertanggungjawab terhadap pembangunan sendiri dan daya saing bakal graduan. Selaras dengan pengukuhan dan penyelarasan Universiti ke arah kegemilangan yang merupakan matlamat Universiti ini, BHEPP telah mengambil langkah menyusun semula strategi pengurusan dan menyusun atur KPInya agar pelajar yang dihasilkan setanding dengan pelajar universiti terkemuka di dunia.

BAHAGIAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar berperanan menjadi pemangkin kepada melahirkan individu cemerlang dalam mencapai Sasaran Universiti berstatus APEX. Untuk memastikan peranan ini dilaksanakan dengan lebih berkesan BHEPP telah distrukturkan semula seperti berikut:

1. Sektor Pembangunan Pelajar
2. Sektor Pembinaan Sahsia Pelajar
3. Sektor Perkhidmatan Pelajar
4. Sektor Kesejahteraan Pelajar

Penetapan sasaran adalah mengikut sektor masing-masing supaya semua sasaran dapat dicapai dengan jelas.

FUNGSI DAN AKTIVITI SEKTOR

1. Sektor Pembangunan Pelajar

Fokus utama sektor ini adalah untuk melahirkan pemimpin masa depan melalui aktiviti-aktiviti di luar kurikulum program pengajian. Sektor ini menekankan aspek-aspek pembentukan graduan yang holistik, kreatif, inovatif, memiliki sifat kepimpinan yang tinggi, bijak berkomunikasi, berbudi pekerti, berketerampilan, memiliki sifat jati diri yang kental, peka kepada kelestarian, pintar bermasyarakat dan responsif kepada keadaan semasa dan masa depan.

Aktiviti sepanjang tahun 2009 menjurus ke arah pengantarabangsaan yang merangkumi program:

kesukanan, kebudayaan, kepimpinan, khidmat masyarakat dan kecemerlangan. Aktiviti sektor ini diringkaskan seperti dalam Jadual 9.

Jadual 9 Aktiviti Sektor Pembangunan Pelajar

Kategori	Bil. Program	Jumlah Penyertaan 2008	Jumlah Penyertaan 2009
Debat	10	894	800
Sukan & Rekreasi	45	7,102	4,000
Kebudayaan/Seni	65	12,077	1,000
Kerohanian	30	7,469	7,500
Keusahawanan	15	4,990	2,500
Kepimpinan	25	3,000	4,500
Kemasyarakatan	30	2,320	2,000
Program jemputan, Kesukarelawanan, NGO, usaha sama Universiti dengan pihak luar di dalam dan di luar negara	250	45,535	40,000

2. Sektor Pembinaan Sahsia Pelajar

Sektor Pembinaan Sahsia Pelajar merupakan satu sektor yang diberi nafas baharu yang mana skop perkhidmatannya mencakupi urus tadbir program baharu, iaitu Continuous Student Development (Pembangunan Siswa/i Berterusan), Program Pembangunan Keusahawanan Pelajar dan Pejabat Pentadbiran Pusat Mahasiswa. Perubahan nama ini adalah selaras dengan penambahbaikan mutu perkhidmatan dan bidang tugas yang lebih luas.

Aktiviti-aktiviti telah disasarkan kepada pembentukan graduan yang holistik, kreatif, inovatif, memiliki sifat kepimpinan yang tinggi, bijak berkomunikasi, berbudi pekerti, berketerampilan dan memiliki sifat jati diri yang kental. Program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. Program PIMPIN Siswa

Program PIMPIN Siswa merupakan satu program berkonsepkan 'Memastikan Kelestarian Hari Esok' dan pelaksanaan program ini adalah bermatlamatkan lapan teras utama model siswa/i USM, iaitu untuk melahirkan siswa/i yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Cinta akan Universiti
- Cinta akan negara/patriotisme
- Memiliki jati diri yang tinggi
- Memiliki daya ketahanan diri yang tinggi
- Memahami dan menerapkan kelestarian dalam kehidupan
- Mempunyai kemahiran insaniah yang mantap dan gemilang
- Memiliki nilai kerohanian yang seimbang
- Mempunyai keupayaan intelektual yang tinggi

ii. Program Keusahawanan Siswa

Program ini merupakan laluan bagi siswa untuk mendalami bidang keusahawanan di samping segulung ijazah yang bakal diperoleh dengan



Arkib Program Pimpin Siswa



- memberi pendedahan awal kepada siswa dalam bidang keusahawanan dan perniagaan,
- menganjur program-program keusahawanan untuk dimanfaatkan oleh siswa,
- memberi peluang kepada siswa yang berminat untuk menjadi usahawan mengasah bakat dan menimba ilmu,
- mengenal pasti peluang dan kemudahan perniagaan di dalam kampus untuk siswa menjalankan perniagaan, dan
- mengadakan ceramah dan pertemuan dengan usahawan luar yang berjaya agar siswa boleh menggunakan pengalaman dalam kerjaya mereka.

Arkib Seminar Keusahawanan



Kedua-dua program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pelajar. Hal ini terbukti menerusi peningkatan bilangan penyertaan pada tahun 2009 berbanding 2008 untuk Program Keusahawanan. Bagi Program PIMPIN Siswa yang baru diperkenalkan pada tahun 2009, bilangan penyertaan adalah amat menggalakkan seperti yang dirumuskan dalam Jadual 10.

Jadual 10 Aktiviti Sektor Pembinaan Sahsiah Pelajar pada Tahun 2008 dan 2009

Program	Siri Latihan/Kursus		Bilangan Peserta	
	2008	2009	2008	2009
PIMPIN Siswa	–	31	–	3,088
Keusahawanan	18	23	522	2,500

3. Sektor Perkhidmatan Pelajar

Sektor Perkhidmatan Pelajar terdiri daripada Unit Kerjaya, Unit Tajaan, Unit Perhubungan Pelajar Antarabangsa, dan Unit Perumahan dan Penginapan Universiti. Sektor ini sentiasa berusaha melaksanakan tugas dan tanggungjawab selaras dengan aspirasi dan falsafah universiti, iaitu mentransformasikan pendidikan tinggi. Perkhidmatan kelas pertama yang dijanjikan tetap menjadi teras budaya kerja di sektor ini tanpa mengira latar belakang pelanggan.

Antara aktiviti yang dijalankan di unit-unit adalah seperti berikut:

- i. Unit Kerjaya mengadakan aktiviti berkala seperti seminar dan ekspo kerjaya kepada semua pelajar, taklimat dan pelbagai panduan berkaitan kerjaya.
- ii. Unit Tajaan bertanggungjawab dalam urusan kewangan pelajar seperti biasiswa dan pinjaman. Unit ini memberikan maklumat dan menyelaraskan hal-hal berkaitan penajaan dan membantu pelajar yang mempunyai masalah kewangan pengajian bagi memastikan kesejahteraan kewangan pelajar dan melayan permohonan rayuan pendaftaran pelajar.
- iii. Unit Perhubungan Pelajar Antarabangsa menguruskan hal ehwal pelajar dari luar negara seperti insurans dan hal-hal kesihatan pelajar.
- iv. Unit Penginapan dan Perumahan Universiti menguruskan penginapan pelajar termasuk kemudahan kafeteria dan premis perniagaan yang bersesuaian dengan keperluan penghuni desasiswa. Prestasi dan mutu perkhidmatan yang disediakan pula sentiasa dipantau oleh jawatankuasa kecil yang ditubuhkan oleh BHEPP seperti Jawatankuasa Dasar dan Pemilihan Kafeteria/Gerai dan Premis Perniagaan, Jawatankuasa Pemantauan Kafeteria/Gerai dan Premis Perniagaan dan jawatankuasa-jawatankuasa kecil lain.

Maklumat Perkhidmatan Utama Sektor Perkhidmatan Pelajar ditunjukkan dalam Jadual 11, 12, 13 dan 14.

Jadual 11 Kemudahan Penginapan Sedia Ada Mengikut Kampus

Kampus	Desasiswa	Penawaran Tempat (2008)		Penawaran Tempat (2009)	
		Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Induk	Aman Damai	299	862	262	750
	Bakti Permai	157	447	300	529
	Cahaya Gemilang	234	645	227	316
	Fajar Harapan	294	692	244	328
	Indah Kembara	232	1,104	181	617
	Restu	774	1,017	829	887
	Saujana	–	1,644	–	1,533
	Tekun	1,022	887	764	834
	Jumlah		3,012	7,298	2,807
	Unit Kediaman Transit	23		23	
	Rumah Antarabangsa	–	240	–	188
Kejuruteraan	Jaya	902	368	759	328
	Lembaran	756	765	643	568
Jumlah		1,658	1,133	1,402	896
Kesihatan	Murni	276	773	195	895
	Nurani	414	771	414	759
Jumlah		690	1,544	609	1,654

Jadual 12 Penempatan Pelajar Mengikut Kampus dan Peringkat Pengajian

Kampus	Kapasiti	Ijazah Pertama	Ijazah Tinggi	Jumlah	Peratus
Kampus Induk	10,539	7,623	1,189	8,812	84
Kampus Kejuruteraan	2,996	1,966	332	2,298	77
Kampus Kesihatan	3,098	2,263	56	2,319	75

Jadual 13 Penempatan Pelajar Luar Negara Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat Pengajian	Bilangan Pelajar
Ijazah Pertama	100
Ijazah Tinggi	814

Jadual 14 Tawaran Biasiswa/Pinjaman Pelajar Tahun 2009 Mengikut Kampus

Penaja	Kampus Induk	Kampus Kejuruteraan	Kampus Kesihatan	Jumlah Pelajar
Badan Kerajaan & Badan Berkanun	7,160	1,694	2,069	10,923
Kerajaan/Yayasan Negeri	121	37	15	173
Badan Swasta	105	64	77	246
Jumlah	7,386	1,795	2,161	11,342

4. Sektor Kesejahteraan Pelajar

Sektor Kesejahteraan Pelajar memberi perkhidmatan yang berfokus kepada kesejahteraan pelajar agar mereka dapat menjalani kehidupan yang sempurna sebagai mahasiswa di Universiti. Perkhidmatan yang diberikan termasuklah perkhidmatan kaunseling dan melaksanakan program/aktiviti berkaitan dengan kebajikan pelajar seperti berikut:

i. Perkhidmatan Kaunseling

Perkhidmatan kaunseling yang dijalankan oleh barisan kaunselor profesional merangkumi kaunseling peribadi, akademik, kerjaya dan bimbingan/penasihatian. Bilangan kes yang dikendalikan bertambah dengan ketara seperti yang dirumuskan dalam Jadual 15. Tiga pendekatan utama, iaitu pemulihan, pencegahan dan perkembangan diaplikasikan. Walau bagaimanapun, penekanan diberikan kepada dua pendekatan penting yang sesuai dengan kehendak dan keperluan semasa pelajar, iaitu pendekatan berteraskan pemulihan dan pencegahan.

Antara perkhidmatan kaunseling berteraskan pemulihan yang disediakan ialah Kaunseling Individu, Kaunseling Kelompok dan juga kes-kes berkaitan krisis intervensi semasa. Kes krisis intervensi pula ialah kes-kes kecemasan yang berskala serius. Perkhidmatan ini diberikan kepada semua pelajar termasuk pelajar ijazah tinggi dan pelajar jarak jauh.

Pendekatan kedua yang menjadi fokus perkhidmatan kaunseling ialah pencegahan dalam usaha membantu pelajar mendapatkan keseimbangan dalam bidang akademik dan perkembangan sosial. Perkhidmatan kaunseling telah membantu Kelab PEMADAM merencana dan mempergiat usaha mengadakan kempen pencegahan penyalahgunaan dadah pada peringkat kampus mengikut keperluan semasa.

Jadual 15 Bilangan Kes Pelajar Yang Mendapat Perkhidmatan Kaunseling pada Tahun 2008 dan 2009

Perkhidmatan Kaunseling	Bilangan Kes 2008	Bilangan Kes 2009
Peribadi	58	181
Akademik	50	144
Kerjaya	25	99
Bimbingan/Penasihatian	3	20
Jumlah	136	444

ii. Perkhidmatan kebajikan pelajar

Perkhidmatan Kebajikan Pelajar meliputi bantuan dan tuntutan khairat kematian kepada semua pelajar dan perkhidmatan kebajikan bagi pelajar OKU melalui Tabung Kebajikan Pelajar (Jadual 16). Tabung ini telah memberi sumbangan kepada 10 orang pelajar yang ditimpa kemalangan. Perkhidmatan kebajikan pelajar telah dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada Sektor ini pada Mei 2009.

Jadual 16 Program Kebajikan Pelajar

Kategori Program	Aktiviti/Bantuan	Bil. Penyertaan	Bil. Pelajar Menerima Bantuan
Kerjaya	Ekspo Kerjaya dan Pendidikan 2009 – EKSPEN 09	7,500	
	- Pameran Kerja - Temuduga Terbuka	900	
Perkhidmatan	Hari Bersama Pelajar	169	
	Karnival Pengajian Tinggi Negara	3,500	
Kebajikan pelajar	Tabung Khairat Kematian		9
	Tabung Kebajikan Pelajar		1
	OKU		29
Jumlah		12,069	39

Perkhidmatan kebajikan bagi pelajar OKU juga merujuk kepada bantuan pendaftaran OKU dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan permohonan Elaun Khas Pelajar OKU. Bilangan pelajar OKU yang mendaftar pada Sidang Akademik 2009/2010 ialah 55 orang.

Selain itu, sektor ini juga turut menganjurkan program bersama-sama Sektor Perkhidmatan Pelajar untuk merencana dan menganjur Program Ekspo Kerjaya dan Pendidikan bagi memudahkan pelajar mendapatkan maklumat kerjaya. Ekspo ini meliputi pameran kerjaya, klinik kaunseling kerjaya, ceramah kerjaya dan temuduga terbuka. Ekspo ini dikunjungi seramai 8,400 orang pengunjung yang datang dari dalam dan dari luar Pulau Pinang, dengan penyertaan 33 buah syarikat swasta, agensi kerajaan serta badan berkanun.

Sektor ini juga turut bergiat aktif melaksanakan beberapa aktiviti berikut:

- Menjalankan Kajian Pengesanan (*tracer study*) kepada graduan lepasan Universiti Sains Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi.
- Menjalankan Kajian Tahap Perkhidmatan dan Kemudahan di USM pada setiap tahun semasa majlis konvokesyen.
- Menyediakan perkhidmatan Internet khususnya untuk pelajar tahun akhir yang ingin membuat pencarian kerja secara dalam talian melalui laman web syarikat dan agensi kerajaan.
- Membantu dan melaksanakan program pembangunan pelajar serta aktiviti utama dalam Program Minggu Siswa Lestari.
- Bersama-sama Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar menjayakan Hari Bersama Pelajar pada 8 Januari 2009. Tapak Pameran Sektor Kesejahteraan Pelajar dikunjungi seramai 169 orang pelajar yang ingin mendapatkan maklumat, rundingan cara akademik, ujian kerjaya dan personaliti dan konsultasi umum.
- Turut menjayakan Karnival Pengajian Tinggi Negara pada 22 dan 23 Mac 2009. Karnival ini dimeriahkan dengan sambutan seramai 3,500 orang pengunjung dari dalam dan dari luar kampus USM induk.

UNIT SUKAN DAN REKREASI

Unit Sukan dan Rekreasi berperanan dalam pembangunan sukan dan atlet serta pembangunan sahsiah siswa-siswi Universiti Sains Malaysia. Sepanjang tempoh 2009, ketiga-tiga kampus telah memainkan peranan penting dalam ketiga-tiga aspek tersebut sehingga berjaya memacu kecemerlangan pengurusan sukan ke tahap melonjakkan imej Universiti. Antara aspek yang diberi tumpuan untuk mencapai matlamat tersebut adalah seperti berikut:

1. Kemudahan Sukan

Di Kampus Kesihatan sebuah kompleks sukan sedang dibina. Antara kemudahan yang bakal tersedia adalah seperti berikut:

- 2 gelanggang futsal
- 2 gelanggang tennis
- 1 gelanggang boling padang
- 2 gelanggang bola tampar
- 1 padang bola sepak
- 1 padang rumput hoki
- sebuah rumah kayak

2. Program Warga Sukan

Sepanjang tahun 2009, program ini memberi peluang kepada atlet sukan prestasi tinggi pada peringkat negeri dan negara menimba ilmu dan mengikuti pembelajaran pada peringkat ijazah. Setakat ini sebanyak 32 pelajar sedang mengikuti pelajaran di bawah program ini.

3. Sumbangan Kepakaran

Berdasarkan kemampuan dan kejayaan pengurusan, Unit Sukan dengan kepakarannya telah membantu dan memberi khidmat kepada beberapa badan berkanun, kerajaan negeri dan sektor swasta. Unit Sukan telah dilantik oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk menguruskan sebuah Pusat Kecemerlangan Sukan Renang. Pusat ini akan melahirkan atlet yang cerdas yang bertaraf antarabangsa dalam acara renang dalam kalangan siswa-siswi IPTA. Di samping itu Unit Sukan dan Rekreasi juga diberi tanggungjawab oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk menguruskan program yang berfokus kepada sukan hoki.

4. Program Kesukarelawanan Pelajar

Satu-satunya program yang ulung di USM dengan penglibatan siswa-siswi secara sukarela dalam semua aktiviti yang dianjurkan oleh USM. Penglibatan mereka ini berupaya menjana kemahiran *soft-skill* di samping segulung ijazah yang akan diterima nanti. Dalam rekod Unit Sukan penglibatan sukarelawan siswa-siswi dalam aktiviti anjurannya dalam tahun 2009 adalah seperti dalam Jadual 17.

Jadual 17 Aktiviti dan Bilangan Sukarelawan yang Terlibat

Program/Aktiviti	Bil. Sukarelawan Siswa-Siswi
Pesta Hoki USM-Penang International	350
Pesta Bola Jaring USM-Penang	200
Sukan antara Desasiswa (SUKAD)	150
Temasya Olahraga Tahunan	250
Program Rekreasi	Purata 50

5. Pemantapan Pengurusan Acara

Pembangunan sahsiah siswa-siswi juga diberi penekanan melalui penglibatan dalam program pengurusan acara. Program pengurusan acara menjadi gelanggang siswa-siswi mengasah bakat *soft-skills* mereka. Antara pengurusan acara yang melibatkan siswa-siswi adalah seperti dalam Jadual 18.

Jadual 18 Penglibatan Pelajar dalam Program Pengurusan Acara

Program/Aktiviti	Peringkat Pencapaian
36 th Pesta Hoki Penang International	Berjaya mencatat rekod dalam The Malaysian Book of Records melalui pengiktirafan 48 jam <i>non-stop hockey carnival and world guiness record</i> untuk The Biggest Hockey Carnival
Pesta Bola Jaring USM-Penang ke 19	Mengetengahkan keupayaan siswi-siswi menguruskan kejohanan pada peringkat antarabangsa
Kejohanan Temasya Olahraga Tahunan	Memperlihatkan gabungan kerjasama yang mantap antara siswa-siswi dengan staf
Kejohanan Ragbi Terbuka USM	Kekuatan dan semangat kesukanan menguruskan penyertaan 42 pasukan yang terdiri daripada institusi-institusi pendidikan, kelab-kelab ragbi tempatan dan kebangsaan
Kejohanan Inaugural Asean Invitational Badminton Championships	Penyertaan pada peringkat antarabangsa Universiti Malaysia Perlis, Universiti Teknologi Malaysia, Thailand University of Sports Board, Nanyang Technology University dari Singapura dan National University of Singapore



6. Program Ko-Kurikulum-Pengurusan Acara

Unit Sukan dan Rekreasi telah diamanahkan untuk menyumbang kepakaran dan ilmu dalam program pengurusan acara kepada siswa-siswi USM sebagai mata pelajaran berunit untuk penganugerahan ijazah pertama. Program ini dimulakan pada Semester II 2009.

PENCAPAIAN

Pembangunan sukan dan atlet menjuruskan kepada program sukan berprestasi tinggi, sukan massa & rekreasi, infrastruktur kemudahan sukan dan prestasi pencapaian atlet. Kejayaan yang dicapai sama ada pada peringkat universiti, kebangsaan hingga peringkat antarabangsa adalah seperti dalam Jadual 19.

Jadual 19 Kejayaan dalam Acara Sukan

Acara Sukan	Pencapaian Tertinggi/Penglibatan
Sukan Prestasi Tinggi	
Kejohanan Indian RIM Asian University Games di Australia	Naib Johan acara badminton lelaki dan wanita
11 th IMT-GT Varsity Carnival 2009 di Universiti Malaysia Perlis	Meraih emas acara ping pong wanita, bola keranjang lelaki dan badminton wanita
Asean Varsity Boat Race	1 emas (men 4plus) dan 1 gangsa (women 8plus)
Ragbi	Pemain USM mewakili Pulau Pinang SUKMA dan Pasukan Cobra Malaysia
Kejohanan Karnival Sukan MASUM 2009 di Universiti Utara Malaysia	Meraih emas dan perak dalam pelbagai kategori
Touche Intercollege and University	Pasukan lawan pedang lelaki dan wanita meraih 2 emas dan 2 perak
Olahraga Terbuka Pulau Pinang	Meraih 13 emas, 8 perak dan 15 gangsa
Kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Malaysia (SIPMA) di Universiti Malaysia Terengganu	5 atlet USM mewakili MASUM
Sukan Massa & Rekreasi	
Ekspedisi berkayak termasuk program gotong-royong pembersihan pantai di Pantai Tok Bali pada 13-15 Ogos 2009	Dengan kerjasama 8 institusi Pengajian Tinggi Awam di sekitar Kelantan
XPDC Trans Titiwangsa	Melibatkan seramai 20 orang siswa-siswi
Maskom Langkawi Extreme Challenge	Melibatkan seramai 20 orang siswa-siswi
Program berkayak di Bukit Merah	Melibatkan seramai 30 orang siswa-siswi
Interaksi di Sungai Sedim	Melibatkan seramai 20 orang siswa-siswi

UNIT PENASIHATAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

Unit Penasihat dan Pembangunan Pelajar (UPPP) merupakan sebuah unit perkhidmatan yang diwujudkan di bawah BHEPP. Unit ini bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan khusus untuk para pelajar di kampus. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah seperti berikut:

1. Melaksanakan penyelidikan dan taksiran keperluan berkaitan dengan pembelajaran dan pembangunan pelajar.
2. Menyediakan perkhidmatan kaunseling akademik dan konsultasi kepada pelajar.
3. Merancang, menyelaraskan dan melaksanakan kursus, bengkel, latihan pembangunan sahsiah dan kepimpinan pelajar.
4. Menjalankan konsultasi pengurusan dan perancangan kepada kelab/persatuan.

Bilangan kes pelajar yang telah menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh UPPP sepanjang tahun 2009 berbanding tahun 2008 adalah seperti dalam Jadual 20.

Jadual 20 Perkhidmatan kepada Pelajar pada Tahun 2008 dan 2009

Jenis Perkhidmatan	Bilangan Kes 2008	Bilangan Kes 2009
Akademik	27	72
Kerjaya	0	0
Peribadi	10	19
Kewangan	0	0
Jumlah	37	91

UPPP juga merupakan unit yang menjalankan aktiviti untuk membantu dan memantau pelajar percubaan 1 dan 2. Dengan adanya aktiviti seperti bengkel, program dan seminar ia dapat membantu pelajar berkenaan kembali ke taraf aktif.

Di samping itu, Unit ini juga ditugaskan untuk membantu melaksanakan program semasa, iaitu Program Siswa Lestari. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan oleh UPPP sepanjang tahun 2008 dan 2009 dipaparkan dalam Jadual 21.

Jadual 21 Aktiviti Unit Penasihat dan Pembangunan Pelajar

Aktiviti	2008		2009	
	Bil Aktiviti	Bil Pelajar	Bil Aktiviti	Bil Pelajar
Bengkel akademik	5	143	2	47
Bengkel staf	4	134	0	0
Program	1	32	1	47
Seminar	1	1051	3	2533
Mini seminar	1	11	0	0
Jumlah	12	1371	6	2627

RUMUSAN

Secara keseluruhan pencapaian BHEPP bagi tahun 2009 telah membantu merealisasikan agenda kecemerlangan APEX melalui pelaksanaan pelbagai program untuk pelajar. Penambahbaikan berterusan akan dilaksanakan pada masa akan datang melalui perancangan yang mantap dan komitmen yang tinggi.



PENGENALAN

Bahagian Penyelidikan & Inovasi (P&I) bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan penyelidikan dan inovasi. Selama 40 tahun sejak penubuhan USM, teras utama Universiti tidak berubah, iaitu pengajaran, penyelidikan dan perundingan yang berkait secara langsung terhadap kemajuan pembangunan sumber manusia, pembinaan keupayaan ilmu pengetahuan dan persaingan industri.

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

USM juga terkenal dengan kelebihan dalam bidang fundamental, sains gunaan, seni, budaya dan warisan. Penyelidikan di USM mempunyai kelainan dan keunikan. Di USM, keutamaan diberikan kepada penyelidikan yang mempunyai impak terhadap masyarakat dan menyediakan penyelesaian atau keperluan masyarakat terpinggir yang juga dikenali sebagai masyarakat terkebahawah. Bahagian ini juga peka terhadap keperluan mendampingi masyarakat tanpa mengabaikan matlamat asal, iaitu menjadi peneraju dalam penyelidikan yang mampu menyediakan penyelesaian tempatan untuk masalah global.

Walaupun banyak penumpuan diberikan terhadap sains, teknologi dan persekitaran, Universiti juga tidak mengabaikan kepentingan bidang seni. Perkara ini dapat dibuktikan melalui penubuhan **Science and Arts Innovation Space (SAINS@USM)** yang bakal menempatkan institusi penyelidikan baharu, pusat-pusat dan unit-unit penyelidikan dengan mengambil kira keperluan bidang seni. Entiti penyelidikan ini bertujuan menghasilkan pusat kecemerlangan akademik, bakat penyelidikan dan gabungan kepakaran daripada pelbagai disiplin dalam Universiti sejajar dengan usahanya menggalakkan penyelidikan transdisiplin.

Penyelidikan USM diselaraskan melalui tujuh pelantar penyelidikan, iaitu Biomedikal dan Sains Kesihatan, Sains Fundamental, Transformasi Sosial, Sains Hayat, Kejuruteraan & Teknologi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, dan Sains Klinikal. Terdapat 26 pusat pengajian dan 16 pusat kecemerlangan di empat buah kampus yang menerajui penyelidikan dan inovasi ke arah kecemerlangan dalam bidang sains dan teknologi, dan seni & sastera. Penglibatan dan penerokaan USM dalam penyelidikan telah menghasilkan kejayaan yang membanggakan melalui penerimaan anugerah dan sanjungan/kemenangan dalam pelbagai pertandingan/pameran antarabangsa dan tempatan seperti Exhibition Invention New Techniques, Ekspo Teknologi Malaysia, International Exhibition of Invention New Techniques & Products (Geneva), International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition (ITEX) dan International Exposition Research & Inventions of Institutions of Higher Learning (PECIPTA).

Pejabat Inovasi pula memainkan peranan penting dalam membina hubungan antara penyelidik USM dengan penyelidik luar. Ia juga bertindak sebagai sayap perniagaan menerusi penglibatan secara langsung terhadap industri dengan menyediakan saluran dan proses komunikasi yang berkaitan. Pejabat Inovasi juga mentadbir dan menguruskan hak harta intelek USM dan urusan produk inovasi serta aset yang dijana secara berterusan oleh penyelidik.

USM telah menjadi pusat rujukan yang penting untuk industri. Perkara ini dibuktikan melalui penubuhan anak syarikatnya, USAINS Holding Sdn. Bhd. yang menyediakan perkhidmatan perundingan, penyelidikan kontrak, inisiatif pembangunan penyelidikan bersama, peningkatan profesional, sewaan tempat Penyelidikan & Inovasi (P&I), serta akses kepada kemudahan makmal dan peralatan penyelidikan.

USM juga telah melancarkan IXC (International Exchange) Malaysia Berhad bagi meningkatkan jaringan usaha sama pada peringkat global. Melalui IXC dan revolusi ekonomi baru, USM telah tersenarai dalam jaringan IXC antarabangsa yang mempunyai kemudahan pertukaran kepakaran dan ilmu tanpa sempadan yang menjana pembangunan terhadap kerjasama perniagaan inovasi.

Dalam melaksanakan penyelidikan dan inovasi ke arah meningkatkan ekonomi baharu, bahagian ini tidak lagi mampu untuk mempunyai mentaliti kawan. Penyelidikan perlu dilakukan dengan satu perbezaan – *Performing Research Excellence With Soul*.

AKTIVITI PENYELIDIKAN

Sebagai satu usaha dalam mempromosikan produk penyelidikan USM seantero dunia, USM masih lagi melihat penyertaan saintis tempatan ke pameran penyelidikan di dalam serta di luar negara sebagai suatu yang penting dan masih relevan. Penglibatan USM dalam pameran penyelidikan juga merupakan tapak penting bagi USM untuk mencari dan membina rangkaian usaha sama dengan industri tempatan dan luar negara, individu usahawan dan yang berminat dengan hasil penyelidikan; di samping menyebarkan maklumat dan pengetahuan terkini kepada masyarakat untuk dimanfaatkan.

Sepanjang tahun 2009, terdapat banyak aktiviti yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan budaya penyelidikan dan memantau hasil penyelidikan dalam kalangan warga USM.


Aktiviti seperti seminar/bengkel/simposium/jerayawara dan penawaran/penyediaan geran penyelidikan telah dilaksanakan melalui pelantar penyelidikan. Bengkel Pemantauan Geran Universiti Penyelidikan pula telah dilaksanakan untuk memantau output dan perkembangan projek penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik. Bagi menggalakkan aktiviti penyelidikan dan kerjasama transdisiplin antara pusat tanggungjawab (PTJ), Bengkel Pembentangan Key Performance Indicator (KPI) dan Key Intangible Performance (KIP) telah dilaksanakan dengan kerjasama pihak Bahagian Pembangunan Lestari dan Korporat untuk melihat pencapaian KPI dan KIP PTJ berdasarkan kriteria yang digariskan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia. Pencapaian KPI dan KIP PTJ juga telah dipantau secara berkala oleh pihak Universiti.

Projek Penyelidikan

Pada tahun 2009, sebanyak 2,982 projek penyelidikan dilaksanakan oleh para penyelidik USM. Projek tersebut ialah 57 projek Intensification of Research in Priority Areas (IRPA), 886 projek USM Jangka Pendek, 367 projek Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), 508 projek penyelidikan agensi luar (termasuk bersama dengan USM), tiga projek The Scientific Advancement Grant Allocation (SAGA), 255 projek SCIENCEFUND, 383 projek Insentif dan 523 projek Universiti Penyelidikan.

Jumlah projek penyelidikan tahun 2009 telah meningkat berbanding jumlah projek penyelidikan pada tahun 2008, iaitu sebanyak 2,486 projek. Peningkatan ini adalah hasil inisiatif yang menggalakkan aktiviti penyelidikan di USM. Carta 1 menunjukkan peningkatan dalam semua jenis geran kecuali geran SAGA.

Carta 1 Projek Penyelidikan Tahun 2008 dan 2009



Pameran ITEX 2009
- Green our construction industry

Peruntukan Geran Penyelidikan


Peruntukan tahunan yang telah diluluskan untuk projek penyelidikan pada tahun 2009 ialah RM62,013,418.10 berbanding RM87,120,419.15 pada tahun 2008 (Jadual 22), dengan pengurangan sebanyak RM25,107,001.05 (29.0%). Peruntukan ini telah diagihkan kepada 720 projek baharu dan 409 projek sambungan.

Jadual 22 Peruntukan Geran Yang Diluluskan (RM) bagi Tahun 2008 dan 2009 Mengikut Jenis Geran

Jenis Geran	Bilangan Projek		Peruntukan Geran (RM)	
	2008	2009	2008	2009
Universiti Penyelidikan	322	430	39,391,635.15	37,850,064.51
Agensi Luar	102	102	27,757,663.00	14,878,479.59
USM Jangka Pendek	341	298	5,042,988.00	5,794,994.00
Insentif	94	252	470,000.00	1,260,000.00
SCIENCEFUND	159	32	11,766,617.00	1,520,610.00
FRGS	28	15	2,566,516.00	709,270.00
IRPA	5	0	125,000.00	0.00
Jumlah	1,051	1,129	87,120,419.15	62,013,418.10

Pada tahun 2009 Pusat Pengajian Sains Kajihayat telah menerima geran penyelidikan yang terbanyak. Sebanyak sembilan PTJ telah mendapat geran melebihi RM2 juta. Sila rujuk Carta 2.

Carta 2 Pecahan Jumlah Peruntukan Geran Mengikut Pusat Pengajian/Pusat Penyelidikan/Institusi/Pusat





ANUGERAH PENYELIDIKAN DAN KEJAYAAN

Tahun 2009 menyaksikan sebanyak 116 penyertaan USM dalam 14 pameran yang disertai sama ada pameran berbentuk pertandingan mahupun pameran yang berbentuk penyertaan (Jadual 23). Sebanyak RM1,980,000 telah diperuntukkan bagi menampung pembiayaan logistik, pengangkutan, rekaan konsep dan artistik gerai/tapak serta pelbagai lagi keperluan pameran penyelidikan Universiti. USM secara keseluruhannya, berjaya membawa pulang 26 emas, 29 perak dan 20 gangsa melalui pertandingan pameran peringkat kebangsaan dan antarabangsa (Jadual 24). Lapan anugerah khas telah diraih bagi empat pameran berbentuk pertandingan, iaitu pameran Malaysia Technology Expo (MTE) (5 Emas/6 Perak/3 Gangsa), ITEX (6 Emas/9 Perak/1 Gangsa), International Exhibition of Ideas, Inventions and Innovations Trade Fair (IENA) (7 Emas/2 Perak/3 Gangsa) dan Bio Malaysia (2 Emas/4 Perak/4 Gangsa)

Jadual 23 Senarai Pertandingan/Pameran Penyelidikan Yang Disertai oleh USM

Pameran	Peringkat	Kategori Pameran		
Malaysia Technology Expo (MTE) 19–21 Februari 2009 Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur	Tempatan	Pertandingan	Small and Medium Industries Development Corporation 2009 (SMIDEX 2009) 3–5 Jun 2009 Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	Tempatan Penyertaan
Persidangan Kebangsaan Industri Kecil & Sederhana (IKS) Bumiputera 2009 10–11 Mac 2009 Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur	Tempatan	Penyertaan	IMT–GT Academic & Research Exposition (AREX) 2009 16–17 Jun 2009 Dewan 2020, Kangar, Perlis	Tempatan Penyertaan
6 th Asia Pacific Natural Products Expo 2009 (NATPRO 2009) 10–12 April 2009 Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur	Tempatan	Penyertaan	Pameran Dagangan Antarabangsa Makanan & Minuman Malaysia Ke-10 (MIFB 2009) 9–11 Julai 2009 Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur	Tempatan Penyertaan
37 th International Exhibition of Invention New Techniques & Products (Geneva 2009) 1–5 April 2009 Geneva–Palexpo, Switzerland	Antarabangsa	Pertandingan	International Exposition Research & Inventions of Institutions of Higher Learning 2009 (PECIPTA 2009) 8–10 Oktober 2009 Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	Tempatan Pertandingan
Hannover Messe 2009 20–24 April 2009 Hannover, Jerman	Antarabangsa	Penyertaan	International Exhibition of Ideas, Invention and Innovations Trade Fair (IENA 2009) 5–8 November 2009 Nuremberg, Jerman	Antarabangsa Pertandingan
Ekspo Hari Harta Intelek Negara 2009 (HHIN) 23–26 April 2009 Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	Tempatan	Penyertaan	Bio Malaysia 2009 17–19 November 2009 Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	Tempatan Pertandingan
20 th International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition (ITEX 2009) 15–17 Mei 2009 Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	Tempatan	Pertandingan	Inno Design Tech Expo 2–5 Disember 2009 Hong Kong Convention and Exhibition Centre (HKCEC), Hong Kong	Antarabangsa Penyertaan

Jadual 24 Pencapaian dalam Pameran Berbentuk Pertandingan

Pameran	Bilangan Penyertaan	Emas	Perak	Gangsa	Anugerah Khas	Jumlah
Malaysia Technology Expo (MTE) 19–21 Februari 2009 Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur	15	5	6	3	3	17
37 th International Exhibition of Invention New Techniques & Products (Geneva 2009) 1–5 April 2009 Geneva–Palexpo, Switzerland	12	3	3	3	0	9
20 th International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition (ITEX 2009) 15–17 Mei 2009 Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	17	6	9	1	3	19
International Exposition Research & Inventions of Institutions of Higher Learning 2009 (PECIPTA 2009) 8–10 Oktober 2009 Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	24	3	5	6	0	14
International Exhibition of Ideas, Invention and Innovations Trade Fair (IENA 2009) 5–8 November 2009 Nuremberg, Jerman	12	7	2	3	1	13
Bio Malaysia 2009 17–19 November 2009 Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	10	2	4	4	1	11
Jumlah	90	26	29	20	8	83



Malaysia Technology Expo (MTE) 2009



37th International Exhibition of Invention New
Techniques & Products (Geneva 2009)



HARTA INTELEK DAN PENGKOMERSIALAN PRODUK

Kepentingan hak harta intelek bagi setiap produk penyelidikan USM merupakan antara agenda utama dalam usaha meningkatkan kecemerlangan penyelidikan USM. Produk penyelidikan USM dipatenkan selari dengan usaha-usaha pengkomersialan produk penyelidikan.

Pada tahun 2009, USM telah memfailkan sejumlah 92 paten (berstatus *pending*) yang merangkumi 54 paten pada peringkat kebangsaan dan 38 paten pada peringkat antarabangsa.

Paten yang mendapat status *granted* pula telah menunjukkan peningkatan kepada empat paten pada tahun 2009, iaitu tiga paten pada peringkat kebangsaan dan satu paten pada peringkat antarabangsa, berbanding tiga paten berstatus *granted* pada tahun 2008 dengan dua paten pada peringkat kebangsaan dan satu paten pada peringkat antarabangsa.

Faktor tarikh pemfailan yang telah dilakukan sebelum ini dan juga pemeriksaan yang dijalankan oleh pihak Perbadanan Harta Intelek Negara (MyIPO) merupakan faktor bilangan status *granted* ini tidak dapat dijangka bilangannya untuk setiap tahun.

Bagi *technology know-how licencing*, USM telah menunjukkan peningkatan yang ketara dengan melesenkan sebanyak 20 *technology know-how* berbanding lapan yang dilesenkan pada tahun 2008. Bilangan IPR/hak cipta, (termasuk karya asli) pada tahun 2009 juga menunjukkan peningkatan memberangsangkan kepada 30 IPR/hak cipta berbanding 22 IPR/hak cipta pada tahun 2008.



RUMUSAN

Pencapaian USM dalam penyelidikan dan inovasi pada tahun 2009 menunjukkan peningkatan hasil strategi yang telah dilaksanakan oleh Bahagian ini. Peningkatan ini bertepatan dengan usaha USM mempelopori bidang penyelidikan dan inovasi dalam dan luar negara sekali gus memimpin Universiti Penyelidikan.

Pencapaian inovasi USM melalui pengkomersialan produk, bilangan paten, bilangan IPR yang menunjukkan peningkatan ketara membuktikan keupayaan penyelidikan dan inovasi USM berada pada kelas tersendiri.



Bio Malaysia 2009

PENGENALAN

Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BJIM) telah ditubuhkan di Canselori pada bulan September 2007. Bahagian ini diketuai oleh seorang Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) dan berperanan sebagai pusat sehati pihak industri dan masyarakat untuk memupuk hubungan dan perkongsian yang lebih erat, berkesan, bermakna dan lestari dengan industri dan masyarakat, iaitu dunia di luar Universiti Sains Malaysia (USM).

BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT

FUNGSI

Fungsi utama BJIM adalah untuk memadankan ilmu/kepakaran, kemudahan dan sumber yang terdapat di Universiti dengan keperluan, aspirasi serta harapan pihak industri dan masyarakat agar dapat mewujudkan situasi yang menguntungkan kedua-dua pihak.

OBJEKTIF

BJIM berperanan seperti berikut:

1. Sebagai pusat rujukan sehati kepada pihak industri dan masyarakat.
2. Memastikan bahawa jaringan dan perkongsian dengan pihak industri dan masyarakat adalah bermanfaat, berkesan, lestari dan diselaras dengan baik.
3. Menyediakan pihak industri dan masyarakat dengan
 - i. pangkalan data yang komprehensif tentang kepakaran, kemudahan dan sumber yang terdapat di USM, dan
 - ii. maklumat tentang ciptaan/rekaan, inovasi, penemuan, teknologi dan aktiviti baru USM.
4. Mempertingkatkan dan mengukuhkan jaringan serta perkongsian sedia ada dan mewujudkan yang baharu pada peringkat tempatan, negara, serantau dan antarabangsa.
5. Mengadakan dan menyertai dialog dengan kerajaan, industri dan masyarakat bagi memastikan bahawa program pengajaran dan usaha penyelidikan adalah relevan dengan keperluan, aspirasi dan harapan mereka, tanpa mengorbankan misi utama sesebuah universiti.
6. Membimbing serta memimpin pihak industri dan masyarakat ke arah pembangunan, kemajuan dan transformasi lestari.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

1. Projek Kemasyarakatan

Sejumlah RM520,140 telah diagihkan untuk 36 projek kemasyarakatan yang dikendalikan oleh pusat-pusat pengajian/pusat. Sejumlah 28 projek telah selesai dilaksanakan manakala lapan projek sedang dalam proses pelaksanaan. Pelaksanaan projek-projek kemasyarakatan adalah antara bidang tumpuan utama BJIM dan ia terangkum dalam salah satu teras Universiti berstatus APEX, iaitu Perkhidmatan dan Aktiviti Luaran. Salah satu objektif utama BJIM adalah untuk membimbing serta memimpin pihak masyarakat ke arah pembangunan, kemajuan dan transformasi lestari. Hal ini kerana Universiti pada abad ke-21 kini mempunyai tanggungjawab sosial untuk menyumbang kepakaran, ilmu, kemahiran, sumber dan kemudahan yang terdapat di Universiti kepada masyarakat.

2. Pembentukan dan Penubuhan Kluster

BJIM telah menubuhkan tiga kluster bertujuan untuk memenuhi fungsi BJIM. Kluster tersebut adalah seperti dalam Jadual 25.

Jadual 25 Aktiviti/Pencapaian Mengikut Kluster

Jenis Kluster	Aktiviti / Pencapaian
Corporate Conscience Circle (3C)	<p>Kerjasama Universiti dengan industri dalam projek-projek CSR ialah aspek yang sangat penting dan bukan sahaja menguntungkan pihak industri tetapi juga masyarakat dan alam sekitar. Justeru, BJIM telah menubuhkan Kluster Corporate Conscience Circle (3C) bertujuan untuk mempromosikan dan memadankan Corporate Social Responsibility (CSR) industri dengan keperluan komuniti. Dengan adanya kluster ini perancangan yang lebih berkesan dapat dijalankan dan ini akan memberi impak yang lebih tinggi kepada Universiti.</p> <p>Antara projek-projek CSR yang telah disempurnakan adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. 1st Penang CSR Forum: Business Ethics: Our Competitive Edge ii. International IBM Volunteer Programme iii. International CSR Internship Programme with STIE Perbanas Surabaya: Training and CSR Event di Pulau Pinang iv. International CSR Internship Programme with STIE Perbanas Surabaya: CSR Workshop di Surabaya v. CSR Workshop with Delegates from Iranian Public Relation Practitioners Association vi. CSR and Corporate Strategy Seminar: Insights from Vietnam Employer of the Year vii. Seminar on Workshop CSR: Sharing IBM Values in Diversity Management and Supply-Chain Diversity viii. Penang CSR Forum 2009 entitled Business Ethics: Our Competitive Edge bersama-sama dengan Intel Technology, Motorola Technology dan Invest-in-Penang.
OKU Referral Hub	<p>Salah satu aktiviti Hub ini ialah membantu Rapid Penang supaya lebih mesra OKU. Satu bengkel telah diadakan pada 6–7 Ogos 2009 bertempat di USM. Bengkel yang bertajuk 'Kempen Kesedaran OKU dan Melantik Inspektor Audit Akses' bertujuan memupuk kesedaran dalam kalangan warga kampus tentang hak dan keperluan golongan OKU serta melantik inspektor audit bagi akses reka bentuk sejagat. Bengkel ini terbuka kepada staf dan pelajar USM.</p>
SME Development and Transformation	<p>Memperluas dan memperkukuh hubungan yang erat dengan pihak industri juga adalah satu lagi fungsi utama BJIM. Perkongsian pengalaman, kepakaran, sumber dan sebagainya antara industri dengan Universiti adalah penting untuk pembangunan modal insan kelas pertama, kelestarian bidang akademik dan penyelidikan serta penting untuk perancangan hala tuju dan penggubalan program-program masa depan Universiti. Selaras dengan ini, BJIM telah menubuhkan Kluster SME. Hasil penubuhan kluster ini adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Process and Knowledge Competency (PKC) ialah salah satu bidang yang dikenal pasti untuk diimplementasikan secara perintis. Sekumpulan pesara daripada syarikat MNC telah dikenal pasti untuk menyokong implementasi PKC. Pengalaman kumpulan pesara ini digunakan untuk membantu SME yang berjaya tetapi kekurangan sumber pengetahuan PKC untuk terus berkembang. ii. Lean Transformation (LT) Collaboration adalah transformasi menyeluruh—dari aspek kemanusiaan/sosial ke kompetensi kejuruteraan. Proses transformasi ini telah dirancang dan akan dijalankan di Motorola Technology bersama-sama staf akademik pelbagai disiplin/bidang daripada Pusat Pengajian Pengurusan, Pusat Pengajian Komunikasi, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Pusat Pengajian Sains Matematik, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik, dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Kompetensi ini akan diguna pakai untuk SME selepas disempurnakan.

3. Bengkel/Persidangan/Forum/Dialog

Beberapa aktiviti untuk manfaat staf BJIM dan USM telah dilaksanakan seperti dalam Jadual 26.

Jadual 26 Bengkel/Persidangan/Forum/Dialog

Aktiviti	Pencapaian
Bengkel	
Bengkel Pengurusan Fail & Manual Prosedur Kerja • Hotel Vistana, Pulau Pinang 14 Februari 2009	Satu manual prosedur kerja BJIM serta fail meja staf telah dapat didokumentasi dan dihasilkan mengikut standard dan kualiti ISO.
i. Bengkel Moving into Engagement I • Bayview Beach Resort, Pulau Pinang 25–26 April 2009	Peserta bengkel yang terdiri daripada semua Pengerusi Jaringan Industri & Masyarakat (JIM) dan ketua-ketua projek kemasyarakatan telah dapat memahami konsep dan amalan bagi menghasilkan projek kemasyarakatan yang mencerminkan elemen <i>community-engagement</i> .
ii. Bengkel Moving into Engagement II • Balai Pesiban, PP Seni, USM 28 Julai 2009	
Bengkel BJIM: Capacity Building and the Way Forward • Hotel City Bayview, Langkawi 7–8 Ogos 2009	Melalui bengkel ini, beberapa perancangan projek bagi aktiviti BJIM seperti “Bottom Millions”, SME, OKU dan CSR telah dicadangkan dan dibincangkan semasa pembentangan dan perbincangan kumpulan.
Mesyuarat Berpusat dan Program Lawatan oleh Ahli Panel Penasihat Industri (IAP) • Hotel Equatorial, Pulau Pinang 7–8 Oktober 2009	Mesyuarat ini telah berjaya dihadiri oleh 50 ahli IAP yang dilantik berdasarkan kepada kepakaran dan kemahiran yang dimiliki oleh mereka dalam bidang masing-masing. Tokoh-tokoh yang hadir adalah daripada organisasi/syarikat ternama di Malaysia dan jabatan-jabatan kerajaan seperti Utusan Melayu, BERNAMA, Petronas, Motorola, Intel, MIMOS Berhad, Malaysian Biotechnology Corporation, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia dan banyak lagi. Program selama dua hari tersebut telah menjadi satu forum untuk mempromosi interaksi universiti-industri yang boleh memanfaatkan kedua-dua pihak melalui pelbagai isu dan strategi yang telah dibincangkan sepanjang mesyuarat dan program lawatan berlangsung. Segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli IAP akan dipertimbangkan oleh pihak USM untuk kepentingan Universiti terutamanya kepada pelajar USM. Kerjasama ini diharapkan akan berterusan pada masa akan datang bagi memperkukuh talian rakan pintar yang wujud antara USM-Industri.

Aktiviti	Pencapaian
Forum	
Forum Corporate Culture & First Class Mentality • Dewan Budaya, USM 11 Mac 2009	Empat tokoh ternama industri telah dijemput untuk menjadi ahli panel dan berkongsi penglibatan dan pengalaman mereka dalam dunia korporat iaitu: <ul style="list-style-type: none"> • YBhg. Dato' Syed Mohamed Syed Murtaza • YBhg. Dato' Dr. Mohd. Sofi Osman • YBhg. Datuk Vinod B. Sekhar • YBhg. Datuk David Chua Forum ini telah memberi pendedahan kepada staf pengurusan dan pentadbiran USM yang hadir untuk mengadaptasikan konsep budaya korporat dan mempunyai sikap serta pemikiran minda kelas pertama di dalam penyampaian perkhidmatan yang lebih berkualiti dan cemerlang.
University-Community Engagement Conference (UCEC 2009) • Hotel Bayview, Georgetown, Pulau Pinang 23–26 November 2009	Persidangan yang julung kalinya diadakan di rantau ini telah dianjurkan oleh BJIM dengan kerjasama Global Alliance on Community Engaged Research (GACER) serta UNESCO-APEID. Persidangan ini telah dihadiri oleh 216 orang peserta yang terdiri daripada peserta tempatan dan luar negara seperti India, Kanada, Australia, South Africa, Filipina, Thailand, Pakistan, Indonesia, China dan Hong Kong, Ireland, Sweden, Netherlands, United Kingdom, United States dan Jerman. Persidangan ini mempunyai 9 penceramah pleno, dengan pembentangan 15 pameran dan 44 kertas kerja.

4. Aktiviti Bersama Industri

Beberapa bengkel/seminar/dialog yang dianjurkan bersama pihak industri adalah seperti dalam Jadual 27.

Jadual 27 Aktiviti BJIM Bersama Industri

Tarikh / Tempat	Aktiviti
15 Julai 2006 Auditorium, Kampus Kejuruteraan, USM	Bengkel TRIZ (Theory of Inventive Problem Solving)
16–20 Ogos 2009 Auditorium 1, Kompleks Eureka, USM Pusat Pengajian Sains Fizik	Bengkel National Education Engineering Camp 2009
18–19 Oktober 2009 Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur	Seminar Regional Seminar on Heavy Ion Technology
26 Oktober 2009 Hotel Royal, Pulau Pinang	Seminar on Introduction to AS9100: The Standards for Aerospace
22 Disember 2009 Auditorium 1, Kompleks Eureka, USM	Dialog bersama dengan Profesor Ay HerChang, National University of Applied Sciences, Taiwan

5. Penerbitan

Pada tahun 2009, BJIM telah berjaya menerbitkan sebanyak tiga keluaran buletin untuk diedarkan sebagai hebahan maklumat kepada pihak industri dan masyarakat di luar USM tentang aktiviti USM dan menerbitkan sebuah buku mewah bertajuk *Journeying With Industry: 40 Years: An Unwavering Commitment*. Buku yang diterbitkan sempena ulang tahun USM ke-40 ini merupakan suatu dokumentasi tentang aktiviti-aktiviti dan kerjasama yang telah terjalin antara USM dengan pihak industri selama 40 tahun dalam pelbagai bidang. Perkongsian pintar Universiti-Industri yang dipamerkan adalah sangat memberangsangkan bagi Univerisiti yang berorientasikan penyelidikan dan inovasi seperti USM.

6. Pensijilan ISO 9001:2008 untuk Prosedur Kerja Pengurusan Projek Kemasyarakatan

Selaras dengan hasrat Universiti untuk memastikan semua kerja yang dilaksanakan mengikut standard kualiti ISO, BJIM telah pun menyediakan Prosedur Kerja Pengurusan Projek Kemasyarakatan (PKPPK) untuk tujuan perolehan Pensijilan ISO 9001:2008 pada tahun 2009. Pensijilan ISO untuk PKPPK akan memastikan pengurusan dan pentadbiran projek-projek kemasyarakatan ini berjalan dengan kemas, sistematik, terancang, cekap dan berkualiti. Ia juga akan memudahkan proses pemantauan projek-projek ini bagi memastikan projek-projek yang dilaksanakan mempunyai impak yang tinggi.

7. Pertemuan/Perbincangan dengan Industri/Agensi Luar/Universiti

Mesyuarat, perbincangan serta dialog telah diadakan dengan pelbagai syarikat dan organisasi untuk meninjau peluang-peluang usaha sama seperti perundingan/penyelidikan bersama, tempat latihan industri pelajar, penempatan/pendedahan staf, pendidikan berterusan dan banyak lagi. Antara hasil pertemuan/perbincangan dengan pihak luar adalah seperti dalam Jadual 28.

Jadual 28 Perbincangan BJIM dengan Pihak Luar

Organisasi	Bilangan
Industri/Syarikat	62
Agensi Kerajaan Malaysia	10
Universiti/Pusat Penyelidikan	22
Lain-Lain	20
Jumlah	114

HASIL/IMPAK

Antara hasil dan impak daripada pertemuan/perbincangan dengan industri / agensi luar / universiti adalah seperti berikut:

- i. Lawatan tiga orang pengarah daripada Industrial Centre, Hong Kong Polytechnic University ke Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan USM telah menghasilkan tiga projek kerjasama iaitu:
 - Stereolithography Apparatus (SLA) and Mycranio: Craniofacial Imaging System TheImportant Technology in Providing the Best Healthcare.
 - UV-Visible Spectral Imaging of Blood Stains and Other Body Fluids.
 - Craniofacial Prosthesis at the Dental Technology Laboratory, School of Dental Sciences.
- ii. Hasil perbincangan dengan pihak Universiti Gallaudet telah menubuhkan Pusat Rujukan Serantau yang dikenali sebagai Regional Center for Empowering the Deaf.
- iii. Perbincangan dengan pihak Motorola Technology Sdn. Bhd. telah menghasilkan kerjasama yang berikut:
 - Lantikan pensyarah kunjungan bagi kursus-kursus *Six Sigma, WiMax*.

- Lawatan Industri oleh pelajar-pelajar daripada Pusat Pengajian Sains Fizik, Pusat Pengajian Pengurusan dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik.
 - Sumbangan Sistem *Motorola Motomesh* untuk digunakan di Eco Hub USM.
 - Pelaksanaan Projek White Coffin USM di Motorola.
 - Penganjuran Penang CSR Forum 2009 bersama Intel Technology Sdn. Bhd. dan Invest-Penang-Bhd.
 - Penyambungan penajaan National Research & Innovation Competition 2009, iaitu satu projek anjuran Majlis Perwakilan Pelajar.
- iv. Menerusi perbincangan projek kerjasama tentang sistem pengangkutan awam dan projek-projek berkaitan dengan Rapid Penang Sdn. Bhd. untuk projek-projek berikut:
 - Kajian tentang struktur organisasi (infrastruktur) pengangkutan awam di Pulau Pinang. Rapid Penang telah memberi sumbangan sebanyak RM5,000.00.
 - Kursus latihan kepada staf Rapid Penang tentang perkhidmatan yang mesra OKU.
 - v. Perbincangan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tentang Penyelidikan dan Aplikasi Klinikal Radioterapi Ion Karbon untuk Rawatan Barah, satu Seminar Serantau Teknologi Ion Berat telah dianjurkan pada 18–19 Oktober 2009 di Kuala Lumpur dan Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani antara USM dengan A2DX Sdn. Bhd. dan antara USM dengan NIRS.
 - vi. MoU antara USM dengan AIMST.
 - vii. Lantikan seorang pensyarah USM sebagai penyelidik kunjungan di University of Lincoln untuk projek penyelidikan yang berkaitan dengan industri.

viii. Projek usaha sama yang dipersetujui dengan Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) adalah:

- Tourism Development dengan Pusat Kajian Samudera & Pantai, Pusat Penyelidikan Arkeologi Global dan Muzium & Galeri Tuanku Fauziah bagi projek-projek *edutourism*.
- Penubuhan Pusat Kecemerlangan Electrical & Electronic Integrated Circuit Design yang diuruskan oleh Usains Infotech Sdn. Bhd.

ix. National Instruments, Amerika Syarikat telah menderma beberapa set *Lego Mindstorm Robotic Kit* kepada Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik untuk kegunaan projek kemasyarakatan yang bertujuan mempromosi sains kejuruteraan robotik dan automasi kepada sekolah di luar bandar.

x. Penubuhan SMART Centre di Invest-in-Penang untuk membantu IKS dengan penyelidik daripada Pusat Pengajian Sains Komputer, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan dan Pusat Pengajian Pengurusan.

xi. Penubuhan Makmal Kalibrasi Pipit dan Jirim dengan Fisher Scientific Sdn. Bhd., Mettler Toledo Sdn. Bhd. dengan Pusat Pengajian Teknologi Industri.

xii. Ceramah tentang TRIZ (Theory of inventive Problem Solving) oleh Intel Technology Sdn. Bhd. di Kampus Kejuruteraan, Kampus Induk dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral.

xiii. Penyertaan dua pasukan USM dalam pertandingan Digi Deep Green Challenge for Change telah memenangi hadiah tempat pertama bernilai RM50,000.00.

xiv. Penganjuran National Engineering Camp bersama ATM Solutions Sdn. Bhd. telah melibatkan 18 buah sekolah menengah teknik dan vokasional di seluruh Malaysia.

xv. Seminar bertajuk Introduction to AS9100: The Standard for Aerospace, anjuran bersama Invest Penang dan PERA Neville Clarke yang memberi pendedahan tentang industri aeroangkasa kepada Industri Kecil dan Sederhana.

8. Program Internship Pelajar

Program Internship Pelajar (PIP) merupakan satu program pusat pengajian yang diselenggarakan secara berpusat oleh BJIM. Sebagai bahagian yang menyelaras PIP di USM, BJIM berperanan sebagai tempat rujukan pihak industri yang ingin memohon pelajar untuk menjalani latihan di syarikat/organisasi mereka. Di Kampus Kejuruteraan, Unit Perhubungan Industri merupakan satu unit yang ditubuhkan untuk menyelaras semua hal yang berkaitan dengan penempatan latihan industri pelajar di kampus tersebut.

Pelaksanaan PIP adalah berbeza antara satu pusat pengajian dengan pusat pengajian yang lain dan PIP adalah wajib bagi program akademik dalam bidang profesional seperti kejuruteraan, perakaunan, kesihatan, pengurusan dan teknologi maklumat. Tempoh pelajar menjalani PIP juga berbeza mengikut pusat pengajian dan program akademik mereka. Walaupun PIP tidak wajib bagi program-program lain, pelajar digalakkan untuk menjalani PIP sebagai pendedahan kepada kerjaya mereka nanti. Pada tahun 2009, sebanyak 3,680 orang pelajar telah menjalani PIP di pelbagai agensi/industri.

9. Program Kebolehdapatan Kerja/Mobiliti

Antara program kebolehdapatan kerja/mobiliti yang dibiayai oleh BJIM bersama bahagian/agensi/pusat pengajian lain yang dijalankan sepanjang tahun 2009 adalah seperti dalam Jadual 29.

Jadual 29 Program Kebolehdapatan Kerja/Mobiliti

Program	Negara	Bilangan Pelajar	Tempoh	Kos Tajaan
Latihan Praktikal Pelajar Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perniagaan Antarabangsa) dari PP Siswazah Perniagaan, USM di luar negara	Singapura, Bangkok (Thailand), Vietnam	4	2 minggu	RM4,598
Lawatan sambil Belajar ke Industri oleh pelajar PP Sains Fizik	Malaysia dan Singapura	36	4 hari	RM15,000
Latihan CSR Merentasi Budaya Projek Pembinaan Keupayaan Kerjaya Siswa USM oleh pelajar PP Sains Kemasyarakatan	Indonesia	9	6 hari	RM11,000
Latihan Perkhidmatan Makanan di Hospital Singapura oleh pelajar PP Sains Kesihatan (latihan internship di luar negara)	Singapura	1	8 minggu	Tambang perjalanan
Program Jelajah Kerjaya dalam Jaringan Industri dijalankan bersama Sekretariat EOSH (Environmental & Occupational Safety & Health), Persatuan Sains Kesihatan dan PP Sains Kesihatan	Petronas Fertilizer S/B (Kedah) dan Fuji Electric S/B (Kulim, Kedah)	49 pelajar	4 hari	RM3,960.00

Seminar Green Technology & System-On-Chip yang dijalankan bersama-sama pelajar kejuruteraan dengan kerjasama Electronic Engineering Technical Division (eETD), Institute of Engineers	Evergreen Laurel Hotel, Pulau Pinang	41 pelajar	1 hari	RM6,150.00
Program Keusahawanan, Mobiliti dan Kebolehdapatan Kerja siswa USM yang dijalankan bersama-sama pelajar daripada Rancangan Keusahawanan, Pusat Rancangan Kokurikulum	Langkawi, Kedah	100 pelajar	5 hari	RM50,000.00
Intervarsity Tobacco Control Workshop 2009. Program ini dijalankan bersama pelajar daripada USM, UiTM, UIA, UKM dan UM dengan Sekretariat Kampus Sejahtera dan Pusat Racun Negara	Muka Head, Pulau Pinang	70 pelajar	7 hari	RM20,000.00
Program Kembara Empat Negara dijalankan bersama Majlis Penghuni Desasiswa Saujana	Malaysia, Thailand, Singapura, dan Indonesia	17 pelajar	12 hari	RM1,000.00

RUMUSAN

BJIM telah berusaha dengan gigih dalam merealisasikan misi Universiti. Hal ini terbukti dengan kejayaan BJIM bersama pusat-pusat pengajian/pusat dalam pelaksanaan sejumlah 36 projek kemasyarakatan pada tahun 2009, serta penganjuran persidangan antarabangsa UCEC-2009 yang telah mengupas dan menangani isu-isu berkaitan dengan masalah sosial, ekonomi, pendidikan dan kebajikan masyarakat. Usaha ini adalah selaras dengan hasrat Universiti untuk menjadi pemangkin bagi kemajuan dan pembangunan umat yang lestari pada masa hadapan. Pelbagai bengkel telah diadakan untuk warga Universiti bertujuan memberi pendedahan dan pemahaman yang mendalam tentang konsep dan amalan *community-engagement*. Kesedaran dan anjakan paradigma tentang kepentingan *community-engagement* ini adalah intipati kepada agenda Universiti di bawah Pelan Transformasi APEX yang ingin melonjakkan pengajian tinggi negara ke tahap yang lebih ke hadapan bertanda aras dunia dengan penekanan besar kepada kelestarian dan golongan terkebahawah.

Selain itu, bagi memperkasa bakat masa hadapan dan memperkukuh hubungan universiti-industri supaya Universiti sentiasa kekal relevan, perbincangan, bengkel, dialog, mesyuarat dengan pihak industri bertujuan untuk meninjau peluang-peluang usaha sama penyelidikan, perundingan, penempatan staf dan pelajar, penawaran kursus dan perkongsian kemudahan telah diadakan sepanjang tahun 2009.

BJIM akan sentiasa komited dalam usaha/program/aktiviti yang menyumbang kepada kelestarian pembangunan sosial dan ekonomi, kemajuan dan transformasi negara.



Persidangan Antarabangsa UCEC 2009

PENGENALAN

Jabatan Pendaftar berfungsi sebagai sebuah pusat pentadbiran yang mentadbir segala urusan akademik pelajar dan hal ehwal sumber manusia. Di samping itu, Jabatan Pendaftar juga berperanan menyediakan dan memastikan kemudahan dan prasarana bagi seluruh warga Universiti dalam keadaan yang baik dan dilengkapi dengan teknologi terkini, selain melaksana pembangunan staf dan mengendalikan hal ehwal perundangan.

Sejajar dengan penubuhan Universiti Sains Malaysia pada 1 April 1969, Jabatan ini dibangunkan selari dengan objektif dan fungsi tersebut bagi memastikan aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di Universiti berjalan dengan lancar.

JABATAN PENDAFTAR

Struktur Utama

Struktur utama Jabatan Pendaftar merangkumi tiga buah kampus, iaitu Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan. Setiap kampus terbahagi pula kepada dua bahagian utama, iaitu Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM).

OBJEKTIF

Antara objektifnya adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan kualiti pengurusan akademik para pelajar melalui pembaharuan dalam proses kemasukan dan pengambilan para pelajar, peningkatan pengurusan peperiksaan Universiti dan pengurusan mesyuarat Senat serta pengurusan penambahan kursus yang ditawarkan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan Universiti.
2. Mempertingkatkan pengurusan sumber manusia dan pentadbiran yang melibatkan semua kategori staf melalui proses pengambilan, kenaikan pangkat, penganugerahan, skim-skim latihan, *fellowship*, kebajikan staf dan sebagainya selaras dengan matlamat Universiti berstatus APEX.

AKTIVITI

Jabatan Pendaftar telah mengadakan aktiviti rasmi untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan aktiviti di bawah Tabung Kebajikan Masyarakat bagi mengeratkan hubungan antara staf.

Aktiviti Rasmi

1. Mesyuarat/Pengauditan

Mesyuarat dan siri pengauditan yang telah dilaksanakan adalah seperti dalam Jadual 30.

Jadual 30 Mesyuarat dan Pengauditan

Perkara	Bilangan
Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU)	6
Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pendaftar (Exco Pendaftar)	7
Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelan Integriti Nasional (PIN)	1
Mesyuarat Pelan Pemantapan Pentadbiran Universiti	1
Mesyuarat Pendaftar-Pendaftar IPTA Bil. 2/2009	1 (Tuan Rumah)
Mesyuarat Senat	7
Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Tetap Pencalonan Ijazah Kehormat	2
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurniaan Kehormat	1
Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian bagi Mengkaji Penawaran Program Sarjana Pergigian Pediatrik	1
Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian bagi Mengkaji Penawaran Program Sarjana Kesihatan Awam Pergigian	1
Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian bagi Mengkaji Penubuhan Pusat Kajian Kelestarian Global	1
Mesyuarat Majlis Peperiksaan Universiti (MPU)	5
Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan bagi Staf Kumpulan Bukan Akademik (Gred 27-44)	32
Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan bagi Staf Kumpulan Pengurusan & Profesional, Bukan Akademik (Gred 48-Gred 54)	3
Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan bagi Staf Kumpulan Pengurusan & Profesional, Akademik (Gred 41-Gred 54)	18
Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan, Jawatan Utama dan Profesor Kanan & Profesor	4

Audit Keberkesanan Pelaksanaan Aktiviti BPSM di PTJ (2009)	3 Siri
Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Perkhidmatan Universiti (Peperiksaan Staf)	2
Audit Kualiti QAS SIRIM MS ISO 9001:2008	1 Siri
Mesyuarat Jawatankuasa Pelantikan Panel Klinik, Panel Farmasi USM	1
ISO – Audit Kualiti Dalam	1 Siri
Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib A–E	9
Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Rayuan D	1

2. Bengkel/Kursus/Taklimat/Majlis

Selain menganjurkan bengkel, kursus dan taklimat, Jabatan Pendaftar juga menganjurkan majlis rasmi Universiti seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (Jadual 31).



Mesyuarat Pendaftar-Pendaftar IPTA

Jadual 31 Bengkel/Kursus/Taklimat/Majlis

Perkara	Aktiviti
Bengkel	3 Bengkel Dokumen KPI/KIP Pentadbiran
	2 Bengkel RMK 10: Jawatankuasa Projek Pentadbiran
	Bengkel Change Management
	Bengkel MS ISO 9001:2008
	i. 1 Bengkel (BPA)
	ii. 3 Sesi Kunjungan Bantu Warga Staf USM (BPA)
	Bengkel Prapersaraan
	• Peserta Kampus Induk: 31
	• Peserta Kampus Kejuruteraan: 14
	• Peserta Kampus Kesihatan: 31
• Peserta luar: 10	
Kursus	Bengkel Pemantapan Modul Rujukan Sumber Manusia
	Bengkel Pemantapan Modul SMU-S
	Bengkel Pakaian Seragam Ke-2: Transformasi Pakaian Seragam Memangkin Kelestarian Konsep 1USM
	Dua Kursus Pengurusan Hal Ehwal Akademik dan Penulisan Minit Mesyuarat:
	i. Kampus Kesihatan
	ii. Kampus Induk dan IPPT
	Kursus Kaedah Penyelidikan Siri I & Siri II
	Kursus IELTS IPC Siri 11–Siri 14
	Biro Tananegara (BTN) Siri 1/2009–Siri 19/2009
	Taklimat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008 – Tawaran Opsyen Semula kepada Anggota Yang Telah Memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.
Taklimat	Statistik keseluruhan Pencen = 347 orang Kekal KWSP = 100 orang
	Taklimat Opsyen Tukar Lantik Guru oleh Pegawai JPA ke Skim Perkhidmatan Yang bersesuaian. Seramai 26 orang guru dari ketiga-tiga kampus hadir
	Taklimat Opsyen Tukar Lantik berikutan penjumudan skim perkhidmatan Pembantu Tadbir Rendah dan Operator Mesin Pemprosesan Data. Taklimat disampaikan oleh dua pegawai JPA dan dihadiri oleh 200 penyandang
	Taklimat Felo Baharu Siri I
	Taklimat Felo Baharu Siri II
	Taklimat I – Split Programme: MIDP Collaborative Programme Between Imperial and Universiti Sains Malaysia
	Taklimat II – Split Programme: MIDP Collaborative Programme Between Imperial and Universiti Sains Malaysia
	ISO – Hari Bersama Pelanggan BPSM
	Majlis Penganugerahan Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Penghargaan Khidmat Lama.
	Penerima APC: Induk: 298 orang Kejuruteraan: 62 orang
Majlis	Majlis Malam Jasamu Dikenang
	Kampus Induk Bersara Wajib: 26 orang Bersara Pilihan: 12 orang Kematian: 2 orang

3. Lawatan

Jabatan Pendaftar telah menerima kedatangan tetamu daripada institusi luar dan turut mengadakan lawatan kerja ke luar negara seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 32.

Jadual 32 Lawatan yang Telah Diterima/Dijalankan

Aktiviti	Agensi/Institusi
Lawatan Kerja dari Luar	Universiti Putra Malaysia (UPM)
	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
	Asian Institute of Medicine, Science & Technology (AIMST)
	Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
Universiti Gajah Mada	
Lawatan Kerja ke Luar: Pemantauan Felo di Australia	University of Queensland dan University of Sydney
Lawatan Pemeriksa Luar bagi Ijazah Pertama	24 Lawatan Pemeriksa Luar telah dijalankan

Aktiviti Tabung Kebajikan Staf

USM telah menubuhkan sebuah tabung yang mana staf Universiti kategori Pengurusan dan Profesional mencarum RM2.00 dan staf Sokongan pula mencarum RM1.00 setiap bulan secara sukarela kepada tabung ini. Staf yang mencarum kepada tabung ini akan mendapat faedah berikut:

1. Waris staf yang meninggal dunia akan mendapat wang sagu hati sebanyak RM3,000.00. Di bawah Skim Saraan Malaysia, waris akan menerima sumbangan pengurusan jenazah sebanyak RM1,000.00. Jika pasangan atau anak staf meninggal dunia, staf akan menerima sumbangan sebanyak RM500.00. Seramai empat orang staf telah meninggal dunia pada tahun 2009.
2. Anak-anak staf yang mengikuti pengajian pada peringkat ijazah sarjana muda akan diberi dermasiswa bernilai RM500.00, manakala yang mengikuti pengajian pada peringkat diploma akan diberi dermasiswa bernilai RM300.00.

Pada tahun 2009, seramai 59 orang anak staf telah menerima dermasiswa untuk pengajian pada peringkat ijazah sarjana muda dan 43 orang pula menerima dermasiswa untuk pengajian pada peringkat diploma.
3. Staf yang menghadapi bencana alam akan diberi bantuan bernilai antara RM1,000.00 hingga RM2,000.00.

PENCAPAIAN

Sepanjang tahun 2009, pencapaian Jabatan Pendaftar adalah seperti berikut:

Pengurusan Akademik

1. Pengambilan Pelajar

i. Pengambilan Pelajar Dalam Negara

Mulai tahun 2009, Unit Pengambilan dan Kemasukan telah mengambil alih proses pengambilan pelajar bagi Ijazah Sarjana Muda secara sendiri dan tidak lagi secara berpusat dengan Bahagian Pengambilan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM). Sebagai permulaan, USM mula menetapkan ujian MUnSYI sebagai syarat am kemasukan ke program Ijazah Sarjana Muda. Ujian MUnSYI ini dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Jumlah permohonan ialah sebanyak 26,673 dan sejumlah 22,071 calon telah hadir untuk ujian tersebut.

Sebanyak 13 program pengajian (termasuk empat program pendidikan) memerlukan calon ditemu duga. Jumlah permohonan, unjuran danambilan keseluruhan lepasan STPM/Matrikulasi dan Diploma/Setaraf Sesi Akademik 2009/2010 (Saluran Perdana) bagi ketiga-tiga Kampus USM masing-masing ialah 26,673 permohonan, 3,612 unjuran dan 3,311 calon berjaya. Jadual 33 menunjukkan statistik permohonan, unjuran danambilan bagi program-program Pengajian Jarak Jauh (PJJ), Pengajian Sepanjang Hayat (PSH), Kemasukan Khas (KK), Kemasukan Saluran Kedua (KSK) dan Diploma Kejururawatan (DK).

Jadual 33 Statistik Program Pengajian Jarak Jauh, Pengajian Sepanjang Hayat, Kemasukan Khas, Kemasukan Saluran Kedua & Diploma Kejururawatan

Program	Permohonan	Unjuran	Ambilan
Pengajian Jarak Jauh	3,393	1,802	2,156
Pengajian Sepanjang Hayat (Warga Emas, Warga Budaya dan Warga Sukan)	90	123	52
Kemasukan Khas (Sains Kemasyarakatan dan Seni Bina)	86	70	41
Kemasukan Saluran Kedua	39	17	7
Diploma Kejururawatan	1,087	110	116
Jumlah	4,695	2,122	2,372

ii. Pengambilan Pelajar Luar Negara

Permohonan daripada pelajar luar negara dibuka sepanjang tahun. Jumlah permohonan bagi pengambilan Semester I adalah sebanyak 374 calon manakala Semester II sebanyak 158 calon. Jumlah enrolmen terkini sehingga tahun 2,010 bagi pelajar luar negara ialah 427 pelajar.

2. Pengijazahan

Seramai 7,237 graduan USM telah berijazah sempena dengan Majlis Konvokesyen Ke-39 dan Majlis Konvokesyen Ke-40 yang telah diadakan dalam tahun 2009.

3. Aktiviti Promosi

Unit Pengambilan dan Kemasukan juga telah terlibat dengan pelbagai aktiviti promosi dan publisiti sepanjang tahun 2009 untuk memperkenalkan USM sebagai satu Destinasi Ilmu pilihan bijak sama ada di dalam mahu pun di luar negara. Antara 40 aktiviti promosi yang telah dijalankan termasuklah Karnival Pengajian Tinggi Negara 2009 anjuran Kementerian Pengajian Tinggi, Pameran Pendidikan dan Kerjaya anjuran MARA serta jemputan daripada pertubuhan atau agensi luar.

Pengurusan Sumber Manusia

1. Jawatankuasa USM APEX Talent Management

Pihak USM telah menubuhkan beberapa jawatankuasa pada peringkat Universiti untuk memastikan semua perancangan di bawah APEX dapat dicapai. Salah satunya ialah Jawatankuasa USM APEX Talent Management.

Jawatankuasa ini telah menubuhkan 15 Jawatankuasa Kecil/Kerja untuk memastikan cadangan pembaharuan dan penambahbaikan pengurusan sumber manusia dapat memenuhi hasrat Universiti di bawah program APEX di samping memenuhi aspirasi Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Garis Panduan Pelantikan Felo Pasca Doktorat
- ii. Jawatankuasa Kertas Kerja APEX Leadership Program
- iii. Jawatankuasa Kertas Kerja Tetap Penilaian
- iv. Jawatankuasa Kertas Kerja Insentif APEX 2010
- v. Jawatankuasa Kertas Kerja Pelantikan Staf Bukan Akademik ke Akademik & Kemudahan Cuti Sabatikal
- vi. Jawatankuasa Pemantapan Urusan Pengambilan Staf Akademik: *Head Hunting* dalam dan luar negara
- vii. Jawatankuasa Pemantapan Urusan Pelantikan sebagai *Visiting Position* dan *Associate* (Kehormat/Kunjungan): *Retaining Fees* & Skim Baharu
- viii. Jawatankuasa Pemantapan Pelantikan Dekan/ Ketua Pusat Kecemerlangan: Insentif dan Kriteria
- ix. Jawatankuasa Pemantapan Urusan Gaji Profesor Melebihi Gred Sedia Ada Berdasarkan Kepakaran/ Bidang serta Insentif Staf Tersohor
- x. Jawatankuasa Pemantapan Urusan Pengambilan Pelajar
- xi. Jawatankuasa Pemantapan Urusan Elaun *Multi-Tasking* Berdasarkan Prestasi
- xii. Jawatankuasa Pemantapan Urusan RLKA/RPTK
- xiii. Jawatankuasa Pemantapan *Profiling* Staf Akademik dan Staf Bukan Akademik *Human Capital Management System* (HCMS)
- xiv. Jawatankuasa Pemantapan Urusan *Succession Plan* USM
- xv. Jawatankuasa *Rain Maker Professor*

2. Pelantikan Staf

Pelantikan staf pada tahun 2009 telah menunjukkan peningkatan yang menggalakkan. Bagi pelantikan baharu berjawatan tetap, terdapat peningkatan sebanyak 14% berbanding tahun sebelumnya, manakala bagi staf kontrak pula telah berjaya dikurangkan sebanyak 13%. Staf sementara dan staf sambilan yang dilantik pada tahun 2009 turut meningkat sebanyak 260% berbanding tahun 2008. Pelantikan Felo Pasca Doktorat menunjukkan peningkatan yang paling memberangsangkan, iaitu sebanyak 960% (85 Felo Pasca Doktorat) berbanding tahun sebelumnya (8 Felo Pasca Doktorat). Secara keseluruhannya, terdapat penambahan sebanyak 258 pelantikan (23%) pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 seperti dalam Jadual 34. Angka dalam kurungan ialah data tahun 2008.

Jadual 34 Statistik Pelantikan Staf bagi Tahun 2008 dan 2009

Perkara	Staf	Bilangan		Jumlah		Perbezaan
		2009	2008	2009	2008	
Pelantikan Baharu	Akademik	75	(102)	761	(670)	91
	Bukan Akademik	686	(568)			
Pelantikan Staf Kontrak	Bukan Warganegara	181	(211)	331	(379)	48
	Warganegara	150	(168)			
Pelantikan Staf Sementara & Sambilan	Akademik	15	(3)	191	(53)	138
	Bukan Akademik	176	(50)			
Pelantikan Felo Pasca Doktorat		85	(8)	85	(8)	77
Jumlah				1,368	(1,110)	258

3. Kenaikan Pangkat

Jadual 35 dan 36 masing-masing menunjukkan statistik kenaikan pangkat bagi Staf Akademik dan Staf Bukan Akademik pada tahun 2009. Staf Akademik yang telah dinaikkan pangkat berkurangan sebanyak 63%, manakala Staf Bukan Akademik yang telah dinaikkan pangkat pada tahun 2009 meningkat sebanyak 293% berbanding tahun sebelumnya (angka dalam kurungan).

Jadual 35 Statistik Kenaikan Pangkat Staf Akademik bagi Tahun 2008 dan 2009

Perkara	Bilangan	
Pensyarah Universiti Gred Khas A (VK5) – Profesor	6	(12)
Pensyarah Universiti Gred Khas B (VK6) – Profesor	12	(7)
Pensyarah Universiti Gred Khas C (VK7) – Profesor	16	(27)
Profesor Madya	65	(41)
Pensyarah Kanan	17	(228)
Jumlah	116	(315)

Jadual 36 Statistik Kenaikan Pangkat Staf Bukan Akademik bagi Tahun 2008 dan 2009

Perkara	Bilangan	
Pengurusan Tertinggi Utama	0	(1)
Pengurusan & Profesional	27	(107)
Sokongan	74	(166)
Sokongan KUP 15 Tahun	975	(0)
Jumlah	1,076	(274)

4. Peminjaman Staf ke Agensi Luar

Jadual 37 menunjukkan perincian staf yang telah dipinjamkan ke agensi luar sepanjang tahun 2009. Sejumlah 13 staf telah dipinjamkan ke agensi luar pada tahun 2009 menunjukkan peningkatan sebanyak 30% berbanding tahun 2008 (angka dalam kurungan).

Jadual 37 Statistik Staf Yang Dipinjamkan ke Agensi Luar bagi Tahun 2008 dan 2009

Kampus	Akademik	Bukan Akademik
Kejuruteraan	2 (2)	0 (0)
Kesihatan	1 (1)	0 (0)
Induk	8 (6)	2 (1)
Jumlah	11 (9)	2 (1)

5. Penamatan Perkhidmatan

Jumlah staf yang telah bersara atau tamat perkhidmatan pada tahun 2008 ialah 178 orang (angka dalam kurungan) dan pada tahun 2009 ialah 182 orang. Perincian mengikut kategori adalah seperti dalam Jadual 38.

Jadual 38 Perincian Penamatan Perkhidmatan Staf USM pada Tahun 2008 dan 2009

Kategori Penamatan	Akademik	Bukan Akademik	Jumlah
Bersara (Pilihan)	6 (8)	11 (15)	17 (23)
Bersara (Wajib)	6 (5)	27 (40)	33 (45)
Bersara (Kesihatan)	0 (0)	2 (0)	2 (0)
Buang Kerja	0 (0)	2 (4)	2 (4)
Kematian	1 (2)	8 (10)	9 (12)
Letak Jawatan	4 (9)	69 (46)	73 (55)
Pelepasan dengan Izin	8 (4)	21 (18)	29 (22)
Tamat Tempoh Pelantikan	0 (1)	17 (16)	17 (17)
Jumlah	25 (29)	157 (149)	182 (178)

6. Cuti Sabatikal

Seramai 46 staf yang terdiri daripada 42 orang dari Kampus Induk, seorang dari Kampus Kesihatan dan tiga orang dari Kampus Kejuruteraan telah bercuti sabatikal sepanjang tahun 2009, berbanding 53 orang sepanjang tahun 2008.

7. Cuti Belajar

Sejumlah 33 staf telah melanjutkan pelajaran di bawah Skim Rancangan Pendidikan Tinggi Kakitangan Akademik (RPTKA) pada tahun 2009 berbanding hanya 26 staf pada tahun sebelumnya.

Sejumlah 25 staf telah menjalani cuti belajar pada tahun 2009 berbanding 11 staf pada tahun 2008 (Jadual 39). Hal ini menunjukkan peningkatan sebanyak 127%.

Jadual 39 Statistik Staf USM Yang Bercuti Belajar pada Tahun 2008 dan 2009

Jenis Cuti	K. Kej.	K. Kes.	K. Induk	Jumlah
Cuti Belajar Bergaji Penuh (Biasiswa)	1 (0)	5 (2)	4 (5)	10 (7)
Cuti Belajar Bergaji Penuh (Tanpa Biasiswa)	0 (1)	9 (1)	3 (2)	12 (4)
Cuti Belajar Tanpa Gaji (Tanpa Biasiswa)	1 (0)	0 (0)	2 (0)	3 (0)
Jumlah	2 (1)	14 (3)	9 (7)	25 (11)

8. Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA)

Statistik staf di bawah Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA) bagi tahun 2009 berbanding 2008 (angka dalam kurungan) dipaparkan dalam Jadual 40.

Jadual 40 Statistik Staf USM di Bawah RLKA pada Tahun 2008 dan 2009

Kampus	PhD	Sarjana	Jumlah
Kejuruteraan	7 (14)	8 (2)	15 (16)
Kesihatan	15 (14)	4 (8)	19 (22)
Induk	44 (61)	58 (40)	102 (101)
Jumlah	66 (89)	70 (50)	136 (139)

Pengurusan Pembangunan Modal Insan

1. Perkembangan MyCPD 2009

Sepanjang 2009, Unit Latihan telah menerima sebanyak 15 jemputan dan lawatan daripada organisasi serta agensi luar khususnya bagi mendapatkan penerangan berkaitan MyCPD. Beberapa agensi telah mengguna pakai sistem MyCPD yang telah diperkenalkan oleh Unit Latihan dengan kerjasama Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi (PPKT). Antara agensi yang telah membeli sistem MyCPD adalah seperti berikut:


- i. Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)
- ii. Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- iii. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

2. Latihan Staf: Latihan Dalam Perkhidmatan

Bagi latihan dalam perkhidmatan, kursus-kursus yang ditawarkan oleh Unit Latihan adalah mengikut sektor, iaitu Sektor Sains & Teknologi, Sektor Pentadbiran, Sektor Sosial, Sektor Perubatan & Kesihatan, dan Sektor Kepimpinan. Sepanjang tahun 2009, pertambahan penyertaan staf begitu mendadak berbanding tahun sebelumnya, iaitu mencecah 60,422 staf berbanding

30,370 penyertaan pada tahun 2008. Jika dilihat dalam Carta 3, jumlah peserta adalah dua kali ganda jumlah penyertaan staf pada tahun 2008. Hal ini mungkin disebabkan oleh impak sistem MyCPD yang diimplementasikan di USM.

Carta 3 Penyertaan Staf USM dalam Aktiviti Latihan 2003–2009



3. Penglibatan Staf dalam Kursus/Program Unit Latihan

Jadual 41 memaparkan penglibatan staf dalam kursus dan program yang dianjurkan oleh Unit Latihan.

Jadual 41 Penglibatan Staf USM dalam Kursus/Program

Perkara	Bilangan Peserta (Staf)
Pembangunan Organisasi (Program USMku Gemilang)	1,824
Program 'ESQ'	460
Kursus CPD Untuk Staf Akademik	158
	12
Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran	66
Kursus Kenegaraan	308
Kursus Induksi Umum & Khusus	544
Jumlah	3,372

4. Penyertaan daripada Agensi Luar

Pada tahun 2009, penyertaan daripada agensi luar untuk program latihan yang dianjurkan oleh Unit Latihan adalah amat menggalakkan, iaitu sebanyak 2,912 penyertaan telah diterima daripada 252 agensi luar.

Pengurusan Perkhidmatan Kemudahan Pusat (PKP) dan Teknologi Maklumat (TM)

Kemudahan fasiliti yang diselaraskan oleh PKP&TM untuk melicinkan pentadbiran Universiti adalah seperti dalam Jadual 42.

Jadual 42 Pencapaian Perkhidmatan Kemudahan Pusat & Teknologi Maklumat

Perkara	Pencapaian/Hasil
Aplikasi Hiliran (Downstream Application)	Antara aplikasi hiliran yang dibangunkan: <ol style="list-style-type: none"> i. e-STK: Sistem Tempahan Kenderaan ii. e-Dokumen iii. MADAT: Miscellaneous Administrative Document Activity Tracking iv. Sistem Indexing Senat v. Sistem e-SDKM: (Sistem Daftar Keluar Masuk) vi. 1-Stop Admin Portal vii. Sistem e-Majlis
Registry Server Farm [RSF]	Registry Server Farm [RSF] dilengkapi dengan: <ol style="list-style-type: none"> i. Frontier Server dengan kelajuan tinggi (Blade Centre) dengan kapasiti 1 Terabait dan boleh dimajukan sehingga 15 Blade server. ii. Server storan dengan keluasan storan data 5 Terabait. Sistem ini merangkumi 2 platform teknologi storan server, iaitu SAN (<i>Storage Area Network</i>) dan NAS (<i>Network Attached Storage</i>)
Gagasan Wawasan Operasi	Mulai tahun 2009, Jabatan Pendaftar mula beroperasi dengan wawasan untuk mencapai Pentadbiran Termaju 2010, 'Work 360°' dan 'Zero Manual', maka staf dibekalkan dengan kemudahan teknologi terkini
USMcc (Universiti Sains Malaysia Call Centre)	USMcc merupakan Pusat Sehenti Panggilan Pelanggan yang ditubuhkan bagi menangani isu perkhidmatan maklumat Permohonan Kemasukan Pelajar (ijazah tinggi & ijazah pertama). Sebelum ini, pemohon terpaksa melalui Operator dan kini pemohon dihubungkan terus ke Perkhidmatan Kemasukan Pelajar (<i>Student Admission Centre – SAC</i>). Pemohon boleh menghubungi terus ke SAC melalui 1300 888 USM dan kos ditanggung oleh USM.
e-Buku Vot	Pentadbiran kewangan di bawah pengagihan Transformasi Sumber Manusia (TSM) di mana e-Buku Vot diperkenalkan. Dengan sistem ini, penurunan kuasa kewangan OCAR Pendaftar kepada pegawai pentadbiran PTJ dapat dilaksanakan. Sistem ini adalah sistem terbaharu dan belum pernah dilaksanakan
Pengurusan Dewan Kuliah Sehenti (BIT)	Setiap kompleks dewan kuliah disediakan petugas khas daripada staf keselamatan untuk bertugas di lokasi BIT.
PeSA (Penempatan Sehenti Staf Akademik)	PeSA mula diperkenalkan oleh USM bagi menempatkan pensyarah di tempat berpusat. Antara objektif PeSA adalah untuk mewujudkan hubungan secara silang antara pensyarah sains dan sastera di bawah satu bumbung

Perundangan


Sejumlah 150 Memorandum Perjanjian/Persefahaman (MoA/MoU) yang telah dideraf/disemak sehingga akhir tahun 2009.

RUMUSAN

Sepanjang tahun 2009, Jabatan Pendaftar telah berjaya melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya dengan berkesan dan efisien. Hal ini selaras dengan peningkatan perkhidmatan yang berterusan demi kecemerlangan Universiti. Kerjasama dan kesepakatan antara Jabatan Pentadbiran/Perkhidmatan telah memangkin kejayaan pelaksanaan tugas yang telah diamanahkan kepadanya.



Karnival Pengajian Tinggi pada 22-03-2009



PENGENALAN

Pada awal penubuhan Universiti Sains Malaysia (Universiti) pada bulan Mei 1969, Jabatan Bendahari yang dikenali sebagai Perbendaharaan hanya beroperasi sebagai sebahagian daripada Unit Pentadbiran Pusat dan terletak di Kampus Maktab Perguruan Persekutuan di Gelugor.

JABATAN BENDAHARI

Mulai tahun 1970, Perbendaharaan yang kini telah menjadi entiti berasingan pada penghujung tahun 1969, dikenali sebagai Pejabat Bendahari, dan bertanggungjawab dalam menguruskan hal-ehwal kewangan, pembangunan fizikal dan penyelenggaraan kampus serta bangunan Universiti.

Apabila Universiti berpindah ke kampus tetap di Minden pada bulan Jun 1971, Pejabat Bendahari telah diperuntukkan sebuah bangunan untuk terus beroperasi. Pada tahun 1983, tanggungjawab menguruskan pembangunan fizikal dan penyelenggaraan kampus serta bangunan telah diserahkan kepada Jabatan Pembangunan.

OBJEKTIF

Objektif Jabatan Bendahari adalah seperti berikut:

1. Memperkukuh sistem perancangan dan perkhidmatan kewangan melalui proses belanjawan, perolehan, pengurusan aset dan pinjaman yang cekap dan berkesan sejajar dengan pencapaian matlamat Universiti.
2. Meningkatkan kualiti pengurusan penerimaan sumber kewangan dengan cekap dan berkesan ke arah pembangunan lestari Universiti.
3. Mengurus perbelanjaan sumber kewangan mengikut proses pengagihan sumber berpandukan akta, dasar dan peraturan yang ditetapkan.
4. Memantapkan pelaksanaan prosedur kerja melalui proses kerja mapan mengikut amalan urus tadbir yang baik dengan mengutamakan perkhidmatan dan penyampaian pengurusan maklumat yang berkesan kepada pelanggan.
5. Meningkatkan kualiti pelaporan kewangan dengan mengutamakan ciri-ciri ketepatan maklumat, keterangan berintegriti dengan berorientasikan sistem teknologi ke arah penyebaran maklumat yang berkesan.
6. Mengutamakan pembangunan modal insan yang memberi impak positif ke arah peningkatan kemahiran, inovasi, kreativiti dan beraspirasikan etika kerja yang berhemah.

AKTIVITI

Aktiviti Jabatan Bendahari diringkaskan dalam jadual 43:

Jadual 43 Aktiviti Jabatan Bendahari

Aktiviti	Tarikh	Tempat
PERUTUSAN/BENGGEL/TAKLIMAT		
Majlis Perutusan Tahunan Bendahari 2009	25 Februari 2009	Dewan Bankuasi, USM
Taklimat Pengurusan Kewangan Universiti (untuk Ketua PTJ)	3 April 2009	Dewan Persidangan Universiti, USM
Bengkel Perancangan Strategik Jabatan Bendahari	16–17 Julai 2009	Dewan Persidangan Universiti, USM
Hari Bersama Pelajar	20 Oktober 2009	Bangunan C04, Jabatan Bendahari, USM
Taklimat Pelaksanaan ISO Jabatan Bendahari (Kumpulan Pengurusan dan Profesional)	28 Oktober 2009	Bilik Mesyuarat Jabatan Bendahari, Aras 3, Bangunan Canselori, USM
Taklimat Pelaksanaan ISO Jabatan Bendahari (Bahagian Akaun & Kawalan Kewangan)	3 November 2009	Dewan Persidangan Universiti, USM
Taklimat Pelaksanaan ISO Jabatan Bendahari (Bahagian Perancangan dan Perkhidmatan Kewangan)	17 November 2009	Bilik Seminar, Pusat Teknologi Pengajaran & Multimedia (PTPM), USM
Start-up Workshop-Islamic Development Bank (Projek Perolehan Alatan di bawah Rancangan Malaysia ke-9)	22 Disember 2009	Hotel Eastin, Pulau Pinang
Kampus Kesihatan		
Hari Bersama Pelajar	Mac 2009	Dataran Pusat Pengajian Sains Perubatan, Kampus Kesihatan, USM
Kampus Kejuruteraan		
Taklimat Pelaksanaan ISO Jabatan Bendahari	4 November 2009	Bilik Gerakan, Bangunan Pentadbiran, Kampus Kejuruteraan, USM
LAWATAN KERJA		
Kampus Induk		
Lawatan Kerja daripada Jabatan Bendahari dan Unit Audit Dalam, Universiti Malaysia Pahang	29 Mei 2009	Bilik Mesyuarat Jabatan Bendahari, Aras 3, Bangunan Canselori, USM
Lawatan Kerja daripada Bahagian Pengurusan Pentadbiran Pelajar, Universiti Utara Malaysia	14 September 2009	Bilik Mesyuarat Jabatan Bendahari, Aras 3, Bangunan Canselori, USM

Aktiviti	Tarikh	Tempat
SESI ZIARAH PTJ		
Kampus Kesihatan		
Unit Kewangan, Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)	Januari 2009	Unit Kewangan, HUSM, Kampus Kesihatan, USM
Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP)	Jun 2009	Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP), Kampus Kesihatan, USM
Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)	Julai 2009	Hospital Universiti Sains Malaysia, USM
Unit Kewangan, Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)	Disember 2009	Unit Kewangan, HUSM, Kampus Kesihatan, USM
Kampus Kejuruteraan		
Jabatan Pembangunan	23 Jun 2009	Jabatan Pembangunan, Kampus Kejuruteraan, USM
AKTIVITI LAIN/RIADAH/KECERIAAN STAF		
Kampus Induk		
Hari Gotong-Royong Bangunan Canselori - Jabatan Bendahari	6 Mac 2009	Jabatan Bendahari & Bangunan Canselori USM
Program Amalan Gaya Hidup Sihat	26 Mei 2009	Pusat Sejahtera, USM
Majlis Penghargaan Staf Jabatan Bendahari 2008	26 Jun 2009	Dewan Persidangan Universiti, USM
Tazkirah Ramadan	Setiap Jumaat, pada Bulan Ramadan	Surau Lelaki, Aras 1, Bangunan Canselori, USM
Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Staf Jabatan Bendahari	Sekali Sebulan	Bilik Mesyuarat Jabatan Bendahari, Aras 3 & 4, Bangunan Canselori, USM
Kampus Kesihatan		
Majlis Penghargaan Staf Jabatan Bendahari 2008	29 Julai 2009	Bilik Persidangan Utama (BPU), Pejabat Pengarah Kampus, Kampus Kesihatan, USM
Kampus Kejuruteraan		
Gotong-Royong Operasi Pelupusan Dokumen	6 Mac 2009 dan Mei 2009	Stor Jabatan Bendahari, Kampus Kejuruteraan, USM
Majlis Penghargaan Staf Jabatan Bendahari 2008	21 Julai 2009	Dewan Seminar, Kampus Kejuruteraan, USM

Aktiviti	Tarikh	Tempat
LATIHAN/PEMBANGUNAN MODAL INSAN		
Kampus Induk		
Program Mentor-Mentee	24 Februari 2009	Bilik Seminar, Pusat Kajian Antarabangsa, USM
Kursus Pengenalan Carta Akaun/Lejar Am	19–20 Mac 2009	Makmal 5, Pusat Pengetahuan Komunikasi & Teknologi (PPKT), Bangunan Eureka, USM
Kursus Pengurusan Emolumen – Pemahaman Akta Percukaian, KWSP dan SOCSO	14 April 2009	Bilik Latihan, Unit Latihan, Jabatan Pendaftar, Aras 2, Bangunan Canselori, USM
Kursus Perkhidmatan Kaunter Pelanggan	29 April 2009	Bilik Mesyuarat Jabatan Bendahari, Aras 3, Bangunan Canselori, USM
Kursus Pengurusan Tunai	21 Julai 2009	Bilik Taklimat PRO, Pejabat Perhubungan Awam, Aras 2, Bangunan Canselori, USM
Kursus Modul Bil Pelbagai	23 Julai 2009	Bilik Latihan Jabatan Bendahari, Aras 3, Bangunan Canselori, USM
Kursus Pengurusan Perolehan & Kontrak	27 Julai 2009	Auditorium 1, USAINS, Bangunan Eureka, USM
Kursus Ms Excel 2007	30 Julai 2009	Menara BHL, Jalan Sultan Ahmad Shah, Pulau Pinang
Kursus Asas Perakaunan	4–5 Ogos 2009	Bilik Taklimat Pejabat Perhubungan Awam, Aras 2, Bangunan Canselori, USM
Kursus eVot – <i>Direct Entry, Invoice Matching, eProcurement Confirmatory</i>	5–13 Oktober 2009	Bilik Latihan Jabatan Bendahari, Aras 3, Bangunan Canselori, USM
Sesi Kunjungi-Bantu Jabatan Bendahari: Anjuran Sekretariat Warga Sejahtera	19, 20, 21, 22 dan 27 Oktober 2009	Bilik Mesyuarat Jabatan Bendahari, Aras 3, Bangunan Canselori, USM
Kampus Kesihatan		
Pengurusan Aset	Mac 2009	Bilik Persidangan Utama, Kampus Kesihatan, USM
Pengurusan Perolehan & Kontrak	Mei 2009	Dewan Murni, Kampus Kesihatan, USM
Sistem Daftar Bil	Julai 2009	CAI Lab, Kampus Kesihatan, USM
Sistem Daftar Bil	Oktober 2009	Jabatan Bendahari, Kampus Kesihatan, USM
Kampus Kejuruteraan		
Latihan eFas kepada Staf Jabatan Bendahari Sesi Pertama	19–20 November 2009	Makmal Multimedia, Pusat Pengetahuan Komunikasi & Teknologi (PPKT), Kampus Kejuruteraan, USM
Latihan eFas kepada Staf Jabatan Bendahari- Sesi Kedua	8–10 Disember 2009	Bilik Latihan Jabatan Bendahari, Aras 3, Bangunan Canselori, USM

PENCAPAIAN

Jabatan Bendahari telah memberi tumpuan dalam aspek peningkatan penyampaian perkhidmatan kewangan bagi memenuhi keperluan dan kepuasan pelanggan dalam mahupun luaran, selaras dengan keperluan Universiti yang telah diberi penarafan Universiti berstatus APEX.

Antara usaha penambahbaikan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2009 merangkumi pengurangan kerenah birokrasi, peningkatan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan melalui maklum balas dan komunikasi maklumat kewangan dengan lebih cekap, serta kepelbagaian kaedah melaksanakan urusan transaksi kewangan dengan pihak Universiti seperti dalam Jadual 44.

Jadual 44 Penambahbaikan Perkhidmatan Jabatan Bendahari

Penambahbaikan	Keterangan
Pindaan had kuasa meluluskan dokumen kewangan	Memperluas had kuasa meluluskan dokumen kewangan kepada Pegawai Kewangan Universiti dan mengurangkan bilangan dokumen kewangan yang memerlukan kelulusan Pengurusan Tertinggi Universiti.
Penyebaran Info Kewangan Pelajar bagi pelajar Ijazah Pertama Pendidikan Jarak Jauh	Memperudahkan dan mempercepat urusan penghantaran maklumat kepada pelanggan dan mengurangkan masa menunggu di kaunter pertanyaan pelajar.
Penawaran pelbagai sistem penyampaian maklumat kewangan	Menawarkan pelbagai mod penyaluran maklumat kewangan kepada pengguna iaitu: <ul style="list-style-type: none">• Emel• Sistem pesanan ringkas (SMS)• Kiosk• Semakan dalam talian
Penambahan kaedah pembayaran dalam kutipan secara dalam talian	Menambah kaedah pembayaran iaitu pembayaran melalui perbankan Internet (FPX) bagi pembayaran bil pelajar Universiti dan juga kutipan yuran bagi aktiviti rasmi anjuran Universiti.

Selain itu, Jabatan Bendahari turut terlibat dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Pusat Tanggungjawab, Naib Canselor, Kampus Induk dan Kampus Kejuruteraan (ISO 9001:2008) bagi prosedur-prosedur utama kewangan Universiti, yang sedang diusahakan secara berpusat bagi semua pusat tanggungjawab pentadbiran USM.

Aspek pembangunan modal insan turut dititikberatkan dengan pelaksanaan pelbagai latihan kepada staf Jabatan Bendahari mahupun staf di PTJ, khususnya dalam pengurusan kewangan. Suasana dan persekitaran kerja juga cuba ditambah baik dengan penganjuran aktiviti yang dapat menceriakan serta mengeratkan hubungan sesama warga kerja Jabatan Bendahari seperti aktiviti gotong-royong, majlis penghargaan dan majlis sambutan ulang tahun kelahiran staf.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, Jabatan Bendahari sentiasa berusaha untuk menyampaikan perkhidmatan kewangan sebaik mungkin, sejajar dengan objektif yang telah digariskan. Peningkatan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan sentiasa diutamakan melalui usaha penambahbaikan berterusan, tanpa melupakan keseimbangan dalam aspek kesejahteraan warga kerja, yang merupakan tonggak utama dalam kejayaan sesebuah organisasi.

halaman ini sengaja dibiarkan kosong

PENGENALAN

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia ditubuhkan pada tahun 1969 seiring dengan penubuhan Universiti Sains Malaysia. Pada asalnya perpustakaan ini terletak di Malayan Teachers' College, Gelugor. Pada tahun 1971 ia berpindah ke Minden dan menduduki bangunan sendiri pada tahun 1979.

PERPUSTAKAAN

Rangkaian Perpustakaan Universiti Sains Malaysia di Kampus Induk Pulau Pinang terdiri daripada Perpustakaan Hamzah Sendut 1 dan 2, Perpustakaan Media di Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia dan Perpustakaan Pusat Islam.

Selain itu, terdapat tiga lagi rangkaian perpustakaan USM di luar kampus induk:

1. Perpustakaan Perubatan (1980) juga dikenali sebagai Perpustakaan Hamdan Tahir, di Kampus Kesihatan, Kubang Kerian, Kelantan.
2. Perpustakaan Kejuruteraan (1986) di Kampus Kejuruteraan, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan.
3. Perpustakaan Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (2002) di Kampus Kepala Batas.

OBJEKTIF

Berperanan sebagai pusat kecemerlangan pembekalan sumber maklumat ilmiah untuk menyokong rancangan akademik Universiti.

DASAR KUALITI

Beriltizam untuk memberi perkhidmatan maklumat yang cemerlang dan memenuhi keperluan pelanggan kami melalui amalan-amalan kualiti dan program penambahbaikan yang berterusan.

Sebagai sebuah organisasi yang memberi fokus kepada pelanggan, Perpustakaan sekali lagi telah mengekalkan pensijilan ISO dan telah beralih daripada versi MS ISO 9001:2000 kepada versi MS ISO 9001:2008. Audit pemantauan oleh SIRIM QAS yang telah diadakan pada 16–17 November 2009 mengguna pakai versi MS ISO 9001:2008.



AKTIVITI

1. Program Bersama Pelanggan

Program ini bertujuan memperkenalkan khidmat yang ditawarkan oleh perpustakaan kepada pelanggan. Aktiviti yang diadakan dirumuskan dalam Jadual 45.

Jadual 45 Program Bersama Pelanggan

Tarikh	Aktiviti
20 Julai 2009	Minggu Bersama Pelanggan Perpustakaan Hamzah Sendut
24 Julai 2009	Minggu Bersama Pelanggan Perpustakaan Kejuruteraan
17 Ogos 2009	Majlis Jejak Kemerdekaan Bersama Perpustakaan dan Majlis Anugerah Peminjam Terbanyak Bahan Perpustakaan

2. Program Bersama Masyarakat

Program ini diadakan selari dengan keperluan Universiti sebagai sebuah Universiti berstatus APEX yang menjadikan aktiviti jaringan masyarakat sebagai satu agenda penting. Perpustakaan telah mengadakan dua aktiviti gerakan membaca seperti dalam Jadual 46.

Jadual 46 Program Bersama Masyarakat

Tarikh	Aktiviti
10 Januari 2009	Karnival Masyarakat Lestari di Merbok, Kedah
1 Ogos 2009	Perpustakaan Bersama Masyarakat di Kampung Bonggol Berangan, Kedah

3. Seminar/Bengkel

Lima program telah dianjurkan pada tahun ini seperti dalam Jadual 47.

Jadual 47 Seminar dan Bengkel

Tarikh	Aktiviti
9-10 Februari 2009	Bengkel Perancangan Strategik Perpustakaan Akademik Malaysia di Hotel Vistana
11 Februari 2009	Mesyuarat PERPUN di Perpustakaan Hamzah Sendut
2-3 Mac 2009	Bengkel Pemantapan Pembangunan Perpustakaan di Taiping Golf Resort
16-17 Mei 2009	Bengkel Kumpulan KIK di Hotel Naza, Pulau Pinang
3-4 November 2009	Kursus Perkhidmatan Perpustakaan Kepada Golongan Khas di Paradise Sandy Beach Resort, Pulau Pinang

4. Pameran

Beberapa pameran turut diadakan seperti dalam Jadual 48.

Jadual 48 Aktiviti Pameran

Tarikh	Aktiviti
15 Ogos–10 September 2009	Pameran Kemerdekaan
15–20 Oktober 2009	Pameran 1 Malaysia
11 Oktober–12 November 2009	Pameran Minggu Jerman

5. Kualiti (MS ISO 9001:2008)

Perpustakaan juga telah mengadakan beberapa siri penerangan untuk MS ISO 9001:2008 iaitu versi baharu bagi menggantikan pensijilan versi lama MS ISO 9001:2000. Penerangan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada semua staf Perpustakaan berkaitan pensijilan versi terkini dan telah diadakan pada tarikh seperti dalam Jadual 49.

Jadual 49 Aktiviti Penerangan Audit

Tarikh	Aktiviti
27–29 Mac 2009	Bengkel Dokumentasi MS ISO 9001:2008
22–23 April 2009	Kursus Peralihan MS ISO 9001:2008
29 April 2009	Taklimat Prapemurnian Dokumen SPK
27–28 Mei 2009	Menganjurkan Kursus Kesedaran dan Kefahaman dan Audit Dalaman Berdasarkan MS ISO 9001:2008
10–12 Julai 2009	Bengkel Pemurnian e-Doc/SPK versi 9001:2008
18, 25, 26 dan 27 Ogos 2009	Kursus Kesedaran MS ISO 9001:2008
8–9 Oktober 2009	Audit Kualiti Dalaman
16–17 November 2009	Audit Pemantauan SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

6. Pengantarabangsaan

Perpustakaan selaku Sekretariat ASEAN University Network Inter-Library Online (AUNILO) telah bekerjasama dengan Sekretariat ASEAN University Network (AUN) bagi menyelaraskan Mesyuarat AUNILO ke-6 di Universiti Indonesia bertempat di Jakarta, Indonesia. Perpustakaan Universiti Sains Malaysia juga sekali lagi telah diberi kepercayaan menjadi Sekretariat AUNILO untuk tempoh 2009-2013.

Ketua Pustakawan juga telah dijemput untuk menghadiri Mesyuarat AUN (Asean University Networking) di Brunei pada 28 Januari hingga 1 Februari 2009 bagi membentangkan perancangan dan pencapaian aktiviti-aktiviti AUNILO.

Pada 27-30 Mei 2009 Ketua Pustakawan telah dijemput menjadi perunding oleh Cantho University of Vietnam untuk membincangkan tentang sukatan pelajaran kursus baharu Sains Perpustakaan di universiti tersebut.

Perpustakaan juga telah berjaya menganjurkan Persidangan Antarabangsa Perpustakaan (ICOL 2009) pada 15-16 Jun 2009 bertempat di Hotel Bayview Beach Resort, Pulau Pinang.

7. Projek Kenangan Abadi

Untuk Projek Kenangan Abadi Y.Bhg Dato' Dr. Sharom Ahmat, pihak Perpustakaan telah menemu bual tiga individu, iaitu Y.Bhg Profesor Emeritus Dato' Dr. Amir Awang, Tuan Haji Romli Abu Bakar dan Encik V. V. Sarachandran. Projek ini dapat menambahkan lagi koleksi ilmiah yang bernilai di Perpustakaan.

PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN

Perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan terus dilaksanakan dengan memantapkan sistem bersepadu dalam talian daripada ILMU Perdana untuk seluruh rangkaian Perpustakaan USM dan sistem keselamatan Perpustakaan (menggunakan RFID). Laman sesawang www.lib.usm.my, www.kck.usm.my/pustaka, <http://library.eng.usm.my/englib> mencatatkan sejumlah 805,034 pengguna (berbanding 618,373 pengguna pada tahun 2008) dengan peningkatan sebanyak 30.2% dan 34,735,196 kenaaan (berbanding 24,215,539 kenaaan pada tahun 2008) dengan peningkatan sebanyak 43.4% pada tahun 2009.

Ahli berdaftar Perpustakaan USM (2009) ialah 30,283 orang. Keahlian ini terdiri daripada pelajar, staf akademik/pentadbiran dan awam. Ahli daripada kategori awam terdiri daripada pekerja sektor korporat, pekerja sektor awam serta pekerja industri dan perdagangan. Perpustakaan telah merekodkan sebanyak 1,317,991 kunjungan pengguna sementara perkhidmatan sirkulasi telah mengendalikan pinjaman sejumlah 366,947 buah buku. Jadual 50 menunjukkan statistik perkhidmatan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia.

Jadual 50 Statistik Perkhidmatan

Kampus	Keahlian	Kunjungan	Pinjaman
Perpustakaan Hamzah Sendut 1 dan 2	22,347	898,022	288,329
Perpustakaan Hamdan Tahir	5,278	198,655	52,753
Perpustakaan Kampus Kejuruteraan	2,058	219,314	24,245
Perpustakaan IPPT	600	2,000	1,620
Jumlah	30,283	1,317,991	366,947

Program Pendidikan Pengguna dan Literasi Maklumat juga terus dipertingkatkan. Secara keseluruhannya sebanyak 446 bengkel dan sesi latihan telah dijalankan oleh Perpustakaan Hamzah Sendut yang melibatkan penyertaan 11,509 pelajar.

Semasa program orientasi Perpustakaan, taklimat pengenalan Perpustakaan telah dihadiri oleh 2600 pelajar baharu. Daripada jumlah itu, 1215 pelajar menyertai Latihan KRISALIS (Katalog Dalam Talian Perpustakaan). Jerayawara turut diadakan bagi mempromosi perkhidmatan dan perolehan baharu di tiga buah pusat pengajian.

Perkhidmatan maklumat elektronik terus meningkat dengan pengekalan/pembaharuan langganan kepada pangkalan data yang penting dan sesuai untuk pelanggan. Perkhidmatan ini telah mencatatkan jumlah pencarian/penggunaan pangkalan data langganan sebanyak 1,962,510.

Penggunaan buku elektronik juga semakin meningkat. Sepanjang tahun 2009 sejumlah 173,571 penggunaan buku elektronik oleh pelanggan telah dicatatkan.

PERUNTUKAN DAN KOLEKSI

Perpustakaan telah menerima peruntukan sebanyak RM19,710,400. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM6,675,400 adalah untuk pembelian buku dan bahan media manakala sejumlah RM13,035,000 adalah untuk pembaharuan dan langganan majalah serta langganan pangkalan data elektronik.

Untuk kemudahan ahli-ahlinya, pangkalan data elektronik (majalah dan buku) termasuk pangkalan data berkelompok (*aggregated databases*) terus dilanggan oleh Perpustakaan pada tahun 2009. Pangkalan data baharu yang dilanggan ialah:

- i. AAAS Online,
- ii. CINDAS – ASMD,
- iii. ESDU (Engineering Science Data Unit),
- iv. Frost.com FSTA,
- v. LexisNexis Total Patent,
- vi. McGraw – Hill's Access Engineering,
- vii. MRS Bulletin,
- viii. Oxford Art Online,
- ix. Oxford Islamic Studies Online,
- x. Oxford University Press e-jurnal full collection,
- xi. Referex, dan
- xii. World Scientific Collection

Melalui peruntukan yang diterima, Perpustakaan Hamzah Sendut telah berupaya menambahkan stok bahan ilmiah baru menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 1,510,152 judul. Jadual 51 dan 52 menunjukkan maklumat perbelanjaan buku, jurnal dan pangkalan data elektronik mengikut kampus.

Jadual 51 Pembelian Buku dan Jurnal

Kampus	Buku dan Bahan Media (RM)	Langganan Majalah dan Pangkalan Data Elektronik (RM)	Jumlah (RM)
Perpustakaan Hamzah Sendut 1 dan 2	2,300,000	10,035,000	12,335,000
Perpustakaan Hamdan Tahir	1,304,900	1,400,000	2,704,900
Perpustakaan Kampus Kejuruteraan	1,570,500	1,100,000	2,670,500
Perpustakaan IPPT	1,500,000	500,000	2,000,000
Jumlah	6,675,400	13,035,000	19,710,400

Jadual 52 Koleksi Perpustakaan Universiti Sains Malaysia

Jenis Bahan	Jumlah (Tajuk)
Buku dan Jurnal Bercetak (Jumlah naskhah ialah 1,063,585)	693,437
Buku Elektronik	1,343,061
Jurnal Elektronik	511,567
Bahan Media (termasuk mikrobutuk)	214,125
Jumlah	2,762,190

Perpustakaan telah meningkatkan usaha dalam kerja pendigitan melalui pendigitan sebanyak 13,731 bahan (eprints.usm.my) yang terdiri daripada Buletin MIDAS, bahan rujukan, bahan rujukan peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan, keratan akhbar, kertas soalan peperiksaan, abstrak tesis, koleksi artikel Naib Canselor, koleksi Sasterawan Negara dan lain-lain.



LATIHAN STAF

Berasaskan keperluan pelanggan, pemacuan matlamat APEX dan perkembangan ICT, pelbagai latihan berkaitan telah diadakan untuk staf dalam usaha meningkatkan kemahiran dan pengetahuan staf pada semua peringkat. Staf juga dihantar menghadiri kursus/latihan di luar Perpustakaan yang dianjurkan oleh Universiti Sains Malaysia atau badan-badan luar. Sejumlah 1,315 penyertaan daripada staf telah direkod untuk 173 sesi latihan yang dijalankan sepanjang tahun 2009 seperti di dalam Jadual 53.

Jadual 53 Perbandingan Bilangan Latihan dan Penyertaan Staf

Jenis Latihan	Bilangan Latihan		Bilangan Peserta	
	2008	2009	2008	2009
Kursus/Bengkel	69	69	493	476
Seminar/Persidangan	23	30	102	109
ICT	6	31	7	57
Demo	21	14	273	181
Taklimat/Ceramah/Forum	18	29	398	492
Jumlah	137	173	1273	1315

PERKHIDMATAN DAN INFRASTRUKTUR

Perpustakaan telah mengambil inisiatif untuk menaik taraf perkhidmatan dan infrastruktur yang ditawarkan agar dapat memenuhi keperluan pelanggan dan menyediakan persekitaran yang kondusif. Naik taraf yang telah dilaksanakan meliputi aspek berikut:

1. Kemudahan Pengguna

i. Menyediakan makmal komputer

Perpustakaan telah membina dua buah makmal komputer baharu yang dapat menempatkan sebanyak 100 buah komputer untuk kegunaan pelajar. Makmal telah siap dibina dan dilengkapi dengan kemudahan komputer dan mula beroperasi pada Januari 2010.

ii. Menyediakan kemudahan mesin pencetak

Perpustakaan telah menyediakan empat buah mesin pencetak layan diri untuk kegunaan pelanggan.

iii. Mengecat semula ruang pengguna

Semua ruang pengguna di dalam Perpustakaan telah dicat semula untuk memberi keselesaan dan keceriaan kepada pelanggan. Perpustakaan juga telah menukarkan perabot yang lama dan menggantikannya dengan perabot baharu yang lebih ergonomik.

iv. Menyediakan ruang santai

Perpustakaan juga telah menyediakan ruang santai untuk memberi lebih keselesaan kepada pengguna. Pengguna bebas untuk menggunakan ruang ini yang dilengkapi dengan kemudahan siaran ASTRO.

v. Menaik taraf bilik pelbagai guna

Bilik pelbagai guna dinaik taraf dan dilengkapi dengan kemudahan untuk penganjuran seminar dan bengkel yang boleh memuatkan seramai 60 orang.



2. Kemudahan Staf

i. Menaik taraf bilik rehat staf

Perpustakaan juga telah menaik taraf bilik rehat staf selaras dengan konsep Kampus Sejahtera yang mengutamakan kebajikan dan keselesaan staf.

ii. Menyediakan mesin minuman

Sebanyak lima buah mesin minuman telah disediakan untuk kemudahan staf dan pelanggan Perpustakaan.

iii. Menaik taraf ruang kerja

Bagi menjamin keselesaan staf di tempat bertugas, Perpustakaan telah menyusun semula dan menaik taraf ruang persekitaran kerja staf.

PENCAPAIAN

Pencapaian Perpustakaan sepanjang tahun 2009 adalah seperti berikut:

1. Anugerah Kajian Kes Implementasi Perisian Sumber Terbuka (MyGOSSCON)

Anugerah Kajian Kes Implementasi Perisian Sumber Terbuka Terbaik Kebangsaan 2009 diraih menerusi inovasi penyelidikan dan implementasi perisian sumber terbuka automasi perpustakaan yang dikenali sebagai KOHA di Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT). Implementasi dan penyelidikan KOHA di IPPT, USM diketuai oleh Penolong Pustakawan Kanan dan Pegawai Teknologi Maklumat di IPPT, USM. Hadiah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara yang turut sama menyempurnakan Majlis Penutup MyGOSSCON 2009 pada 6 November 2009.

2. Pensijilan ISO 9001:2008

Perpustakaan berjaya mengekalkan pensijilan ISO 9001:2008 setelah Audit Pemantauan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dilaksanakan pada 16–17 November 2009.



Anugerah Kajian Kes Implementasi Perisian Sumber Terbuka (MyGOSSCON)



3. Konvensyen Kualiti Kampus Kesihatan


Pada 1 Februari 2009, semasa Konvensyen Kualiti tahun 2008, Perpustakaan Hamdan Tahir telah berjaya menjadi johan Kategori Laman Web Terbaik dan Kaunter Terbaik. Kejayaan ini merupakan pencapaian dua tahun berturut-turut dalam kategori yang sama.

RUMUSAN

Komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh pihak pengurusan serta penglibatan serius semua staf Perpustakaan telah meningkatkan taraf perkhidmatan kepada pelanggan dari beberapa aspek:

1. Peningkatan jumlah judul koleksi melalui perolehan buku, *e-book*, jurnal, pangkalan data dan bahan media.
2. Penganjuran pelbagai aktiviti seperti aktiviti pengantarabangsaan dan aktiviti jaringan masyarakat dengan masyarakat luar Universiti.
3. Naik taraf kemudahan Perpustakaan untuk memberikan keselesaan dan kegembiraan kepada staf dan pelanggan.

Akhir kalam, pihak pengurusan dan staf Perpustakaan akan terus memberi komitmen yang tinggi dalam membantu Universiti menjayakan agenda transformasinya sehingga tersenarai antara universiti terbaik dunia.



PENGENALAN

Jabatan Pembangunan diwujudkan sebagai Unit Perkhidmatan Teknikal di bawah Pejabat Bendahari pada tahun 1971. Ekoran perkembangan dan pembangunan fizikal yang pesat unit ini dinaik taraf kepada status Jabatan pada tahun 1971 dengan diketuai oleh Ketua Jurutera. Pada tahun 1983 gelaran Ketua Jurutera ditukar kepada Pengarah Pembangunan.

JABATAN PEMBANGUNAN

Jabatan Pembangunan, cawangan Kampus Kesihatan ditubuhkan pada tahun 1982, bagi mengambil alih pembangunan Hospital Kubang Kerian daripada Jabatan Kerja Raya untuk mengawasi dan menyelia kerja pembinaan Pusat Pengajian Sains Perubatan.

Pada tahun 1986 cawangan Jabatan Pembangunan, Kampus Perak ditubuhkan bagi mengubah suai bangunan lama Majlis Perbandaran Ipoh untuk dijadikan kampus sementara Kampus Kejuruteraan semasa kampus tetapnya dibina di Bandar Seri Iskandar.

OBJEKTIF

Peranan Jabatan Pembangunan semakin mencabar dengan tuntutan Universiti Penyelidikan dan Universiti berstatus APEX dalam rangka kelestarian. Justeru, jabatan ini berperanan untuk:

1. Memenuhi keperluan ruang yang kian meningkat dan menepati fungsi yang dikehendaki.
2. Memastikan keadaan persekitaran yang selari dengan falsafah Kampus sejahtera.
3. Menyediakan kemudahan asas dan perkhidmatan bangunan yang baik dan cekap serta menjurus kepada konsep kampus futuristik.
4. Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan sokongan yang berkualiti serta pembangunan yang berfungsi dan selamat.
5. Mengamalkan budaya pengurusan kerja yang berkualiti demi kepuasan pelanggan.
6. Memantapkan struktur organisasi Jabatan Teknikal.
7. Memantapkan pengurusan pembangunan berasaskan pengetahuan dan pengalaman serta penumpuan dalam merealisasikan hasrat Jabatan untuk memperkukuh pengurusan aktiviti setiap bahagian.

8. Mengendalikan pengurusan dan rangkaian organisasi yang proaktif dan tersusun.
9. Membina personaliti staf yang positif dan berketerampilan.
10. Membangunkan modal insan yang cekap dan berkesan.
11. Menerap dan mengkaji garis panduan Unit Perancangan Ekonomi untuk pembangunan IPT.
12. Memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan dan penyelenggaraan seperti CMMS, BEAMS, IMOS, SIPER dan sebagainya.

AKTIVITI

Jabatan Pembangunan telah melaksanakan pelbagai projek sepanjang tahun 2009 seperti dalam Jadual 54.

Jadual 54 Projek Jabatan Pembangunan

Kategori	Projek
Naik Taraf	<ol style="list-style-type: none">1. Menaik Taraf Kantin Desasiswa Aman Damai, Bangunan K09, USM, PP. 07/01/2009–08/04/20092. Menaik Taraf Pejabat Am dan Bilik Persidangan di Bangunan G09, Pusat Pengajian Sains Kimia, USM, PP. 11/02/2009–21/04/20093. Menaik Taraf Bilik-Bilik Pensyarah serta Kerja-Kerja Berkaitan di Bangunan E39, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, USM, PP. 10/03/2009–01/06/20094. Menaik Taraf Dewan Kuliah D, E dan F serta Kerja-Kerja Berkaitan di Bangunan D31, USM, PP. 10/03/2009–27/07/20095. Menaik Taraf Dewan Kuliah U dan Bilik Tutorial di Bangunan G27, USM, PP. 06/05/2009–01/07/20096. Menaik Taraf DTSP yang terdiri daripada: Menaik Taraf Lantai dan Dinding Foyer, Menaik Taraf Lantai dan Memasang Struktur Membran di Dataran Merah, Menaik Taraf Dinding dan Tangga Luaran serta Menaik Taraf Kerja-Kerja Elektrikal USM, PP. 19/05/2009–03/11/20097. Menaik Taraf Bangunan L10 Kantin Desasiswa Indah Kembara untuk Dijadikan Bilik-Bilik Pensyarah, USM, PP. 02/06/2009–28/07/20098. Menaik Taraf Bilik-Bilik Persidangan Pusat Pengajian Sains Fizik, Bangunan G06, USM, PP. 02/06/2009–22/09/20099. Menaik Taraf Bangunan H25 Desasiswa Cahaya Permai untuk Dijadikan Bilik-Bilik Pensyarah, USM, PP. 10/06/2009–18/08/200910. Menaik Taraf K19 (E) untuk Kediaman Pelajar di USM, PP. 23/09/2009–16/12/200911. Menaik Taraf Bilik untuk Pelajar di Bangunan L11 dan L12 Desasiswa Indah Kembara serta Kerja-kerja Berkaitan, USM, PP. 09/11/2009–08/02/2010

Kategori	Projek
Ubah Suai	1. Mengubah Suai Bengkel Mesin di Bilik 048, Pusat Pengajian Teknologi Industri, USM, PP. 06/01/2009–17/02/2009
	2. Mengubah Suai Makmal Penyelidikan Bilik K-203, Bangunan G09A, Pusat Pengajian Sains Kimia, USM. 06/01/2009–02/03/2009
	3. Mengubah Suai Makmal Pemprosesan Makanan, Pusat Pengajian Teknologi Industri (G07), USM, PP. 06/01/2009–16/03/2009
	4. Mengubah Suai Makmal Penyelidikan Di Bilik No. K-211, Pusat Pengajian Sains Kimia (G09A), USM, PP. 06/03/2009–30/04/2009
	5. Mengubah Suai Sebuah Unit Banglo sebagai Pejabat di Tapak Sains Bukit Jambul untuk Sanggar Sains Sdn. Bhd., PP. 06/03/2009–14/05/2009
	6. Mengubah Suai Anjung di Bangunan D19, USM, PP. 10/03/2009–01/06/2009
	7. Mengubah Suai dan Pembaikan Makmal 148 untuk Pusat Pengajian Teknologi Industri, Bangunan G07, USM, PP. 06/05/2009–15/07/2009
	8. Mengubah Suai Makmal Penyelidikan di Bilik No. 222, Aras Dua, Bangunan G08, Pusat Pengajian Sains Kajihayat, USM, PP. 06/05/2009–15/07/2009
	9. Mengubah Suai Makmal Penyelidikan di Bilik No. 222, Aras Dua, Bangunan G08, Pusat Pengajian Sains Kajihayat, USM, PP. 06/05/2009–15/07/2009
	10. Mengubah Suai Dalaman Bangunan dan Pembaikan Bangunan serta Kemudahannya di Bangunan Annex Muzium, USM, PP. 19/05/2009–06/10/2009
	11. Mengubah Suai Pejabat Am, Pusat Pengajian Sains Kajihayat, Bangunan G08, USM, PP. 15/06/2009–10/08/2009
	12. Mengubah Suai Bengkel Elektrik Menjadi Ruang Pejabat Bahagian Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Pembangunan, USM, PP. 20/07/2009–01/09/2009
	13. Mengubah Suai Bilik 163, Bilik 172 dan Ruang 'Student Corner' untuk Pusat Pengajian Teknologi Industri, USM, PP. 23/09/2009–02/12/2009
	14. Mengubah Suai Studio Ruang Kerja Unit Pereka Grafik di Aras Satu Bangunan D34, USM, PP. 27/10/2009–04/01/2010

Kategori	Projek
Ubah Suai dan Naik Taraf	1. Mengubah Suai dan Menaik Taraf Bangunan C15 untuk Unit Audit Dalam dan Pusat Rancangan Ko-Kurikulum, Kampus Induk, USM, PP. 10/03/2009–27/07/2009
	2. Mengubah Suai dan Menaik Taraf Desasiswa Fajar Harapan, Bangunan H06 dan H07 serta Kerja-Kerja Berkaitan di USM, PP. 10/03/2009–24/08/2009
	3. Mengubah Suai dan Menaik Taraf Tandas Bangunan L06, L07, L11 dan L12 Desasiswa Indah Kembara di Kampus Induk, USM, PP. 21/04/2009–20/10/2009
	4. Mengubah Suai dan Menaik Taraf Kawalan Bilik Konsol dan Pejabat di Tingkat 3, Bangunan G31, Pusat Pengajian Sains Komputer, USM, PP. 05/05/2009–23/06/2009
	5. Mengubah Suai dan Menaik Taraf Bangunan D37 untuk Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi, USM, PP. 20/07/2009–01/09/2009
	6. Mengubah Suai dan Menaik Taraf Pejabat di Bangunan F08, Pusat Islam, USM, PP. 23/09/2009–16/12/2009
	7. Mengubah Suai dan Menaik Taraf Tandas di Bangunan E47, E48 dan E49, Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, USM, PP. 23/09/2009–10/02/2010
	8. Mengubah Suai dan Menaik Taraf Bengkel Kejuruteraan Fizik dan Makmal Penyelidikan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Kampus Induk, USM, PP. 09/11/2009–29/03/2010
	9. Mengubah Suai dan Menaik Taraf Blok J12 (Aras Dua) dan Blok J13 (Aras Bawah) untuk Dijadikan Makmal-Makmal Penyelidikan dan Pembelajaran Pusat Pengajian Sains Farmasi, USM, PP. 09/11/2009–21/06/2010

Kategori	Projek
Kerja-kerja Lain	1. Membekal dan Memasang Kabinet & Rak di Bilik-Bilik Pensyarah di Aras Bawah dan Aras Satu, Bangunan G31, Pusat Pengajian Sains Matematik, USM, PP. 06/01/2009–16/03/2009
	2. Membekal, Memasang dan Menyiapkan Projek Makmal di Tingkat Bawah Bangunan MH01, Pusat Kajian Samudera dan Pantai, Muka Head, USM, PP. 08/01/2009–04/03/2009
	3. Mereka Bentuk, Membina, Menyiapkan, Melengkapkan, Menyelenggara dan Mentauliah untuk Sistem Lampu Limpah "High Mast" di Stadium USM, PP. 12/01/2009–18/05/2009
	4. Mengecat Keseluruhan Bahagian Luar Bangunan di Jabatan Pembangunan, Pusat Islam, Pusat Pengajian Sains Kimia, Pusat Pengajian Sains Kajihayat, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM, PP. 11/02/2009–30/06/2009
	5. Mengecat Keseluruhan Bahagian Luar Bangunan (FASA 2), USM, PP. 17/02/2009–13/04/2009
	6. Membina Laluan Berbumbung Baharu dari Bangunan M04-M05 di Desasiswa Restu, Saujana dan Tekun, USM, PP. 17/02/2009–1/05/2009
	7. Menurap Semula Jalan dan Kerja Berkaitan di Lengkok Sastera, Jalan Pendidikan dan Jalan Sasaran, USM, PP. 17/02/2009–07/07/2009
	8. Menukar Lantai Pentas Dewan Budaya, Bangunan E42, USM, PP. 25/02/2009–14/04/2009
	9. Melebarkan Jalan di Pintu Masuk USM-Jalan Yap Chor Ee, USM, PP. 10/03/2009–04/05/2009
	10. Perolehan Terus Membekal, Menghantar, Memasang dan Mengemaskini Alat Hawa Dingin Jenama York 12HP Jenis Roof Top dan <i>Air Cool Unit</i> di Blok B03, Rumah Pemimpin, USM, PP. 18/03/2009–16/04/2009
	11. Mereka Bentuk, Membekal, Memasang, Mendawai Serta Menguji Terima Sistem Penghawa Dingin Jenis water Cooled Chiller Dan Lain-Lain Yang Berkaitan di Bangunan Kompleks Dewan Kuliah (G03), USM, PP. 13/04/2009–03/08/2009
	12. Mereka Bentuk, Membina, Menyiapkan, Melengkapkan, Menyelenggara dan Mentauliah Biosafety Laboratory Level 2 (BSL) di Tingkat 1, Blok A, SAINS@ USM di atas Lot 2164 dan 2494 Mukim 13, Daerah Timur Laut untuk Makmal Penyelidikan Farmaseutikal, Institut Farmaseutikal dan Nutrasedutikal Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, USM, PP. 22/04/2009–07/10/2009
	13. Mengecat Bangunan di Pusat Kajian Samudera dan Pantai, Muka Head, USM, PP. 06/05/2009–24/06/2009
	14. Membina Makmal Komputer di Aras Bawah, Bangunan G02, Perpustakaan Hamzah Sendut 1, USM, PP. 06/05/2009–01/07/2009

Kerja-kerja Lain	15. Memasang Lif bagi Pembinaan Bangunan Tambahan Perpustakaan Utama Kampus Induk, USM, PP. 06/05/2009–27/01/2010
	16. Membina Bangunan Kabin untuk Bilik Pensyarah Blok A serta Lain-Lain Yang Berkaitan Berhampiran Bangunan L17, Dewan Utama Pelajar, USM, PP. 02/06/2009–28/07/2009
	17. Membina Bangunan Kabin untuk Bilik Pensyarah, Blok C serta Lain-Lain Yang Berkaitan Berhampiran Bangunan L17, Dewan Utama Pelajar, USM, PP. 10/06/2009–04/08/2009
	18. Mengecat Keseluruhan Bahagian Luar Bangunan E38, E40, E41, E48 dan E49, Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, USM, PP. 23/09/2009–23/12/2009
	19. Membina Bangunan Kabin untuk Bilik Siswazah Lanjutan Berhampiran Bangunan E39, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, USM, PP. 29/09/2009–21/12/2009
	20. Membina Makmal Tambahan di Bangunan E40, Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, USM, PP. 29/09/2009–21/12/2009
	21. Memasang Meja Mesyuarat Baru dan Kerja-Kerja Berkaitan di Bilik Mesyuarat Aras 2, Bangunan E45, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, USM, PP. 29/09/2009–21/12/2009
	22. Mengecat Keseluruhan Bahagian Luar Bangunan Kompleks J, USM, PP. 09/11/2009–18/01/2010
	23. Membina Bangunan Kabin untuk Bilik Pensyarah, Blok B serta Lain-Lain Yang Berkaitan Berhampiran Bangunan L17, Dewan Utama Pelajar, USM, PP. 10/06/2009–04/08/2009
	24. Memasang Sistem Pencegah Kebakaran dalam Bangunan Tambahan Perpustakaan Utama, USM, PP. 22/06/2009–12/10/2009
	25. Membina Bangunan Kabin untuk Bilik Pensyarah, Blok D serta Lain-Lain Yang Berkaitan Berhampiran Bangunan L17, Dewan Utama Pelajar, USM, PP. 10/07/2009–04/08/2009
	26. Membekal, Memasang, Mendawai Serta Menguji Terima Sistem Penghawa Dingin Jenis <i>Air-Cooled Packaged</i> dan Lain-Lain Yang Berkaitan di Bangunan Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah (B01), USM, PP. 21/08/2009–29/10/2009
	27. Memasang Sengkuap (<i>awning</i>) di Desasiswa Gemilang, Bangunan H34 dan H35, USM, PP. 23/09/2009–21/10/2009
	28. Membina Laluan Masuk dan Ruang Pemunggal Baru di Kawasan Berhampiran Bangunan M05 dan M09 di Desasiswa Restu, Saujana dan Tekun, USM, PP. 23/09/2009–10/11/2009

PENYENGGARAAN

Integrated Maintenance Operation System (IMOS) telah mula digunakan pada 12 Januari 2009 untuk mengurus kerja-kerja penyenggaraan yang diminta oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ). Selaras dengan pelaksanaan pelan transformasi dan penstrukturan pengurusan Jabatan Pembangunan, operasi penyenggaraan IMOS sedia ada diselaraskan dengan sistem ZON. Sistem ini membolehkan PTJ membuat laporan kerosakan secara atas talian atau melalui telefon terus kepada Jabatan Pembangunan. PTJ yang berkenaan akan dimaklumkan tentang jangka masa proses penyenggaraan. Setelah kerja penyenggaraan tamat, pihak PTJ akan memberikan maklum balas.

Jadual 55 Permohonan Kerja-Kerja Penyenggaraan Melalui IMOS dan ZON

Jenis Kerja	N	S	P	T	B	Jumlah Doket	Doket Siap (S+B)	Kemajuan Kerja Siap ((S+B)/(S+B+P))%	Keseluruhan Doket ((S+T+B)/(S+P+B+T+N)) %
Awam	18	8167	108	15	658	8966	8825	98.79	98.59
Elektrik	17	3953	37	1	11	4019	3964	99.08	98.66
Mekanik	15	2480	214	7	7	2723	2487	92.08	91.59
Pembersihan	1	207	4	0	10	222	217	98.19	97.75
Jumlah	51	14,807	363	23	686	15,930	15,493	97.71	97.40

Nota:

N (doket baru), S (doket siap), P (doket dalam proses), T (permohonan yang ditolak), B (doket batal)

PRESTASI KEWANGAN

Prestasi perbelanjaan peruntukan Jabatan ini amat membanggakan dan telah mencapai tahap hampir seratus peratus seperti dalam Jadual 56 dan 57.

Jadual 56 Belanjawan Jabatan Pembangunan

Jenis Vot	Peruntukan	Perbelanjaan	Peratusan
21000	135,000.00	137,097.43	1.55
23000	5,000.00	3,769.00	75.38
25000	1,000.00	1,060.40	106.04
27000	14,000.00	14,210.66	101.50
28000	2,000.00	1,718.00	85.90
29000	6,000.00	4,317.90	71.97
35000	24,000.00	21,696.00	90.40
Jumlah	187,000.00	183,869.39	98.33

Jadual 57 Belanjawan Jabatan Pembangunan Pusat

Jenis Vot	Peruntukan	Perbelanjaan	Peratusan
03200	103,000.00	16,749.05	16.26
03300	75,000.00	0.00	0.00
03400	180,000.00	180,000.00	100.00
23000	17,243,500.00	16,103,449.69	93.39
24000	5,000.00	3,750.00	75.00
26000	960,000.00	987,574.00	102.87
27000	2,190,000.00	2,125,745.12	97.07
28000	8,478,000.00	9,652,586.83	113.85
29000	82,000.00	82,655.05	100.80
32000	3,146,300.00	3,147,017.43	100.02
33000	1,376,000.00	1,375,196.46	99.94
34000	200,000.00	173,682.00	86.84
35000	1,176,000.00	1,177,390.50	100.12
52000	6,500.00	6,253.69	96.21
Jumlah	35,221,300.00	35,032,049.82	99.46

RUMUSAN

Secara keseluruhan Jabatan Pembangunan telah memberikan perkhidmatan yang memuaskan dengan penggunaan kewangan yang berhemah. Pelbagai aktiviti telah dijalankan dalam proses menyokong pembangunan Universiti sama ada dalam pembangunan prasarana mahupun dalam pelaksanaan aktiviti masyarakat kampus.

PENGENALAN

Penerbit Universiti Sains Malaysia (Penerbit USM) ialah sebuah penerbit ilmiah yang dinamik dan berwibawa. Semua dasar dan peraturannya ditentukan oleh Jawatankuasa Penerbitan Universiti (JPU) yang merupakan sebuah Jawatankuasa Tetap Senat. JPU juga bertanggungjawab mempertimbangkan permohonan untuk menerbitkan buku dan jurnal yang diterima daripada pengarang dan pusat-pusat pengajian. Semua aktiviti Penerbit USM dibiayai daripada peruntukan tahunan Universiti. Jumlah staf yang berjawatan tetap pada tahun 2009 ialah seramai 44 orang. Kini Penerbit USM memainkan peranan utama dalam Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).

PENERBIT USM

OBJEKTIF

Objektif Penerbit USM adalah untuk menghasil dan memperkasa penerbitan ilmiah dalam bentuk buku dan jurnal untuk memperkaya khazanah ilmu dan menyebarkannya demi manfaat manusia sejagat serta memartabatkan USM. Teras Kerja Penerbit USM adalah seperti berikut:

- i. Memperoleh karya ilmiah yang bermutu tinggi.
- ii. Menghasilkan penerbitan ilmiah, khususnya buku dan jurnal, yang bermutu tinggi.
- iii. Memasar dan menyebarkan produk penerbitan ilmiah secara agresif dan global.
- iv. Menaikkan imej USM melalui penerbitan.

AKTIVITI AM

1. Penerbitan

Dari tahun ke tahun Penerbit USM meneruskan langkah ke arah menjadi sebuah penerbit ilmiah yang berwibawa dalam penerbitan buku dan jurnal pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pada tahun 2009, sebanyak 73 penerbitan baharu telah berjaya diterbitkan. Penerbitan ini terdiri daripada 34 judul buku, sembilan siri syarahan umum dan 30 isu jurnal.

2. Pemasaran

Penerbit USM telah menjalankan usaha yang bersungguh-sungguh memasarkan karya-karya terbitannya di dalam dan di luar negara. Saluran utama pemasaran ialah pengedar buku dalam negara. Edaran ini termasuklah edaran secara dalam talian yang membolehkan pelanggan dalam dan luar negara membeli produk Penerbit USM dengan menggunakan kad kredit. Tiga ejen yang terlibat ialah *e-kedai.net*, *bukumalaysia.com* dan *mphonline.com.my*. Jurnal bercetak juga dipasarkan melalui agen langganan dan pembelian terus dari luar negara, iaitu Australia, Netherlands, Jerman, Switzerland, Perancis, Singapura, Korea Selatan, Uganda, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Penerbit USM juga mengadakan sebanyak 28 aktiviti promosi/pemasaran dan jualan terus di sepanjang tahun 2009. Jumlah Jualan Buku Penerbit USM mulai 1 Januari 2009–31 Disember 2009 ialah RM315,667.79. Penerbit USM mempunyai sebuah galeri yang dinamakan Taman

Buku. Di sini diadakan aktiviti ceramah, perbincangan dan jualan dari semasa ke semasa termasuk Pameran Pembangunan Lestari & Siri Kampus Sejahtera pada 2–30 Mac 2009 dan Pameran Buku Pemikiran, Tamadun & Falsafah Islam pada 1 September 2009–16 Oktober 2009.

AKTIVITI KHUSUS

1. Persidangan Kebangsaan Penerbitan Ilmiah 2009

Penerbit USM merupakan anggota MAPIM yang aktif. Pada tahun 2009 Penerbit USM telah menjadi tuan rumah untuk MAPIM, dan berjaya melaksanakan Persidangan Kebangsaan Penerbitan Ilmiah 2009 pada 18–19 April 2009 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Tema persidangan ialah Pengantarabangsaan Penerbitan Ilmiah Malaysia. Persidangan ini telah dihadiri oleh sekitar 350 orang peserta.

2. Aktiviti Pemasaran Buku MAPIM di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur

Di bawah MAPIM, Penerbit USM menerajui pengurusan jualan secara berpusat dengan menggunakan *Sistem Point of Sales* bagi 17 ahlinya di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2009. Usaha Penerbit USM merintis operasi secara berpusat ini telah mendapat maklum balas dan penerimaan yang baik daripada ahli-ahli MAPIM.

3. Program Heboh Buku

Program Heboh Buku merupakan satu acara besar tahunan Penerbit USM untuk mempromosi penerbitannya sambil menyuburkan minat dan budaya membaca masyarakat. Program ini mengumpulkan penerbit-penerbit IPTA di bawah payung MAPIM dan penerbit-penerbit swasta tempatan. Ia diadakan di Dewan Pelajar Utama USM 23–26 Julai 2009 yang meliputi aktiviti majlis pelancaran buku, bicara buku, pameran dan jualan buku, bacaan puisi, muzik tradisional, dan pelbagai aktiviti untuk penyertaan orang ramai serta cabutan nombor bertuah. Penerbitan yang dilancarkan berjumlah 27 buah buku dan melibatkan 43 orang pengarang.

LATIHAN

Sebagai usaha meningkatkan kemahiran bakal penulis, tenaga editorial, pengeluaran dan pemasarannya, sebanyak 14 bengkel/kursus telah diadakan oleh Penerbit USM dengan kerjasama Unit Latihan, Jabatan Pendaftar.


PENCAPAIAN

1. Anugerah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) 2008

Penerbit USM melakar kejayaan yang membanggakan apabila berjaya merangkul tiga daripada enam kategori anugerah dalam Anugerah MAPIM 2008. Majlis Penyampaian Anugerah diadakan pada 18 Mac 2009 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Kemenangan yang dirangkul adalah seperti berikut:



Anugerah Buku Terbaik Kemanusiaan & Sains Sosial oleh Profesor Madya Jelani Harun dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan menerusi buku *Undang-undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*



Anugerah Makalah Jurnal Terbaik Sains, Teknologi & Perubatan menerusi makalah '*Subordination and Superordination of the Liu-Srivastava Linear Operator on Meromorphic Function*' oleh Profesor Dato' Rosihan M. Ali, Dr. V.Ravichandran dan Dr. N. Seenivasagan

Profesor Madya Jelani Harun dan Profesor Madya Hillol Kanti Pal masing-masing menerima hadiah wang tunai sebanyak RM12,000 dan sijil, manakala Penerbit USM yang bertanggungjawab terhadap penerbitan kedua-dua buku berkenaan turut menerima anugerah wang tunai sebanyak RM3,000.00 bagi setiap judul. Profesor Dato' Rosihan M. Ali pula menerima wang tunai sebanyak RM5,000.00 dan sijil bagi kategori yang beliau menangi.

2. Anugerah Akademik Negara (AAN)

Berasaskan buku yang memenangi Anugerah MAPIM 2008, iaitu Undang-Undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan terbitan Penerbit USM, Profesor Madya Jelani Harun telah memperoleh Anugerah Akademik Negara 2008 bagi kategori Penerbitan Buku.

3. Anugerah Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) 2009: Sijil Penghargaan (Hadiah Saguhati)

Buku: Complex Analysis

Pengarang: Rosihan M. Ali dan V. Ravichandran

4. Anugerah Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) 2009: Kategori Buku Dewasa Fiksyen

Buku: Setaman Pantun Kenangan

Pengarang: Abdul Halim R.

Editor Umum: Muhammad Hj. Salleh


5. Anugerah Sanggar Sanjung USM 2009

Berasaskan kemenangan dalam Anugerah MAPIM 2009, Penerbit USM telah dianugerahkan Anugerah Sanggar Sanjung USM 2009 seperti berikut:

- i. Kategori Kualiti, peringkat Kebangsaan untuk "Anugerah Buku Terbaik Sains, Teknologi & Perubatan" bernilai RM3,000, plak dan sijil berdasarkan penerbitan buku *Atlas of Craniovertebral Junction Surgery: Problems and Solutions*.
- ii. Kategori Kualiti, peringkat Kebangsaan untuk "Anugerah Buku Terbaik Kemanusiaan & Sains Sosial" bernilai RM3,000, plak dan sijil berdasarkan penerbitan buku *Undang-Undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*.

6. Pengindeksan Jurnal dalam Pangkalan Data Antarabangsa

Jurnal yang berjaya diindeks dalam pangkalan data antarabangsa ditunjukkan dalam Jadual 58–60.



Jadual 58 Senarai jurnal yang diindeks dalam ISI Web of Knowledge

Jurnal	Ketua Sidang Pengarang
Bulletin of the Malaysian Mathematical Sciences Society	Profesor Dato' Rosihan M. Ali

Jadual 59 Senarai Jurnal Yang Diindeks dalam SCOPUS

Jurnal	Ketua Sidang Pengarang
Asian Academy of Management Journal of Accounting and Finance	Profesor Madya Datin Ruhani Hj. Ali
Bulletin of the Malaysian Mathematical Sciences Society	Profesor Dato' Rosihan M. Ali
Malaysian Journal of Medical Sciences	Profesor Jafri Malin Abdullah

Jadual 59 Senarai Jurnal dalam EbscoHost

Jurnal	Ketua Sidang Pengarang
Asian Academy of Management Journal	Profesor Madya Nabsiah Abd.Wahid/ Profesor Fauziah Md Taib
Asian Academy of Management Journal of Accounting and Finance	Profesor Madya Datin Ruhani Hj. Ali
Bulletin of the Malaysian Mathematical Sciences Society	Profesor Dato' Rosihan M. Ali
International Journal of Asia-Pacific Studies	Profesor Ooi Keat Gin
Journal of Construction in Developing Countries	Profesor Abdul Rashid Abdul Aziz
Tropical Life Sciences Research (<i>dahulunya Jurnal Biosains</i>)	Profesor Mashhor Mansor
Jurnal Pendidik dan Pendidikan	Profesor Abdul Rashid Mohamed
Malaysian Journal of Distance Education	Profesor Hanafi Atan
Kajian Malaysia	Profesor Madya Chan Huan Chiang/ Profesor Madya Shakila Manan
Wacana Seni, Journal of Arts Discourse	Profesor Tan Sooi Beng

RUMUSAN

Sejak USM mencapai taraf Universiti Penyelidikan dan APEX, Penerbit USM telah mengambil tindakan yang amat proaktif dalam usaha menjana penerbitan buku dan jurnal dengan kuantiti dan kualiti yang lebih tinggi. Setiap bahagian dan unit dalam Penerbit USM lebih fokus kepada bidang tugas masing-masing, namun bersinergi dengan bahagian yang lain sebagai satu pasukan. Proses kerja editorial, grafik dan pengeluaran buku menjadi lebih mantap. Penerbitan jurnal juga lebih lancar dan berkesan. Justeru, kebelakangan ini Penerbit USM sentiasa memenangi anugerah demi anugerah buku dan makalah jurnal, terutamanya Anugerah MAPIM. Aktiviti pemasaran juga mengalami anjakan, dari jualan tunai ke jualan menggunakan kad kredit dan dari lokal ke global.



Anugerah Sanggar Sanjung USM 2009 di Hotel Equatorial, Pulau Pinang



Heboh Buku 2009 di Dewan Utama Pelajar pada 23–26 Julai 2009



Anugerah MAPIM 2008 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 18 April 2009



Bengkel Indeks 2009 di Bilik Mesyuarah Za'ba, Penerbit USM pada 25–26 Jun 2009



Gerai MAPIM di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2009 pada 17–26 April 2009



PENGENALAN

Bahagian Pembangunan Korporat telah ditubuhkan pada bulan Februari 2000 untuk melaksanakan Pembangunan Strategik, Jaminan Kualiti dan Perkhidmatan Maklumat Eksekutif (EIS). Pada tahun yang sama, Program Kampus Sejahtera telah dilancarkan dan dimasukkan di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN LESTARI DAN KORPORAT

Pada 10 Disember 2005, Mesyuarat Majlis Eksekutif Naib Canselor telah menukar nama bahagian ini kepada Bahagian Pembangunan Lestari dan Korporat (BPLK), sesuai dengan tumpuan universiti kepada isu alam sekitar dan kelestarian.

Pada tahun 2009, fungsi Bahagian ini semakin bertambah dengan penglibatannya dalam aktiviti-aktiviti pembangunan pelbagai dasar Universiti di samping menyokong aktiviti Pusat Kepakaran Serantau dan Program Warga Sejahtera yang semakin berkembang sehala hasrat Universiti

OBJEKTIF

Kerajaan berhasrat supaya Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam lebih berdikari dari segi kewangan dan dalam hal ini, BPLK berperanan untuk merangka hala tuju USM sesuai dengan hasrat berkenaan.

AKTIVITI

1. Penyelarasan Pelan Strategik USM

BPLK telah menyelaras pembangunan pelan strategik untuk meningkatkan kecekapan staf, meningkatkan sistem akademik, mengadakan program melindungi alam sekitar, menilai dan memantapkan struktur organisasi, mengaplikasikan teknologi pintar dan mengkaji semula sistem pengurusan melalui program-program khusus yang dilaksanakan sepanjang tahun 2009

2. Perkhidmatan Maklumat Eksekutif

EIS menjadi pembekal utama maklumat pengurusan berteraskan teknologi maklumat dengan penggunaan kaedah-kaedah statistik. Selaras dengan status universiti sebagai Universiti Penyelidikan (RU) dan Universiti berstatus APEX, EIS telah diberikan tanggungjawab dalam menyediakan petunjuk prestasi Universiti dan pusat tanggungjawab

(PTJ) berdasarkan kriteria RU. Maklumat-maklumat pengurusan dan petunjuk prestasi ini amat berguna untuk membantu pegawai tertinggi Universiti membuat keputusan dalam usaha mereka untuk mengimbangkan pelan jangka masa pendek dengan keperluan jangka masa panjang. Dalam melaksanakan peranan penting sebagai sumber maklumat yang bersepadu dan strategik, EIS mengimplementasikan proses pengumpulan dan pengurusan data secara sistematik menggunakan kaedah-kaedah terkini dan penjaan data serta statistik yang mesra pengguna.

Aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti dalam Jadual 61.

Jadual 61 Aktiviti Perkhidmatan Maklumat Eksekutif

Tarikh	Aktiviti
Februari 2009	Penyelarasan dan penyediaan data MyMoheS, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia untuk data Semester II, Sidang Akademik 2008/2009
Ogos 2009	Penyelarasan dan penyediaan data MyMoheS, KPT Malaysia untuk data Semester I, Sidang Akademik 2009/2010
Februari–Mei 2009	Pengauditan Dalaman Universiti Penyelidikan Bagi Tahun 2008 – penyediaan KPI dan prestasi bagi 37 PTJ. Prestasi PTJ bagi tahun 2008 dimajukan kepada Jawatankuasa KPI/KIP Universiti bagi tujuan pemberian insentif kepada PTJ
Mei–Jun 2009	Penyediaan data dan statistik untuk Ranking of Universities oleh THES – QS World University Rankings
Jun–Disember 2009	Pengauditan Dalaman Universiti Penyelidikan Bagi Tahun 2009 – penyediaan KPI dan prestasi bagi 41 PTJ. Prestasi PTJ bagi tahun 2009 dimajukan kepada Jawatankuasa KPI/KIP Universiti bagi tujuan pemberian insentif kepada PTJ
Jun–Disember 2009	Penyediaan KPI dan prestasi USM berdasarkan kriteria RU kepada Jawatankuasa KPI/KIP Universiti dan KPT: i. KPI Januari–Jun 2009 ii. KPI Januari–September 2009 iii. KPI Januari–Oktober 2009 iv. KPI Januari–Disember 2009
Januari–Disember 2009	Sebanyak 44 permintaan pelbagai maklumat secara <i>ad hoc</i> daripada agensi dalam dan luar USM telah diterima dan selesai dilaksanakan
Mac–Disember 2009	Penyediaan dan pengemaskinian data USM untuk 12 Projek Agenda Kritis (CAPs) dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) melalui laman web e-PMO – www.psptn.net . BPLK juga membantu Institutional Programme Management Office (i-PMO) dalam persediaan lawatan keserakanan oleh pihak KPT pada 10–11 Disember 2009 ke USM bagi mengukur kemajuan pelaksanaan 12 CAPs

3. Memorandum Persefahaman dan Memorandum Perjanjian

BPLK telah mengurus penyediaan 47 dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) antara USM dengan organisasi luar. Penyediaan dokumen ini melibatkan kerjasama dengan Unit Perundangan dan Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan dalam aspek perundangan dan bahasa. Dokumen yang telah ditandatangani disimpan di BPLK untuk rujukan pada masa akan datang.

4. Sekretariat Petunjuk Prestasi Utama USM

BPLK merupakan Sekretariat Petunjuk Prestasi Utama USM. Sekretariat ini telah mengumpul dan menilai data serta melakukan kerja-kerja audit ke atas prestasi pusat-pusat pengajian dan PTJ di USM untuk menentukan KPI USM tercapai selaras dengan statusnya sebagai RU.

5. Sekretariat Jawatankuasa Pemandu Universiti berstatus APEX

Penubuhan Universiti berstatus APEX merupakan hasrat KPT untuk mewujudkan IPT yang bertaraf dunia. Pemilihan USM sebagai Universiti berstatus APEX adalah berdasarkan kepada tahap kesediaan USM untuk melalui transformasi dan pencapaian akademik. USM diberi tanggungjawab untuk membentuk pelajar yang cemerlang dan mampu menghasilkan kajian yang berkualiti dan memberi manfaat kepada masyarakat sejagat. Selain itu, Universiti ini juga bertanggungjawab untuk menghasilkan penyelidik yang bertaraf Nobel Laureate dan pensyarah yang bertaraf dunia.

Bagi merealisasikan hasrat ini, USM telah menubuhkan sembilan jawatankuasa kerja bagi melaksanakan projek berkaitan pemantapan pengurusan modal insan, transformasi pendidikan dan pembelajaran; menyemak semula penggunaan sumber, kesesuaian governan dan saluran penyelesaian masalah orang ramai; dan meningkatkan keprihatinan terhadap alam sekitar agar kelestarian masa depan tidak terabai.

Sebuah bengkel telah diadakan bagi setiap jawatankuasa

kerja ini untuk membenteng perancangan yang akan dilaksanakan selaras dengan keperluan Universiti berstatus APEX.

6. Pejabat Pengurusan Program PSPTN-iPMO

Pejabat Pengurusan Program KPT bertanggungjawab memantau universiti-universiti awam tempatan dalam melaksanakan PSPTN mengikut jadual yang ditetapkan. BPLK berperanan sebagai Pejabat Pengurusan Program pada peringkat USM untuk memastikan aktiviti seperti yang digariskan dalam CAPs tercapai.

7. Program Kampus Sejahtera

Kampus Sejahtera merupakan cetusan Naib Canselor dengan tujuan agar semua anggota masyarakat kampus dapat memberi komitmen yang sepenuhnya kepada pembangunan dan kelestarian universiti. Kampus Sejahtera merupakan satu kerangka yang mempunyai lima nilai asas seperti berikut:

- i. Membentuk dan membina minda setiap individu agar bertanggungjawab terhadap kampus.
- ii. Memberi tumpuan kepada usaha untuk membentuk ruang fizikal dan sosial yang sesuai untuk bekerja, beriadah dan belajar.
- iii. Memastikan setiap amalan dalam kampus perlu menguar-uarkan kebaikan pembangunan lestari yang bersifat mesra alam, mesra warga kampus dan mesra ketika bekerja; pada masa yang sama menggalakkan cara hidup yang sihat.
- iv. Memperuntukkan perkhidmatan penjagaan gigi dan kesihatan kepada pelajar dan staf.
- v. Menyokong sebarang aktiviti atau projek yang menyebarkan usaha ke arah membentuk kampus lestari.

Kempen 'The White Coffin' dan kempen 'Say No To Plastic Bags' merupakan antara aktiviti yang dilaksanakan oleh pelajar yang dimulakan sejak tahun 2008 dan terus dilaksanakan pada tahun 2009. Aktiviti lain yang

dianjurkan melalui Program Kampus Sejahtera termasuk Earth Hour, Program Kitar Semula, Program Pejabat Alamiah, Program Berbasikal, Kafeteria Sejahtera dan Program Menanam Pokok yang dapat menyumbang kepada kehidupan hidup yang sihat dan lestari. Aktiviti susulan termasuk 'Tapau-mania' yang dilaksanakan dengan sokongan daripada pihak Tupperware untuk menggalakkan masyarakat kampus membawa bekas guna semula apabila membeli makanan di kantin-kantin dalam kawasan kampus untuk dibawa pulang. Satu lagi aktiviti susulan ialah projek SMS Mi (Senyum, Mesra, Saling Menyayangi) yang menggalakkan jalinan persahabatan dan perasaan muhibbah dalam kalangan masyarakat kampus dan juga menyampaikan mesej kempen 'Say No To Plastic Bags' dengan cara yang mesra. Sebuah monograf yang memberi fokus kepada aktivisme persekitaran diterbitkan, yang memaparkan pandangan peribadi dan pengalaman para pelajar dan staf.

8. Pusat Kepakaran Serantau Penang@USM bagi Pendidikan untuk Pembangunan Lestari

Pusat Kepakaran Serantau Penang@USM bagi Pendidikan untuk Pembangunan Lestari diwujudkan sejak lima tahun lalu selepas mendapat pengiktirafan oleh United Nation University sebagai salah satu daripada tujuh pelopor Pusat Kepakaran Serantau. Ia mempunyai matlamat untuk memupuk kefahaman tentang pembangunan lestari, dan seterusnya memperkenalkan konsep ini dalam kandungan dan amalan pendidikan. Ia juga berhasrat untuk membentuk satu kerangka, termasuk polisi, bagi memudahkan usaha memperkenalkan pembangunan lestari dalam proses membuat keputusan. Kini, di bawah program APEX, RCE Penang@USM memikul tanggungjawab lebih intensif dalam mengarusperdanakan budaya kelestarian dalam kalangan masyarakat Universiti dan komuniti luar.

Universiti Sains Malaysia, sebagai peneraju utama RCE ini, menjalankan aktiviti berteraskan konsep rangkaian kerjasama pelbagai peringkat dan fungsi. Setelah lima tahun melaksanakan pelbagai aktiviti berteraskan pendidikan bagi pembangunan lestari, RCE Penang@USM pada tahun 2009, telah berjaya mengukuhkan

kedudukannya sebagai sebuah pusat yang komited terhadap usaha-usaha untuk menangani keperluan dan cabaran pembangunan lestari dengan menggunakan kerangka pendidikan yang berupaya untuk menjamin kelestarian di rantau ini.

Aktiviti yang dilaksanakan oleh RCE adalah seperti berikut:

- i. Mengadakan rangkaian kerjasama peringkat tinggi antara institusi pengajian tinggi di Asia dan di Pasifik yang dikenali sebagai ProSPER.Net (Promotion of Sustainability in Postgraduate Education and Research) untuk memperkenalkan kelestarian dalam pendidikan dan penyelidikan pada peringkat pengajian tinggi dalam kalangan universiti-universiti di Asia Pasifik. RCE Penang@USM telah menjadi tuan rumah kepada bengkel dan seminar berkaitan ProSPER.Net di Pulau Pinang dan mengetuai projek bersama 'Melatih Pendidik dan Penyelidik tentang Pembangunan Lestari'.
- ii. RCE Penang@USM telah menghasilkan penerbitan seperti berikut:
 - *Situational Analysis of the Malaysian Primary Education Towards Sustainable Development*
 - *Transforming Higher Education for a Sustainable Society*
 - *Striving for Sustainability: Case Study of NGOs in Penang*
 - *Education for Sustainable Development: Strategies and Actions of Institutions of Higher Education*
 - *Local Solutions for Global Problems*
- iii. RCE Penang@USM dengan kerjasama Leuphana University of Lüneburg dan UNESCO Chair on Education for Sustainable Development telah menjadi tuan rumah kepada The 3rd International Conference on Sustainability in Higher Education pada 20–22 November 2009 di Universiti Sains Malaysia.

- iv. RCE Penang@USM dengan kerjasama SERI dan Khazanah Nasional telah mengadakan Siri Persidangan Meja Bulat berkenaan Sustainable Penang Initiative II (SPI2). Projek ini ialah sambungan daripada projek berkaitan yang diadakan pada tahun 1999. Projek ini bertujuan mewujudkan kesedaran dalam kalangan orang awam untuk menggunakan petunjuk kelestarian bagi memantau pembangunan di Pulau Pinang yang meliputi kelestarian ekologi, keadilan sosial, produktiviti dan kepelbagaian budaya.
- v. RCE Penang@USM telah menganjurkan empat perjumpaan antara staf akademik universiti ini dengan pakar-pakar luar bagi bertukar-tukar pendapat melalui dialog dan perbincangan tentang agenda kelestarian. Program perjumpaan yang diadakan adalah seperti berikut:
 - i. Sustainable Development: A Philosophical Scrutiny
 - ii. Brainstorming Workshop on USM-APEX Sustainability Roadmap
 - iii. APEX Sustainability Dialog Towards A Collaborative Project
 - iv. Post Vice Chancellors' Forum 2009: Developing a Sustainability-led University Network in the British Commonwealth
- vi. Bagi membangkit kesedaran tentang kelestarian dalam kalangan masyarakat kampus, dua bengkel, The Campus-Wide Recycling Program yang melibatkan 50 orang pelajar telah diadakan. Di samping itu, RCE Penang@USM juga telah mengadakan program melibatkan kanak-kanak tadika. Kanak-kanak ini dilibatkan dalam projek menanam pokok, dengan harapan kanak-kanak ini menyayangi dan memelihara alam sekitar.
- vii. RCE Penang@USM juga telah mengadakan beberapa program lain dalam bentuk bantuan teknikal dan sokongan kewangan dalam kerangka memberikan

kesedaran dan maklumat lanjut ke arah pembangunan lestari. Antara program tersebut adalah seperti berikut:

- Program Pembinaan Kepimpinan Lestari bagi Pemimpin Pelajar telah diikuti oleh lebih kurang 100 orang pemimpin pelajar – latihan diberikan oleh Penyelaras RCE Penang@US bersama-sama jurulatih profesional luar.
 - Sumbangan kepada bengkel bagi latihan untuk jurulatih program River is Life: Sg Sedim–Sg Pinang Expedition.
 - Projek Kelestarian dan Tanggungjawab Sosial di kalangan pelajar-pelajar Sains Kemasyarakatan.
- viii. RCE Penang@USM dengan kerjasama Pejabat Antarabangsa telah mengadakan Program Sustainability Education Exposure bagi para pelajar daripada Yokohama National University.

9. Program Warga Sejahtera (PWS)

PWS memberi tumpuan kepada staf untuk dibimbing melalui aktiviti kaunseling, pementoran dan bantuan rakan sekerja. Bengkel Motivasi dan Pembinaan Diri, kem remaja sejahtera, bengkel keluarga sejahtera dan sesi kaunseling telah diadakan.

Selaras dengan program Universiti berstatus APEX, PWS melalui aktiviti Kunjung Bantu memberi tumpuan kepada staf di PTJ meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka dengan mengenal pasti masalah yang membelenggu mereka.

PWS juga, telah mengadakan kelas Bahasa Inggeris secara formal kepada staf yang bertugas di barisan hadapan agar mereka dapat berkomunikasi dengan fasih dan yakin dengan staf dan pelajar dari luar negara. Semua aktiviti PWS ditunjukkan dalam Jadual 62.

Jadual 62 Aktiviti Program Warga Sejahtera

Program	Kekerapan	Jumlah Peserta
Program Kunjung Bantu	20	952
Pertemuan dengan Kaunselor (Terapi Bersemuka)	13	14
Bengkel Bina Diri	1	38
Roadshow – Warga Sejahtera	1	197
Program Peningkatan Pertuturan Bahasa Inggeris	10 sesi	72
Jumlah	45	1273

10. Sekretariat Rancangan Malaysia Kesepuluh

Perancangan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) di Universiti Sains Malaysia telah dilaksanakan dengan penubuhan sebuah jawatankuasa kerja pada Mac 2009 dan BPLK berperanan sebagai sekretariat kepada jawatankuasa ini. Jawatankuasa ini berfungsi bagi mendapatkan perancangan dan kos yang terlibat untuk RMK-10 di bawah bidang kawalan dan PTJ masing-masing. Sebuah bengkel bagi meneliti perancangan projek-projek baharu dan kos terlibat yang diterima daripada pusat-pusat tanggungjawab telah diadakan. Hasil bengkel ini telah dibentangkan kepada KPT untuk dikemukakan kepada Unit Perancangan Ekonomi.

RUMUSAN

BPLK telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan berasaskan peranan yang ditetapkan oleh USM. Pencapaian ini ialah hasil kerjasama BPLK dengan PTJ lain.

Pendapatan Mengurus

Pendapatan mengurus Universiti Sains Malaysia pada tahun 2009 adalah sebanyak RM953,224,669 iaitu 20.0% lebih tinggi daripada pendapatan mengurus tahun 2008, yang berjumlah RM794,417,636. Pemberian daripada kerajaan berjumlah RM891,646,500 atau 93.5% daripada jumlah pendapatan keseluruhan. Manakala yuran pelajar pula berjumlah RM42,996,590 atau 4.5%. Pendapatan lain berjumlah RM 18,581,579 atau 2.0%. Jadual 63 meringkaskan pendapatan mengurus untuk tempoh 2 tahun.

LAPORAN KEWANGAN

Jadual 63 Pendapatan mengurus

	Tahun 2009		Tahun 2008	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Pemberian Kerajaan	891.6	93.5	725.4	91.3
Yuran Pelajar	43.0	4.5	41.7	5.3
Pendapatan Lain	18.6	2.0	27.3	3.4
Jumlah	953.2	100	794.4	100

Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus Universiti Sains Malaysia pada tahun 2009 adalah berjumlah RM968,246,526 iaitu 15.5% lebih tinggi daripada perbelanjaan mengurus tahun 2008 berjumlah RM838,525,160. Sebahagian besar daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan iaitu sebanyak RM468,511,702 atau 48.4% adalah untuk pembayaran emolumen. Perbelanjaan emolumen telah meningkat sebanyak 6.7% berbanding dengan perbelanjaan emolumen tahun 2008. Manakala baki 51.6% atau RM499,734,824 adalah untuk perbelanjaan bukan emolumen. Perbelanjaan bukan emolumen telah meningkat sebanyak 25.1% iaitu daripada RM399,400,752 pada tahun 2008 kepada RM499,734,824 pada tahun 2009. Jadual 64 meringkaskan perbelanjaan mengurus untuk tempoh 2 tahun.

Jadual 64 Pecahan perbelanjaan pengurus

	Tahun 2009		Tahun 2008	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Emolumen	468.5	48.4	439.1	52.4
Perkhidmatan dan Bekalan	283.5	29.3	250.4	29.9
Pembelian Harta Modal	77.9	8.1	46.4	5.5
Pemberian dan Kenaan Tetap	128.2	13.2	93.4	11.1
Perbelanjaan Lain	10.1	1.0	9.2	1.1
Jumlah	968.2	100	838.5	100

Secara keseluruhan, kekurangan pendapatan atas perbelanjaan mengurus Universiti adalah berjumlah RM15,021,863 iaitu 65.9% lebih rendah daripada kekurangan pada tahun 2008 iaitu sebanyak RM44,107,524. Sehubungan dengan ini, jumlah baki kekurangan terkumpul perbelanjaan mengurus tahun 2009 telah meningkat sebanyak RM23,332,809 atau 184.2% berbanding RM8,210,946 pada tahun 2008.

Jadual 65 Lebihan Perbelanjaan Mengurus

	Tahun 2009 RM Juta	Tahun 2008 RM Juta
Pendapatan	953.22	794.42
Perbelanjaan	968.24	838.53
Kekurangan untuk tahun	(15.02)	(44.11)
Pindahan	(0.10)	(0.06)
Kelebihan / (kekurangan) terkumpul awal tahun	(8.21)	35.96
Kekurangan terkumpul akhir tahun	(23.33)	(8.21)

Pendapatan Pembangunan

Pendapatan pembangunan Universiti Sains Malaysia pada tahun 2009 adalah berjumlah RM268,084,243 iaitu 1118.6% lebih tinggi daripada pendapatan pembangunan tahun 2008 berjumlah RM22,000,000. Sebaliknya tiada penerimaan pada tahun 2009 untuk tujuan penyelidikan FRGS (Fundamental Research Grant Scheme) berbanding dengan RM4,679,068 pada tahun 2008.

Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan pembangunan Universiti Sains Malaysia pada tahun 2009 adalah berjumlah RM165,865,472 iaitu 19.8% lebih tinggi daripada perbelanjaan pembangunan tahun 2008 berjumlah RM138,479,849. Perbelanjaan pembangunan dapat diringkaskan kepada perbelanjaan untuk tanah, bangunan dan kemudahan, alat kelengkapan dan buku serta bekalan dan perkhidmatan lain.

Perbelanjaan untuk tanah, bangunan dan infrastruktur bagi tujuan pembangunan pada tahun 2009 berjumlah RM103,575,301 iaitu 4.2% lebih rendah daripada perbelanjaan pada tahun 2008 berjumlah RM107,952,598. Jadual 4 menunjukkan secara terperinci perbandingan pecahan perbelanjaan pembangunan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2008 dan 2009.

Jadual 66 Perbelanjaan pembangunan

	Tahun 2009		Tahun 2008	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Tanah, Bangunan dan Kemudahan	103.6	62.4	107.9	78.0
Alat Kelengkapan dan Buku	52.4	31.6	23.5	17.0
Bekalan dan Perkhidmatan Lain	9.8	6.0	7.0	5.0
Jumlah	165.8	100	138.4	100

Terdapat lebih pendapatan atas perbelanjaan pembangunan pada tahun 2009 berjumlah RM102,218,771 berbanding dengan kekurangan pendapatan atas perbelanjaan pada tahun 2008 berjumlah RM111,800,781, menurun sebanyak RM214,019,552 atau 191.4%.

Kelebihan terkumpul sebanyak RM102,218,771 juta telah dapat mengurangkan kekurangan terkumpul perbelanjaan pembangunan daripada RM8.53 juta pada tahun 2008 kepada lebih RM94.23 juta pada tahun 2009 seperti tertera di Jadual 67.

Jadual 67 Lebihan perbelanjaan pembangunan

	Tahun 2009 RM Juta	Tahun 2008 RM Juta
Pendapatan	268.0	26.6
Perbelanjaan	165.8	138.4
Kelebihan/Kekurangan untuk tahun	102.2	(111.8)
Pelarasan	0.5	1.0
Kelebihan/Kekurangan terkumpul awal tahun	(8.5)	102.3
Kekurangan terkumpul akhir tahun	94.2	(8.5)

Pendapatan Penyelidikan E-Science

Pendapatan penyelidikan E-Science Universiti Sains Malaysia pada tahun 2009 adalah berjumlah RM10,526,450 iaitu 22.6% lebih rendah berbanding pada tahun 2008 berjumlah RM13,604,863 daripada kerajaan. Pemberian wang ini merupakan peruntukan untuk membiayai projek-projek penyelidikan jangka pendek.



Perbelanjaan Penyelidikan E-Science

Perbelanjaan penyelidikan E-Science Universiti Sains Malaysia pada tahun 2009 adalah berjumlah RM17,335,087 iaitu 8.3% lebih tinggi berbanding pada tahun 2008 berjumlah RM16,020,569. Daripada jumlah ini, 16.8 % ialah perbelanjaan untuk alat kelengkapan dan buku dan baki sebanyak 83.2% ialah perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan yang lain. Perbelanjaan ke atas alat kelengkapan dan buku telah meningkat sebanyak 9.2% dalam tahun 2009 berbanding tahun 2008. Manakala bagi perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan lain pula meningkat sebanyak 8.2% dalam tahun 2009 berbanding tahun 2008. Ini dapat dilihat dengan jelas di dalam Jadual 68.

Jadual 68 Perbelanjaan Penyelidikan E-Science

	Tahun 2009		Tahun 2008	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Alat Kelengkapan dan Buku	2.9	16.8	2.7	16.7
Bekalan dan Perkhidmatan Lain	14.4	83.2	13.3	83.3
Jumlah	17.3	100	16.0	100





**Pendapatan Universiti Tahun 2009 dan 2008
Mengikut Kumpulan Wang**




- Mengurus
- Universiti APEX
- Pembangunan
- Enterprise
- Universiti Penyelidikan
- Pembangunan Universiti
- Am

- Mengurus
- Universiti APEX
- Pembangunan
- Enterprise
- Universiti Penyelidikan
- Pembangunan Universiti
- Am


Perbelanjaan Universiti Tahun 2009 dan 2008 Mengikut Kumpulan Wang



Pendapatan Kumpulan Wang





Pecahan Pendapatan Kumpulan Wang





- Mengurus
- Universiti APEX
- Pembangunan
- Enterprise
- Universiti Penyelidikan
- Pembangunan Universiti
- Am

- Sumbangan
- Pendapatan Lain
- Perkhidmatan Hospital
- Faedah & Dividen
- Sewa
- Yuran


Perbelanjaan Kumpulan Wang




Pecahan Perbelanjaan



Peruntukan Belanja Mengurus




Peruntukan, Pendapatan dan Perbelanjaan Mengurus




- Perbelanjaan
- Pendapatan
- Peruntukan

Harta Bersih Universiti



KANDUNGAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Lembaga Pengarah	85
Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Universiti Sains Malaysia	86
Lembaran Imbangan	87
Penyata Pendapatan	99-90
Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang	91-92
Penyata Aliran Tunai	93-95
Lembaran Imbangan Kumpulan Wang Mengurus	96
Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus	97
Nota Kepada Penyata Kewangan	98-130



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2009, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan Penyata Kewangan yang disatukan.

(DATUK AZIZAH BINTI HJ. ARSHAD)
b.p KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
25 OGOS 2010

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENYATA AHLI LEMBAGA PENGARAH (AKAUN KUMPULAN)

Kami, **DATO' JAMALUDIN HASAN** dan **PROFESOR TAN SRI DATO' DZULKIFLI ABDUL RAZAK** yang merupakan Ahli Lembaga Pengarah **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA** pada 31 Disember 2009 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga,



.....
DATO' JAMALUDIN HASAN
Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh: 27 April 2009

Tempat: Pulau Pinang

Bagi Pihak Lembaga,



.....
PROFESOR TAN SRI DATO' DZULKIFLI ABDUL RAZAK
Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh: 21 Jun 2010

Tempat: Pulau Pinang

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Saya, **SALMIAH CHE PUTEH (No K/P : 550919-07-5224)** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di Pulau Pinang
pada 27 April 2010

}



.....
SALMIAH CHE PUTEH



Di hadapan saya,



.....
PESURUHJAYA SUMPAH

No. 16, Solok Bukit Jambul,
Bukit Jambul, 11900 Bayan Lepas,
Pulau Pinang.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2009

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	4	864,108,929	824,920,764	862,556,812	823,339,413
KERJA DALAM KEMAJUAN	5	161,902,346	70,463,914	161,902,346	70,463,914
PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI	6	-	-	5,000,000	5,000,000
PELABURAN JANGKA PANJANG	7	6,155,000	9,885,747	6,155,000	6,140,000
PELABURAN DALAM HARTANAH PAJAKAN	8	4,745,021	4,745,021	-	-
CUKAI TERTUNDA	30	9,008	-	-	-
ASET SEMASA					
Inventori	9	388,452	16,863,204	379,855	16,852,762
Pelaburan Jangka Pendek	10	24,308,273	17,342,869	20,492,223	17,342,869
Penghutang Pinjaman	11	12,565,029	15,344,393	12,565,029	15,344,393
Penghutang dan Pelbagai	12	50,628,195	47,664,456	42,097,711	42,411,391
Hutang dari Syarikat Subsidiari	13	-	-	6,295,425	4,606,790
Hutang dari Syarikat Sub - Subsidiari	14	-	-	836,663	1,633,950
Cagaran dan Prabayar	15	8,124,026	5,714,394	8,124,026	5,714,394
Simpanan Tetap	16	626,962,746	454,678,251	613,867,178	449,465,678
Wang Di Tangan dan Di Bank	17	72,835,635	32,090,569	68,095,726	29,106,426
		<u>795,812,356</u>	<u>589,698,136</u>	<u>772,753,836</u>	<u>582,478,653</u>
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang dan Pelbagai	18	146,493,011	144,109,583	133,170,773	133,744,751
Cagaran	19	14,404,516	9,455,656	14,404,516	9,455,656
Biasiswa / Dermasiswa	20	11,134,135	3,318,874	11,134,135	3,318,874
Terhutang kepada Pengarah Syarikat Subsidiari		2	2	-	-
Geran Jangka Pendek	21	7,325,153	-	-	-
Cukai		27,811	67,923	-	-
		<u>179,384,628</u>	<u>156,952,038</u>	<u>158,709,424</u>	<u>146,519,281</u>
ASET SEMASA BERSIH		<u>616,427,728</u>	<u>432,746,098</u>	<u>614,044,412</u>	<u>435,959,372</u>
		<u>1,653,348,032</u>	<u>1,342,761,544</u>	<u>1,649,658,570</u>	<u>1,340,902,699</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2009

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
DIBIYAI OLEH:					
KUMPULAN WANG MENGURUS	22	94,355,454	87,533,243	94,355,454	87,533,243
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN UNIVERSITI	23	164,218,188	173,927,766	164,218,188	173,927,766
KUMPULAN WANG AM	24	340,379,824	344,146,413	340,379,824	344,146,413
KUMPULAN WANG ENTERPRISE	25	164,098,399	157,083,401	164,238,744	157,223,746
KUMPULAN WANG UNIVERSITI PENYELIDIKAN	26	67,877,590	48,307,123	67,877,590	48,307,123
KUMPULAN WANG UNIVERSITI APEX	27	88,412,705	-	88,412,705	-
KEUNTUNGAN TERSIMPAN SYARIKAT SUBSIDIARI /		2,679,065	1,868,819	-	-
		<u>922,021,225</u>	<u>812,866,765</u>	<u>919,482,505</u>	<u>811,138,291</u>
REZAB MODAL	28	441,832	368,041	330,061	273,036
GERAN PEMBANGUNAN KERAJAAN	29	708,118,465	509,331,419	708,118,465	509,331,419
CUKAI TERTUNDA	30	-	35,366	-	-
GERAN JANGKA PANJANG	31	1,038,971	-	-	-
MANFAAT PEKERJA		21,727,539	20,159,953	21,727,539	20,159,953
		<u>1,653,348,032</u>	<u>1,342,761,544</u>	<u>1,649,658,570</u>	<u>1,340,902,699</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
PENDAPATAN					
Pemberian Kerajaan - Belanja Mengurus		891,646,500	725,412,400	891,646,500	725,412,400
Pemberian Kerajaan - E-Science		10,526,449	13,604,863	10,526,449	13,604,863
Pemberian Kerajaan - APEX		124,500,000	-	124,500,000	-
Yuran Pengajian		59,492,677	58,782,558	59,492,677	58,782,558
Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan		69,297,197	51,927,619	69,297,197	51,927,619
Sewa		7,974,871	6,493,388	6,305,333	5,197,707
Dividen		688,385	699,332	638,250	657,769
Faedah		10,963,167	9,110,494	10,795,003	8,950,439
Perkhidmatan Hospital		7,899,049	8,347,834	7,899,049	8,347,834
Sumbangan untuk Penyelidikan dan lain	32	58,049,245	43,725,367	58,049,245	43,725,367
Pendapatan Lain	33	45,494,017	108,585,806	27,486,116	93,170,341
		<u>1,286,531,557</u>	<u>1,026,689,661</u>	<u>1,266,635,819</u>	<u>1,009,776,897</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
PERBELANJAAN					
Emolumen		505,134,141	469,000,842	501,435,674	465,987,673
Perkhidmatan dan Bekalan		432,755,184	351,641,722	418,893,357	339,826,005
Pembelian Harta Modal		35,928,774	27,094,323	35,928,774	27,094,323
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		55,744,939	28,758,671	55,744,939	28,758,671
Elaun Untuk Hutang Ragu		2,758,275	3,030,614	2,680,888	3,030,614
Kerugian Akibat Kejatuhan Nilai Pelaburan - Pelaburan Jangka Pendek		69,583	2,691,447	-	2,512,895
Kerugian Pelupusan Atas Pelaburan Jangka Pendek		-	115,258	-	-
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan		368,392	105,217	339,115	103,735
Susutnilai		133,535,307	110,542,297	133,104,669	110,231,635
Perbelanjaan Lain		10,773,476	10,490,876	10,129,890	9,913,247
		<u>1,177,068,071</u>	<u>1,003,471,267</u>	<u>1,158,257,306</u>	<u>987,458,798</u>
Kelebihanpendapatan atas perbelanjaan sebelum cukai		109,463,486	23,218,394	108,378,513	22,318,099
Cukai	34	(309,026)	(338,254)	(34,299)	(19,656)
Kelebihanpendapatan atas perbelanjaan selepas cukai		<u>109,154,460</u>	<u>22,880,140</u>	<u>108,344,214</u>	<u>22,298,443</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN WANG PADA 31 DISEMBER 2009

KUMPULAN	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	Kumpulan Wang Am	Kumpulan Wang Enterprise	Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan	Kumpulan Wang Universiti APEX	Keuntungan Tersimpan Syarikat Subsidiari	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2008	133,101,927	182,758,194	301,521,163	138,979,653	32,338,566	-	1,287,122	789,986,625
Kelebihan / (Kekurangan) bersih bagi tahun	(45,508,284)	(8,830,428)	42,339,571	18,329,027	15,968,557	-	581,697	22,880,140
Pindahan	(60,400)	-	285,679	(225,279)	-	-	-	-
	(45,568,684)	(8,830,428)	42,625,250	18,103,748	15,968,557	-	581,697	22,880,140
Pada 31 Disember 2008	87,533,243	173,927,766	344,146,413	157,083,401	48,307,123	-	1,868,819	812,866,765
Kelebihan / (Kekurangan) bersih bagi tahun	6,922,211	(9,709,578)	(8,212,827)	7,011,236	19,570,467	92,762,705	810,246	109,154,460
Pindahan	(100,000)	-	4,446,238	3,762	-	(4,350,000)	-	-
	6,822,211	(9,709,578)	(3,766,589)	7,014,998	19,570,467	88,412,705	810,246	109,154,460
Pada 31 Disember 2009	94,355,454	164,218,188	340,379,824	164,098,399	67,877,590	88,412,705	2,679,065	922,021,225

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN WANG UNIVERSITI PADA 31 DISEMBER 2009

	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	Kumpulan Wang Am	Kumpulan Wang Enterprise	Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan	Kumpulan Wang Universiti APEX	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2008	133,101,927	182,758,194	301,521,163	139,119,998	32,338,566	-	788,839,848
Kelebihan / (Kekurangan) bersih bagi tahun	(45,508,284)	(8,830,428)	42,339,571	18,329,027	15,968,557	-	22,298,443
Pindahan	(60,400)	-	285,679	(225,279)	-	-	-
	(45,568,684)	(8,830,428)	42,625,250	18,103,748	15,968,557	-	22,298,443
Pada 31 Disember 2008	87,533,243	173,927,766	344,146,413	157,223,746	48,307,123	-	811,138,291
Kelebihan / (Kekurangan) bersih bagi tahun	6,922,211	(9,709,578)	(8,212,827)	7,011,236	19,570,467	92,762,705	108,344,214
Pindahan	(100,000)	-	4,446,238	3,762	-	(4,350,000)	-
	6,822,211	(9,709,578)	(3,766,589)	7,014,998	19,570,467	88,412,705	108,344,214
Pada 31 Disember 2009	94,355,454	164,218,188	340,379,824	164,238,744	67,877,590	88,412,705	919,482,505

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Kelebihan pendapatan atas perbelanjaan sebelum cukai	109,463,486	23,218,394	108,378,513	22,318,099
Pelarasan untuk:				
Susutnilai	133,531,423	110,546,452	133,104,669	110,231,635
Pendapatan dividen	(688,385)	(699,332)	(638,250)	(657,769)
Pendapatn geran perbelanjaan	(704,146)	-	-	-
Faedah diterima	(10,979,825)	(9,110,494)	(10,795,003)	(8,950,439)
Inventori dilupuskan	-	23,612	-	-
Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan	(69,297,197)	(51,927,619)	(69,297,197)	(51,927,619)
Muhibbah atas Penyatuan dihapuskira	(48,696)	14,053	-	-
Kerugian akibat kejatuhan nilai pelaburan	(12,934)	-	-	-
Kerugian akibat kejatuhan nilai pelaburan tidak lagi diperlukan	(1,826,537)	2,691,447	(1,896,120)	2,512,895
Pelupusan hartanah, loji dan peralatan	368,392	105,217	339,115	103,735
Elaun untuk hutang ragu	2,758,275	3,030,614	2,680,888	3,030,614
Elaun untuk hutang ragu tidak lagi diperlukan	(681,341)	(4,155,197)	(669,853)	(4,140,391)
Keuntungan atas pelaburan Jangka Pendek	(120,717)	(103,864)	(93,611)	(100,160)
Keuntungan atas jualan pelaburan Jangka Panjang	-	115,258	-	-
Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	161,761,798	73,748,541	161,113,151	72,420,600
Inventori	(16,471,062)	(1,021,717)	(16,472,907)	(1,041,773)
Penghutang	30,095,003	16,817,734	31,849,573	19,296,202
Pemiutang	14,391,760	16,839,772	12,638,540	10,253,116
Tunai dijanakan daripada aktiviti operasi	189,777,499	106,384,330	189,128,357	100,928,145

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

	KUMPULAN		UNIVERSITI		
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM	
Pembayaran Cukai	(356,396)	(266,675)	-	-	
Tunai bersih dari (digunakan dalam) aktiviti operasi	189,421,103	106,117,655	189,128,357	100,928,145	
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN					
Perolehan hartanah, loji dan peralatan	Nota A	(140,252,838)	(135,082,533)	(139,826,041)	(133,729,504)
Tambahan kerja dalam kemajuan		(124,273,574)	(62,176,604)	(124,273,574)	(62,176,604)
Perolehan Syarikat Subsidiari	Nota B	-	-	-	-
Pembelian Pelaburan Jangka Pendek		(757,500)	(2,075,001)	(757,500)	-
Dividen diterima		240,312	214,390	240,312	214,390
Faedah diterima		10,983,505	9,099,010	10,795,003	8,950,439
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(254,060,095)	(190,020,738)	(253,821,800)	(186,741,279)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Geran kerajaan untuk pembangunan		277,165,447	26,679,068	268,084,243	26,679,068
Tunai bersih dari aktiviti pembiayaan		277,165,447	26,679,068	268,084,243	26,679,068

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Kelebihan/ (Kekurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai Tunai dan tunai setara pada 1 Januari	212,526,455	(57,224,015)	203,390,800	(59,134,066)
	<u>486,646,270</u>	<u>543,870,285</u>	<u>478,572,104</u>	<u>537,706,170</u>
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	<u>699,172,725</u>	<u>486,646,270</u>	<u>681,962,904</u>	<u>478,572,104</u>
Simpanan Jangka Pendek	626,837,090	454,555,701	613,867,178	449,465,678
Wang tunai dan baki di bank	<u>72,335,635</u>	<u>32,090,569</u>	<u>68,095,726</u>	<u>29,106,426</u>
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	<u>699,172,725</u>	<u>486,646,270</u>	<u>681,962,904</u>	<u>478,572,104</u>

NOTA A:

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Jumlah perolehan hartanah, loji dan peralatan	(173,087,980)	(144,915,760)	(172,661,183)	(143,562,731)
Campur: Penambahan hartanah, loji dan peralatan yang tidak melibatkan transaksi tunai:				
Pindahan daripada akaun deposit	-	5,900,000	-	5,900,000
Pindahan daripada kerja dalam kemajuan	<u>32,835,142</u>	<u>3,933,227</u>	<u>32,835,142</u>	<u>3,933,227</u>
	<u>(140,252,838)</u>	<u>(135,082,533)</u>	<u>(139,826,041)</u>	<u>(133,729,504)</u>

NOTA B:

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Perolehan Syarikat Subsidiari :-				
Tunai di tangan	-	-	-	-
Terhutang kepada Perbadanan Induk	-	(14,051)	-	-
Bahagian Aset Bersih yang diperolehi	-	(14,051)	-	-
Muhibbah daripada penyatuan	-	14,053	-	-
Jumlah harga perolehan	-	2	-	-
Bahagian dijelaskan secara tunai	-	2	-	-
Aliran tunai daripada perolehan setelah ditolak tunai yang diperolehi	-	-	-	-

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
LEMBARAN IMBANGAN KUMPULAN WANG MENGURUS PADA 31 DISEMBER 2009

	NOTA	KUMPULAN 2009 RM	2008 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	4	112,512,387	92,547,468
KERJA DALAM KEMAJUAN	5	5,175,876	3,196,721
ASET SEMASA			
Inventori	9	-	16,353,712
Penghutang dan Pelbagai	12	19,289,233	22,077,625
Hutang dari Syarikat Subsidiari	13	(283,834)	(295,399)
Cagaran dan Prabayar	15	7,108,154	4,241,630
Simpanan Tetap	16	312,216,629	209,815,129
Wang Di Tangan dan Di Bank	17	(255,590,566)	(158,645,415)
		<u>82,739,616</u>	<u>93,547,282</u>
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang dan Pelbagai	18	63,598,354	70,617,607
Cagaran	19	9,833,814	7,860,880
Biasiswa/ Dermasiswa	20	11,134,135	3,318,874
		<u>84,566,303</u>	<u>81,797,361</u>
ASET SEMASA BERSIH		(1,826,687)	11,749,921
		<u>115,861,576</u>	<u>107,494,110</u>
DIBIYAI OLEH:			
KUMPULAN WANG MENGURUS	22	94,355,454	87,533,243
MANFAAT PEKERJA		21,506,122	19,960,867
		<u>115,861,576</u>	<u>107,494,110</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PENDAPATAN KUMPULAN WANG MENGRUS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	KUMPULAN	
	2009	2008
	RM	RM
PENDAPATAN		
Pemberian Kerajaan - Belanja Mengurus	891,646,500	725,412,400
Yuran Pengajian	42,996,590	41,709,667
Faedah	7,328,175	5,846,484
Perkhidmatan Hospital	4,795,613	4,903,098
Sewa	1,072,497	713,065
Pendapatan Lain	5,385,294	15,832,922
	<u>953,224,669</u>	<u>794,417,636</u>
PERBELANJAAN		
Emolumen	468,511,702	439,124,408
Perkhidmatan dan Bekalan	283,543,211	250,413,785
Pembelian Harta Modal	20,450,317	15,433,388
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	128,157,404	93,386,978
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	22,657	76,377
Elaun Untuk Hutang Ragu	2,680,888	3,030,614
Susutnilai	35,533,934	32,366,197
Perbelanjaan Lain	7,402,345	6,094,173
	<u>946,302,458</u>	<u>839,925,920</u>
Kelebihan / (Kekurangan) Pendapatan atas Perbelanjaan sebelum Cukai	6,922,211	(45,508,284)
Cukai	-	-
Kelebihan / (Kekurangan) Pendapatan atas Perbelanjaan selepas Cukai	<u>6,922,211</u>	<u>(45,508,284)</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

1 MAKLUMAT AM

(i) KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Universiti sepanjang tahun kewangan adalah untuk meningkatkan mutu pendidikan dalam usaha untuk melahirkan siswazah yang cemerlang demi memenuhi keperluan gunatenaga negara dan menjadi pusat kecemerlangan di bidang penyelidikan dengan penumpuan kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Kegiatan utama Syarikat Subsidiari sepanjang tahun kewangan adalah menyediakan perkhidmatan makmal dan perundingan, kontrak penyelidikan dan pembangunan, perkhidmatan pengurusan, sewa kecil ruang pejabat dan peralatan serta perdagangan.

(ii) LOKASI KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Universiti dijalankan di lokasi - lokasi berikut:

- (a) Kampus Induk di Minden, Pulau Pinang.
- (b) Kampus Kesihatan di Kubang Kerian, Kelantan.
- (c) Kampus Kejuruteraan di Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

(iii) TARIKH PENYATA KEWANGAN DILULUSKAN

Penyata Kewangan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti dalam mesyuarat khas Lembaga yang bersidang pada 25 Mei 2010.

2 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING

Kesemua dasar-dasar perakaunan penting sepertimana yang dinyatakan di bawah adalah konsisten sepertimana yang diamalkan di dalam tahun-tahun yang lalu.

2.1 ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Universiti disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah, kecuali disebut sebaliknya di dalam penyataan dasar perakaunan sepertimana dinyatakan di bawah. Penyata kewangan Universiti juga disediakan selaras dengan peruntukan yang telah ditetapkan oleh Akta Universiti dan Kolej Universiti (pindaan) 1996 dan piawaian perakaunan yang diluluskan.

2.2 PENYATUAN

Penyata kewangan kumpulan meliputi semua kumpulan wang Universiti dan Syarikat Subsidiarinya yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan. Penyata kewangan Syarikat Subsidiari diambilkira dalam penyata kewangan yang disatukan dari tarikh kawalan bermula secara efektif sehingga ke tarikh kawalan tamat. Kaedah untuk menyatukan akaun Universiti dengan akaun Syarikat Subsidiari ialah dengan menggunakan kaedah pengambilalihan.

Perbezaan antara kos pengambilalihan dan nilai saksama aset Syarikat Subsidiari pada tarikh pengambilalihan akan dilunaskan kepada akaun pendapatan dan perbelanjaan pada tahun pengambilalihan.

2.3 PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

Sebuah Syarikat Subsidiari adalah syarikat di mana Universiti mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang melebihi 50%. Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari dinyatakan pada kos dan akan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat daripada penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara. Penurunan nilai pelaburan tersebut dikenakan kepada penyata pendapatan.

2.4 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul kecuali bagi tanah milik bebas.

Tanah yang diberi oleh kerajaan diambilkira pada nilai RM1.00 setiap lot.

Bangunan yang diberi oleh kerajaan dipermodalkan pada nilai nominal sebanyak RM100.00 setiap bangunan.

Aset tetap yang berharga RM3,000.00 dan ke atas bagi setiap unit dipermodalkan.

Pembaikan bangunan yang kosnya melebihi RM300,000.00 akan dipermodalkan.

Susutnilai atas hartanah, loji dan peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos setiap aset di sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Tanah milik bebas tidak dilunaskan. Tanah pegangan pajakan dilunaskan samarata di sepanjang baki tempoh pajakan.

Kadar susutnilai tahunan yang digunakan untuk hartanah, loji dan peralatan lain adalah seperti berikut:

Infrastruktur dan Kemudahan	5%
Bangunan atas tanah milik bebas	5%
Bangunan atas tanah pajakan	5%
Pengubahsuaian	10%
Perabot dan Kelengkapan	12% - 33 1/3%
Kenderaan	20%
Alat tetap lain	20%

Susutnilai bagi hartanah, loji dan peralatan dikenakan kepada Kumpulan Wang masing - masing.

Apabila petunjuk penurunan nilai wujud, maka nilai dibawa aset ditaksir dan diturunkan dengan serta merta kepada jumlah yang boleh dikutip semula.

2.5 KERJA DALAM KEMAJUAN

Kerja dalam kemajuan meliputi bangunan yang sedang didirikan dan aset lain yang belum disempurnakan. Susutnilai tidak dikenakan ke atas kerja dalam kemajuan.

2.6 PELABURAN JANGKA PANJANG

Pelaburan Jangka Panjang dinyatakan pada kos, pelaburan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat daripada penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara dan penurunan nilai pelaburan dikenakan kepada penyata pendapatan.

2.7 PELABURAN DALAM HARTANAH PAJAKAN

Pelaburan dalam hartanah pajakan terdiri daripada tanah dan bangunan pajakan yang dipegang bertujuan untuk potensi pelaburan semula atau penyewaan. Pelaburan hartanah dinyatakan pada kos dan di pegang untuk tujuan pelaburan jangka panjang.

2.8 PELABURAN JANGKA PENDEK

Pelaburan Jangka Pendek dinyatakan pada kos. Pelaburan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara dan penurunan nilai tersebut dikenakan kepada penyata pendapatan. Saham bonus yang diterima akan diambilkira pada RM1.00 seunit.

2.9 INVENTORI

Inventori ubat-ubatan, alat guna habis dan bahan kimia dinyatakan pada kos. Kos ditentukan secara kaedah purata wajar.

Inventori kad elektronik dinyatakan pada nilai terendah diantara kos dan nilai boleh realis bersih. Kos ditentukan secara kaedah masuk - dahulu - keluar - dahulu (FIFO). Kos inventori termasuk kos pembelian asal dan kos lain yang boleh dikenalpasti untuk membawa inventori ke lokasi dan dalam keadaan semasanya.

2.10 PENGHUTANG

Penghutang dibawa ke dalam akaun adalah pada jangkaan nilai yang boleh direalis. Hutang yang dikenalpasti sebagai lapuk akan dilupuskan. Elaun untuk hutang ragu akan dibuat untuk hutang yang telah dikenalpasti sebagai ragu berdasarkan kepada penyemakan akhir tahun ke atas hutang lama yang berusia melebihi 1 tahun dan belum dapat dipungut.

Bagi hutang pinjaman pelajar, elaun hutang ragu akan dibuat untuk baki pinjaman yang masih tertunggak pada tahun kedua selepas peminjam menjadi graduan.

Bagi Syarikat Subsidiari, elaun hutang ragu spesifik dibuat untuk hutang yang telah dipertimbangkan dan dijangka tidak akan dipungut.

Jumlah yang kemudiannya dapat dipungut balik akan dikira sebagai pendapatan.

2.11 PERJANJIAN SEWA BELI

Hartanah, loji dan peralatan yang diperolehi di bawah perjanjian sewa beli dipermodalkan pada kos pembelian dan disusutnilaikan mengikut asas yang sama seperti dinyatakan di Nota 2.4. Tanggungan tertunggak berkaitannya yang perlu dibayar di bawah sewa beli selepas pengurangan caj pembiayaan dimasukkan sebagai tanggungan dalam penyata kewangan. Caj pembiayaan diperuntukkan dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh perjanjian.

2.12 PENCUKAIAN TERTUNDA

Pencukaian tertunda dikira mengikut kaedah liabiliti berhubung dengan semua perbezaan masa yang penting kecuali dijangkakan dengan munasabah bahawa kesan pencukaian tertunda tersebut akan berterusan dalam masa depan yang boleh dijangkakan. Faedah pencukaian tertunda hanya diiktiraf apabila terdapat jangkaan realisasi yang munasabah pada masa depan yang terdekat.

2.13 PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN

- (i) Pemberian kerajaan diakaunkan atas asas akrual selaras dengan kandungan perjanjian geran kerajaan untuk Belanja Mengurus dan diambilkira dalam Penyata Pendapatan.
- (ii) Pemberian untuk projek - projek penyelidikan E-Science diakaunkan di dalam Kumpulan Wang Penyelidikan E-Science.
- (iii) Pemberian untuk Belanja Pembangunan yang diterima untuk membiayai kos projek modal pembangunan dikreditkan kepada akaun Geran Pembangunan Kerajaan. Amaun dalam akaun ini diagihkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan secara purata garis lurus ke atas jangka masa projek berkenaan.
- (iv) Yuran Universiti diiktiraf berasaskan asas akrual.

- (v) Pendapatan daripada perkhidmatan diiktiraf apabila perkhidmatan selesai disempurnakan.
- (vi) Pendapatan daripada jualan barangan diiktiraf apabila barangan selesai dihantar.
- (vii) Pendapatan daripada kontrak penyelidikan dan pembangunan diiktiraf mengikut kaedah peratusan penyiapan. Sebarang kerugian yang dijangka akan diiktiraf sejauh mana yang boleh ditentukan.
- (viii) Keuntungan atas simpanan secara Islam diiktiraf berdasarkan asas tunai.
- (ix) Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pendapatan tersebut diperolehi.
Pendapatan dividen:
 - (a) Pendapatan dikreditkan ke Kumpulan Wang yang berkenaan sekiranya pelaburan dan simpanan tetap diperuntukkan khas untuk Kumpulan Wang tertentu.
 - (b) Pendapatan diambilkira sebagai pendapatan Universiti bagi pelaburan dan simpanan tetap yang tidak dikhususkan untuk Kumpulan Wang tertentu.
- (x) Sewa diiktiraf berdasarkan asas akruan selaras dengan perjanjian yang telah dipersetujui di antara pihak Universiti dan penyewa.
- (xi) Sumbangan diiktiraf apabila pendapatan itu diterima.
- (xii) Tuntutan bayaran balik mungkir perjanjian diiktiraf apabila surat tuntutan dikeluarkan.

2.14 LIABILITI CUKAI PENDAPATAN

Universiti Sains Malaysia adalah dikecualikan dari cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadul 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan dividen.

2.15 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada simpanan tetap, baki wang di bank dan tunai dalam tangan.

2.16 INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan yang dinyatakan di dalam Lembaran Imbangan termasuk simpanan tetap di bank - bank berlesen, baki dalam tunai dan di bank, penghutang dan pemiutang. Kaedah pengiktirafan yang digunapakai telah dinyatakan di dalam penyata polisi perakaunan yang berkaitan dengan setiap item yang terlibat.

2.17 MANFAAT PEKERJA

- (i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji dan bonus dan sumbangan keselamatan sosial diambilkira sebagai perbelanjaan dalam tahun dimana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Universiti juga telah mengakaunkan bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap yang akan bersara pada tahun berikutnya sebagai liabiliti manfaat pekerja jangka pendek.

(ii) Pelan Caruman tetap

Universiti membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi staf yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) bagi staf yang memilih skim pencen. Caruman tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

(iii) Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007, Universiti telah menerima pakai Standard Perakaunan Malaysia 29 (MASB 29 - Employee Benefits) yang memerlukan bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam penyata pendapatan tahun semasa sebagai perbelanjaan manfaat pekerja dan di dalam Lembaran Imbangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Manfaat Pekerja Jangka Panjang.

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk pekerja yang telah mencapai umur 45 hingga 58 tahun pada tahun kewangan. Pengiraan amaun manfaat pekerja ini adalah berdasarkan bilangan cuti terkumpul sebenar dan kadar gaji serta elaun yang layak pada tahun kewangan.

3 POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan Universiti berupaya memastikan sumber kewangan adalah mencukupi untuk pembangunan aktiviti Kumpulan dan Universiti di samping mengurus risikonya.

Polisi Kumpulan dan Universiti bagi aktiviti yang berisiko kewangan adalah seperti berikut:

(i) Risiko Kadar Faedah

Aliran tunai dan pendapatan Kumpulan dan Universiti adalah sebahagian besarnya bebas daripada perubahan kadar faedah pasaran memandangkan Kumpulan dan Universiti tidak mempunyai sebarang pinjaman daripada institusi kewangan berlesen. Pendedahan risiko kadar faedah hanya berlaku daripada simpanan tetap Kumpulan dan Universiti dengan institusi kewangan berlesen. Pendedahan risiko ini juga adalah di paras minima kerana tempoh matang yang pendek untuk kesemua simpanan tetap berkenaan.

(ii) Risiko Kredit

Pendedahan risiko kredit adalah tidak ketara untuk Universiti kerana jumlah kredit yang diberi kepada pelanggannya adalah tidak signifikan dan dikawal melalui prosidur yang nyata. Untuk Syarikat Subsidiari, risiko kredit dikawal melalui permohonan kelulusan kredit, had kredit dan prosidur pemantauan kredit. Oleh itu, pihak pengurusan yakin bahawa tiada risiko kredit selain daripada jumlah yang diluluskan dan dibenarkan untuk dikutip.

(iii) Risiko Pasaran

Kegiatan utama Universiti adalah untuk meningkatkan mutu pendidikan Negara selaras dengan dasar - dasar Kerajaan dan tidak bertujuan keuntungan. Oleh itu, pendedahan kepada risiko pasaran adalah minima. Aktiviti Syarikat Subsidiari pula terdedah kepada risiko pasaran melalui persaingan dengan lain - lain Syarikat yang menyediakan perkhidmatan yang sama. Walau bagaimanapun risiko ini adalah ketara kerana Syarikat Subsidiari mempunyai hubungan yang rapat dan bekerjasama dengan Universiti yang berupaya menyediakan kepakaran dan sokongan pada bila - bila masa yang diperlukan.

(iv) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Kumpulan dan Universiti berupaya menyediakan jumlah tunai dan tunai setara yang mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerja. Sebarang lebihan dana akan dilaburkan di dalam simpanan tetap di institusi kewangan berlesen pada kadar faedah yang paling kompetitif.

4 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

KUMPULAN	Tanah / Bangunan*	Infrastruktur Kemudahan	Pengubahsuaian	Kenderaan	Alatan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
KOS						
Pada 1 Januari 2009						
Kumpulan Wang Mengurus	23,467,770	7,931,944	20,342,256	24,436,362	277,002,528	353,180,860
Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	237,092,818	29,063,900	-	-	-	266,156,718
Kumpulan Wang Am	260,060,685	2,660,442	2,078,065	4,522,939	137,954,344	407,276,475
Kumpulan Wang Enterprise	5,389,526	-	-	838,627	7,924,039	14,152,192
Kumpulan Wang Pembangunan	602,799,550	43,081,061	18,219,843	182,231	278,116,517	942,399,202
Kumpulan Wang Sains Fundamental	-	-	-	-	2,503,214	2,503,214
Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan	-	-	-	104,787	36,997,068	37,101,855
Kumpulan Wang Universiti Apex	-	-	-	-	-	-
Usains Holding Sdn Bhd	-	40,708	-	271,303	3,640,856	3,952,867
	1,128,810,349	82,778,055	40,640,164	30,356,249	744,138,566	2,026,723,383
Penambahan						
Kumpulan Wang Mengurus	6,779,730	701,771	-	4,715,061	43,324,948	55,521,510
Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	-	-	-	-	-	-
Kumpulan Wang Am	-	-	-	935,174	13,574,793	14,509,967
Kumpulan Wang Enterprise	-	1,875,600	-	611,430	1,935,004	4,422,034
Kumpulan Wang Pembangunan	7,595,836	6,244,360	7,424,593	-	47,697,571	68,962,360
Kumpulan Wang Sains Fundamental	-	-	-	-	604,255	604,255
Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan	-	-	-	-	21,255,846	21,255,846
Kumpulan Wang Universiti APEX	-	-	2,026,466	-	5,358,745	7,385,211
Usains Holding Sdn Bhd	-	-	5,689	-	421,108	426,797
	14,375,566	8,821,731	9,456,748	6,261,665	134,172,270	173,087,980
Hapuskira						
Kumpulan Wang Mengurus	-	-	-	(995,142)	(2,113,069)	(3,108,211)
Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	-	-	-	-	-	-
Kumpulan Wang Am	-	-	-	(64,500)	(2,936,654)	(3,001,154)
Kumpulan Wang Enterprise	-	-	-	-	(46,169)	(46,169)
Kumpulan Wang Pembangunan	-	-	-	-	(5,193,177)	(5,193,177)
Kumpulan Wang Sains Fundamental	-	-	-	-	(6,418)	(6,418)
Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan	-	-	-	-	(18,376)	(18,376)
Kumpulan Wang Universiti Apex	-	-	-	-	-	-
Usains Holding Sdn Bhd	-	-	-	-	(123,917)	(123,917)
	-	-	-	(1,059,642)	(10,437,780)	(11,497,422)
Pada 31 Disember 2009	1,143,185,915	91,599,786	50,096,912	35,558,272	867,873,056	2,188,313,941

4.1 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

KUMPULAN	Tanah / Bangunan*	Infrastruktur Kemudahan	Pengubahsuaian	Kenderaan	Alatan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
SUSUTNILAI TERKUMPUL						
Pada 1 Januari 2009						
Kumpulan Wang Mengurus	4,644,598	2,968,012	9,105,877	19,056,679	224,858,226	260,633,392
Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	57,098,730	10,093,052	-	-	-	67,191,782
Kumpulan Wang Am	253,993,800	2,660,438	997,571	2,650,352	106,407,131	366,709,292
Kumpulan Wang Enterprise	2,245,314	-	-	486,453	5,688,499	8,420,266
Kumpulan Wang Pembangunan	218,457,344	14,336,461	4,564,089	182,225	247,514,446	485,054,565
Kumpulan Wang Sains Fundamental	-	-	-	-	1,350,028	1,350,028
Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan	-	-	-	42,234	10,029,544	10,071,778
Kumpulan Wang Universiti APEX	-	-	-	-	-	-
Usains Holding Sdn Bhd	-	40,232	-	149,021	2,182,263	2,371,516
	536,439,786	30,098,195	14,667,537	22,566,964	598,030,137	1,201,802,619
Susutnilai Bagi Tahun						
Kumpulan Wang Mengurus	1,516,590	431,857	2,039,401	2,973,861	28,572,224	35,533,933
Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	8,248,593	1,460,986	-	-	-	9,709,579
Kumpulan Wang Am	2,321,051	-	231,822	749,616	16,664,528	19,967,017
Kumpulan Wang Enterprise	269,476	93,780	-	231,868	1,190,368	1,785,492
Kumpulan Wang Pembangunan	28,317,255	2,466,918	2,738,419	-	19,230,557	52,753,149
Kumpulan Wang Sains Fundamental	-	-	-	-	439,902	439,902
Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan	-	-	-	20,957	11,620,264	11,641,221
Kumpulan Wang Universiti APEX	-	-	202,647	-	1,071,729	1,274,376
Usains Holding Sdn Bhd	-	476	142	54,740	371,396	426,754
	40,672,965	4,454,017	5,212,431	4,031,042	79,160,968	133,531,423
Hapuskira						
Kumpulan Wang Mengurus	-	-	-	(995,129)	(2,090,425)	(3,085,554)
Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	-	-	-	(64,498)	(2,653,809)	(2,718,307)
Kumpulan Wang Am	-	-	-	-	(45,584)	(45,584)
Kumpulan Wang Enterprise	-	-	-	-	(5,174,133)	(5,174,133)
Kumpulan Wang Pembangunan	-	-	-	-	(6,417)	(6,417)
Kumpulan Wang Sains Fundamental	-	-	-	-	(4,395)	(4,395)
Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan	-	-	-	-	-	-
Kumpulan Wang Universiti Apex	-	-	-	-	-	-
Usains Holding Sdn Bhd	-	-	-	-	(94,640)	(94,640)
	-	-	-	(1,059,627)	(10,069,403)	(11,129,030)
Pada 31 Disember 2009	577,112,751	34,552,212	19,879,968	25,538,379	667,121,702	1,324,205,012
NILAI BUKU BERSIH						
Pada 31 Disember 2009	566,073,164	57,047,574	30,216,944	10,019,893	200,751,354	864,108,929
Pada 31 Disember 2008	592,370,563	52,679,860	25,972,627	7,789,285	146,108,429	824,920,764
Susutnilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2008	37,352,890	4,013,600	4,103,375	2,937,229	62,139,358	110,546,452

4.1.1 * PECAHAN DI ANTARA TANAH / BANGUNAN MILIK BEBAS DAN PAJAKAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:

KUMPULAN	Tanah Milik Bebas	Tanah Milik Pajakan	Bangunan Milik Bebas	Bangunan Milik Pajakan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
KOS					
Pada 1 Januari 2009					
Kumpulan Wang Mengurus	35	-	23,467,735	-	23,467,770
Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	73,550,434	-	163,542,384	-	237,092,818
Kumpulan Wang Am	4	2,866,000	249,399,988	7,794,693	260,060,685
Kumpulan Wang Enterprise	-	-	5,389,526	-	5,389,526
Kumpulan Wang Pembangunan	84,477,466	-	518,322,084	-	602,799,550
Kumpulan Wang Sains Fundamental	-	-	-	-	-
Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan	-	-	-	-	-
Kumpulan Wang Universiti APEX	-	-	-	-	-
Usains Holding Sdn Bhd	-	-	-	-	-
	158,027,939	2,866,000	960,121,717	7,794,693	1,128,810,349
Penambahan					
Kumpulan Wang Mengurus	-	-	6,779,730	-	6,779,730
Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	-	-	-	-	-
Kumpulan Wang Am	-	-	-	-	-
Kumpulan Wang Enterprise	-	-	-	-	-
Kumpulan Wang Pembangunan	-	-	7,595,836	-	7,595,836
Kumpulan Wang Sains Fundamental	-	-	-	-	-
Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan	-	-	-	-	-
Kumpulan Wang Universiti APEX	-	-	-	-	-
Usains Holding Sdn Bhd	-	-	-	-	-
	-	-	14,375,566	-	14,375,566
Hapuskira					
Kumpulan Wang Mengurus	-	-	-	-	-
Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	-	-	-	-	-
Kumpulan Wang Am	-	-	-	-	-
Kumpulan Wang Enterprise	-	-	-	-	-
Kumpulan Wang Pembangunan	(59,000,000)	40,876,000	18,124,000	-	-
Kumpulan Wang Sains Fundamental	-	-	-	-	-
Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan	-	-	-	-	-
Kumpulan Wang Universiti APEX	-	-	-	-	-
Usains Holding Sdn Bhd	-	-	-	-	-
	(59,000,000)	40,876,000	18,124,000	-	-
Pada 31 Disember 2009	99,027,939	43,742,000	992,621,283	7,794,693	1,143,185,915

